

G arapan *Misi*

Biografi

Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar

Cetakan Pertama 2000
© Institut Perkembangan Minda

Hak Cipta Terpelihara. Dilarang mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel daripada kandungan buku ini dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat keizinan bertulis dari Institut Perkembangan Minda.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garapan misi biografi Dato' Seri [Dr.] Haji Abu Hassan bin Haji Omar / Mohamad Khairudin Mohamad ... [et al.]

ISBN 983-9184-50-4

1. Abu Hassan bin Haji Omar, Dato' Seri. 2. Politicians-Selangor-Biography. 3. Mohamad

Khairudin Mohamad.

923.2595115

Diatur huruf oleh :

Institut Perkembangan Minda (INMIND)
11A Jalan Aman off Jalan Tun Razak
55000 Kuala Lumpur
Tel: 603-2416420
Faks: 603-2410264

M
923.2595115 115
APB

Rekabentuk kulit buku oleh :
Syapela Grafik Sdn. Bhd.

Dicetak oleh :

Percetakan IWC Sdn. Bhd.
No. 78, Jalan 10/118B
Desa Tun Razak, Cheras
56000 Kuala Lumpur
Tel: 603-9725803
Faks: 603-9721290

APB 01046558
NASKHAI PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
29 DEC 2001

KANDUNGAN

Sidang Editor	vii
Prakata	viii
BAB 1 PEMBUKA TIRAI	1
BAB 2 MENYINGKAP TABIR KEHIDUPAN	13
● Sejarah Keluarga	17
● Latar Belakang Pendidikan	21
● Perkongsian Hidup	24
● Kualiti dan Kepimpinan	31
BAB 3 MEGGILAP SEBUTIR PERMATA	45
● Falsafah dan Perjuangan	49
● Minat dan Kesungguhan	51
● Perjalanan Kerjaya	56
● Dari Pentadbir Kepada Pemimpin	58
● Penglibatan Dalam Politik	62

BAB 4	
MENJEJAKI PEMIKIRAN DAN HARAPAN	75
● Selangor Maju Di Bawah Kepimpinan Berwawasan	79
● Pemikiran Dan Pengalaman Di Peringkat Pusat dan Antarabangsa	95
BAB 5	
BILA BADAI MENERPA	113
● Cabaran-Cabaran Semasa	118
● Riau-Riau Kecil Di Air	121
● Mengharungi Gelombang	124
● Rahsia Meniti Kejayaan	128
BAB 6	
PENUTUP TIRAI	131
BAB 7	
UCAPAN-UCAPAN PILIHAN	139
BAB 8	
MENELUSURI DETIK-DETIK SEJARAH	157
LAMPIRAN	179
BIBLIOGRAFI	185
PENGHARGAAN	193





SIDANG EDITOR

EDITOR URUSAN

Dasuki Karsono

Setiausaha Akhbar Menteri Besar

Pejabat Menteri Besar Selangor

Tingkat 20, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

PENASIHAT

Aidil Hj. Ghazali

Ketua Eksekutif

Institut Perkembangan Minda (INMIND)
Kuala Lumpur

PENYELIDIK DAN PENGARANG

Mohamad Khairudin Mohamad (Ketua)

Dzulfiawati Hj. Hassan

Mohd. Yusof Hj. Din

Noor Malinjasari Ali

Ahmad Shukri Zakaria

Afifi Hussain

Maz Jamilah Masnan

Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid

Institut Perkembangan Minda (INMIND)
Kuala Lumpur

*P*RAKATA

Alhamdulillah, kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku biografi YAB Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar yang bertajuk "Garapan Msi" ini dapat disiapkan untuk tatapan pembaca yang ingin mengenali beliau secara lebih dekat.

Bahagian awal buku ini cuba menghayati sejarah hidup, latar belakang keluarga serta perjalanan hidup Dato' Seri dalam mengharungi cabaran sehingga berjaya dalam kerjaya beliau. Di samping itu, ketrampilan dan ketokohan beliau telah diketengahkan oleh pengarang agar dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, buku ini turut menggambarkan gaya pemikiran dan kepimpinan Dato' Seri sebagai seorang pemimpin yang mempunyai kewibawaan tersendiri.

Sesungguhnya pengalaman mentadbir dan memimpin kerajaan bermula di peringkat daerah, negeri dan persekutuan hinggahalah diberi kepercayaan menganggotai barisan ahli kabinet Malaysia, merupakan suatu pengalaman yang cukup mahal bagi seorang pemimpin. Atas pengalaman itu jugalah beliau berjaya menjadi antara Menteri Besar yang disegani serta mampu pula memimpin Selangor, sebuah negeri yang terhadapan dari segi pembangunannya di negara ini.

Justeru, menjurus kepada kandungan buku ini, ia sememangnya amat berguna kepada semua lapisan masyarakat baik pemimpin, pentadbir, pelajar, orang awam



mahupun generasi pelapis yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Semoga isi kandungan buku ini dapat memberi manfaat kepada setiap individu yang menatapi dan menghayatinya.

*Pulau Pandan jauh ke tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga.*

Selamat membaca ...

EDITOR

April 2000.





BAB 1

*P*EMBUKA *TIRAI*





PEMBUKA TIRAI

~ ~

"The quest for excellence is a continuous race with no finishing line."

*Tirai dibuka tanda ingatan
Suka dan duka kehidupan
Dalam diri seorang insan
Yang suka menjadi dian
Tenaga yang dicurahkan
Semoga dapat dijadikan panduan.*

Tirai dibuka pada tanggal 15 September 1940. Ia merupakan detik yang bermula bagi pasangan Allahyarham Haji Omar dan Allahyarhamah Hajjah Fatimah. Detik tersebut menyaksikan kelahiran anak lelaki mereka yang diberi nama Abu Hassan. Tidak pernah terlintas oleh mereka bahawa pada suatu hari nanti, anak itu akan menjadi seorang pembesar negara. Sementelah pula, perjalanan hidup anak tersebut penuh dengan corak-corak dan liku-liku hidup tersendiri lantaran kewajipan keluarganya.

Pepatah Melayu pernah mengatakan, perjalanan besar menuju kejayaan biasanya bermula dengan langkah yang kecil. Bagaimanapun, ada kalanya permulaan itu berlaku tanpa dirancang atau tanpa disedari. Bagi Abu Hassan bin

GARAPAN

Haji Omar (selepas ini disebut Dato' Seri), pembabitannya dalam bidang politik tidak pernah dirancang sedari awal walaupun bapanya merupakan antara tokoh politik UMNO yang disegani di kampung kelahirannya, Bukit Bellimbang, Kuala Selangor. Malahan setelah menamatkan pengajiannya di Kolej Melayu Kuala Kangsar, beliau hanya mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang kerani bagi membantu dan membela kembali jasa kedua orang tuanya. Namun, ibarat kata pepatah, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Sesungguhnya Allah SWT telah mentakdirkan sesuatu yang lebih baik untuk beliau daripada apa yang dicita-citakannya.



Ibu dan ayah merupakan pendorong bagi Dato' Seri menjelaki kejayaan



Sejak zaman remaja lagi, sifat-sifat kepimpinan Dato' Seri telah terserlah dan beliau menunjukkan rasa pertanggungjawaban yang tinggi sebagai seorang anak. Menurut cerita salah seorang kakaknya, walaupun Dato' Seri pernah belajar dengan hanya menggunakan pelita namun kerana keazaman ingin membela nasib keluarganya, halangan tersebut tidak dijadikan sebagai faktor penghambat kemajuannya. Malahan, halangan-halangan tersebut dijadikannya sebagai galakan untuk berusaha dengan lebih gigih. Justeru, tidak menghalarkan sekiranya pencapaian beliau dalam pelajaran bersesuaian dengan pepatah Melayu, ibarat cencaru makan petang. Demikianlah gambaran pencapaian akademik Dato' Seri.

Sejarah awal persekolahannya bermula di daerah kelahiran beliau, Kuala Selangor sehingga berjaya dengan keputusan peperiksaan yang baik sewaktu di sekolah rendah. Prestasi pelajarannya terus bertahan di peringkat sekolah menengah di Sekolah Tinggi Klang (Klang High School). Kecemerlongan beliau dalam pelajaran dilanjutkan apabila beliau berjaya memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Dato' Seri telah menunjukkan kebolehannya yang sebenar apabila beliau berjaya mencapai keputusan peperiksaan yang sungguh menggalakkan di kolej yang berprestij ini. Sementara menanti panggilan ke menara gading, Dato' Seri mengisi masa lapangnya dengan menjadi guru sambilan. Langkah ini membolehkan beliau menimba pengalaman di samping dapat berkhidmat kepada masyarakat setempat dan salah seorang muridnya ialah Dato' Abdul Aziz Md. Noh, Setiausaha Politik beliau kini.

Di peringkat usianya baru mencecah 20-an, sikap dan pemikirannya yang kritis telah pun terserlah. Ini jelas melalui bidang yang beliau pilih bagi melanjutkan pelajarannya. Sebenarnya, setelah mendapat keputusan peperiksaan yang memberangsangkan, beliau telah diberi pilihan untuk melanjutkan pelajaran sama ada dalam bidang Sejarah ataupun Geografi. Memandangkan pada masa tersebut kemasukan para pelajar Melayu sangat berkurangan dalam bidang Geografi, Dato'

GARAPAN

Seri mengambil keputusan nekad melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut. Justeru, beliau telah ditawarkan tempat di University of Hull, England.

Berjauhan dari keluarga tidak menjadikan Dato' Seri melupakan akar umbinya. Malahan semangat ingin menolong kaum keluarganya yang telah banyak berkorban untuk kepentingan pelajarannya semakin membara. Pengorbanan mereka amat dihargai dan dilihat. Di bumi asing itu, Dato' Seri belajar membina kekuatan jati diri. Di saat-saat orang lain berseronok-seronok dengan pelbagai bentuk hiburan yang terdapat di sana, beliau berjimat cermat dengan basiswa yang diterima.

Malah, menyedari kepayaahan dan jerih perih ibu dan ayahnya serta rasa tanggungjawab seorang anak, Dato' Seri mengumpulkan sebahagian daripada wang bisiswanya untuk dihantar kepada kaum keluarganya di Kuala Selangor. Beliau sendiri pada waktu itu bekerja sebagai seorang posmen bagi menampung perbelanjaan sehari-hari. Berkat ketekunannya setelah beberapa tahun di luar negara, akhirnya Dato' Seri berjaya membawa balik segulung ijazah yang menjadi kebanggaan bukan sahaja pada ahli keluarganya bahkan seluruh penduduk kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor. Kejayaan itu bukan sahaja menjadi bualan penduduk kampung tetapi juga menjadi inspirasi kepada mereka dalam mendidik anak-anak, apatah lagi kerana beliau merupakan anak kampung biasa dan bapanya pernah bekerja sebagai pengait kelapa pula.

Seterusnya, setelah berjaya mengharungi cabaran akademik, Dato' Seri berhadapan pula dengan cabaran di alam pekerjaan. Sebenarnya, kerjaya yang dipilih beliau menuntut pengorbanan masa dan tenaga yang banyak. Namun, hakikatnya pekerjaan yang melibatkan hubungan dengan masyarakat desa ini bersesuaian dengan jiwa Dato' Seri sebagai anak kampung yang sentiasa bergelumang dengan pelbagai cabaran. Malah, beliau berasa begitu gembira dan puas kerana dapat mencurahkan khidmat baktinya demi kemajuan masyarakat desa. Selain itu, alam kerjaya juga menyaksikan pertemuan beliau dengan gadis pilihannya,



Wan Noor Daud yang diakhiri dengan ikatan perkahwinan sesudah tiga bulan berkenalan.

Bijak pandai sering bermadah bahawa, kejayaan seorang lelaki seringkali didokongi oleh kekuatan seorang wanita. Demikianlah juga asam garam kehidupan berumahtangga Dato' Seri. Kejayaan demi kejayaan yang dikecapinya setelah mendirikan rumah tangga menguatkan keyakinan bahawa isteri beliau juga merupakan pendorong utama kemanisan kejayaan dalam perjalanan kerjayanya. Setelah tiga tahun Dato' Seri mendirikan rumah tangga, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Ketua Penolong Pegawai Daerah bagi daerah Kuala Lumpur. Seterusnya beliau menjawat jawatan Pegawai Daerah dan kedudukan terakhir beliau dalam bidang perkhidmatan awam ialah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Sesungguhnya, pengalaman luas dalam bidang perkhidmatan awam yang telah dikutip beliau dalam tempoh 15 tahun, menjadikan Dato' Seri sebagai aset yang cemerlang dalam bidang pentadbiran.



Perkenalan selama tiga bulan akhirnya membawa ke jinjang pelamin.

Sememangnya potensi dan kebolehan yang dimiliki oleh Dato' Seri begitu terserlah dalam aspek kepimpinan. Justeru, pucuk pimpinan negeri melalui UMNO Bahagian Kuala Selangor cuba menarik beliau menyertai dan seterusnya mewakili UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya. Namun Dato' Seri yang dikenali dengan sikap berhati-hati mempertimbangkan pelbagai aspek sebelum membuat keputusan. Beliau sering berbincang mengenai perkara tersebut dengan isteri dan kaum keluarganya dan setelah mendapatkan nasihat dan pandangan daripada pelbagai pihak, barulah Dato' Seri membuat pertimbangan sendiri.

Namun manusia hanya merancang sedangkan Allah SWT juga merencana dan perancangan Allah SWT adalah lebih baik daripada perancangan manusia. Sekembalinya dari England laluw sekawtu beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, sekali lagi beliau diminta menjadi calon bagi UMNO dan Barisan Nasional. Permintaan tersebut diajukan kepada beliau bagi menghadapi pilihan raya tahun 1978. Dato' Seri yang pada mulanya tidak pernah terfikir untuk aktif dalam politik menyedari betapa tingginya harapan penduduk tempatan terhadap beliau.

Lantas, beliau tidak mampu untuk menolak lagi. Tambahan pula, keinginan untuk mencurah bakti kepada masyarakat semakin menebal dalam dirinya. Sokongan padu yang diterima daripada ibu dan ayah dan kerelaan isteri setia membulatkan tekad Dato' Seri dan dia tidak pernah menoleh ke belakang lagi. Justeru, pilihan raya tahun 1978 menyaksikan Dato' Seri menang dengan cemerlang dan mendapat 16,598 undi mengalahkan keduanya calon parti pembangkang yang mendapat sejumlah 6,847 undi.

Cabarans awal dalam karier politiknya telah dapat diatasi dengan semangat dan keazaman yang tinggi oleh Dato' Seri. Beliau juga sentiasa menonjolkan sifat terbuka dan tenang dalam menghadapi permasalahan. Prinsip beliau ialah cuba mengatasi masalah dengan cara yang baik dan profesional.



Dari segi perjuangan, Dato' Seri dikenali sebagai seorang yang amat menghormati orang tua dan begitu taat setia kepada ketua. Pernah berlaku satu pertelingkahan di daerah beliau iaitu di antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Jawa dalam tahun 1987. Sikap mendengar dan mengambil berat nasihat daripada kalangan warga tua oleh Dato' Seri menolongnya menyelesaikan krisis tersebut dengan baik, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak berselerak.

Kehalusan budi Dato' Seri banyak dipengaruhi oleh latar belakang beliau dan asuhan keluarganya. Begitu juga dengan sikap menjunjung perintah ketua. Dato' Seri tidak pernah membantah arahan ketua, dan beliau sanggup mengorbankan kepentingan dirinya demi keutuhan parti dan pucuk pimpinan. Sikap yang lahir ini, mungkin hasil daripada didikan formal yang diterimanya di sekolah Inggeris dan juga amanat daripada ayahnya.

Sikap tersebut juga sebenarnya membolehkan beliau melaksanakan tugas pertama beliau sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Perdagangan dan Industri dengan cemerlang. Di sana, beliau telah didebakkan dengan gaya kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bertugas sebagai menteri di kementerian tersebut. Di kementerian ini juga, sikap beliau yang kuat bekerja semakin subur dan beliau menjadikan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai mentor serta gurunya. Beliau juga sanggup menghabiskan waktu malamnya dengan menyelapkan kerja-kerja yang tidak sempat disiapkan pada waktu siangnya.

Meniti tangga kerjaya dan sekaligus memegang jawatan dalam parti menjadikan Dato' Seri seorang yang ampuh dari segi peribadinya. Berkat kesungguhan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam kerjaya, bermula sebagai Setiausaha Parlimen, beliau meniti satu lagi anak tangga dalam kerjaya iaitu sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pengangkutan. Seterusnya, beliau turut berpeluang menjawat jawatan Menteri di Kementerian Kebajikan

Masyarakat, Menteri Wilayah Persekutuan, Menteri Luar Negeri serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terbukti bahawa dedikasi yang beliau tunjukkan itu juga menjadi antara penyebab beliau diberi kepercayaan dan dilantik menjadi Menteri Besar Selangor.

Dekad-dekad yang berlalu menonjolkan kecemerlangan Dato' Seri bukan sahaja dari segi kerjaya bahkan dari segi hubungan kekeluargaan. Dalam kesibukan sebagai seorang pemimpin, beliau masih mengingati tarikh dan peristiwa penting dalam lipatan sejarah anggota keluarganya dengan cara beliau sendiri. Sikap kebaapan dan mementingkan nilai kekeluargaan ini menyebabkan tidak seorang pun daripada kalangan kaum keluarganya yang merasa diri mereka tersisih, biarpun Dato' Seri agak sibuk dan terkenal sebagai seorang yang tegas dan teguh berpegang pada prinsip.

Pendekatan beliau dalam mengendalikan pelbagai peristiwa yang berlaku dalam mempertajamkan dan memperkayakan lagi pemikiran beliau sewajarnya dijadikan renungan. Rentetan perjalanan hidup Dato' Seri sememangnya menarik untuk ditatapi dan dihayati untuk dijadikan iktbar dan panduan. Semoga tirai yang disingkap ini, dapat menjadi pembuka bicara kepada pembaca untuk menelusuri misi dan visi hidup Dato' Seri seterusnya.



Dalam banyak hal, Dato' Seri menjadikan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai mentornya



BAB 2

MENYINGKAP TABIR KEHIDUPAN





Menyingkap Tabir Kehidupan

~~~~~

### SEJARAH KELUARGA

Mengamati perwatakan dan raut wajah serta rambutnya yang putih, Dato' Seri yang dipanggil Pak Utih oleh anak-anak saudara dan Tok Uban oleh teman-teman yang rapat dengan beliau terutamanya di Kuala Selangor, tiada yang menyangka bahawa beliau asalnya adalah anak kampung yang bersemangat waja dan kehidupan masyarakat kampung di desa sudah lama sebatil dalam jiwanya. Personaliti yang unik itu tersirat dalam memori kehidupan beliau yang perlu disingkap bagi menjadi contoh teladan generasi penerus warisan. Pemimpin tonggak Selangor yang penuh berpengalaman dan berwibawa ini, tentunya ingin dikenali oleh pelbagai lapisan rakyat secara yang lebih bersahaja dan relaks.

Secara umumnya, anak jati kelahiran Kuala Selangor ini dikenali sebagai pemimpin yang mempunyai penampilan ringkas dan kasual, sekaligus memperlihatkan peribadinya yang merendah diri dan sederhana. Pembawaannya yang kemas dan tertib mencerminkan prinsipnya yang berdisiplin dan tegas. Sifatnya yang kelihatan pendiam dan serius menyebabkan seseorang yang tidak mengenali dirinya berasa ragu-ragu dan bimbang untuk mendekatinya dan menyangkakan beliau seorang yang agak berprotokol. Namun bagi mereka yang pernah mengenalinya secara peribadi menganggap bahawa beliau merupakan teman yang paling baik atau 'the best friend.' Di sebalik sikapnya yang kurang bercakap dan banyak berfikir ini, terpancar wajahnya yang tenang dan tegas menonjolkan

GARAPAN

sifat sebenarnya ialah ihsan, amanah dan bertanggungjawab. Inilah antara watak Menteri Besar Selangor yang ketiga belas, tokoh berdisiplin dan negarawan berjiwa rakyat.

Nama sebenar beliau ialah Abu Hassan bin Haji Omar. Beliau dilahirkan di Kampung Bukit Bellimbing, Kuala Selangor pada tanggal 15 September, 1940. Beliau hidup di kalangan keluarga yang agak besar dan dihormati di kampung kelahirannya. Dato' Seri mempunyai empat belas orang adik beradik dan beliau merupakan anak yang ketujuh.

#### Anak Ketua Kampung

Kata orang, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Justeru sebenarnya, kepimpinan Dato' Seri adalah warisan kepimpinan yang diperturunkan oleh bapanya yang merupakan seorang ketua kampung atau dipanggil Tok Sidang di Kampung Bellimbing.

Bapanya bernama Haji Omar bin Mahadi dan ibunya bernama Hajjah Fatimah binti Abdul Jalil. Tuan Haji Omar melakukan kerja-kerja tradisi kampung sebagai pengalit kelapa manakala Hajjah Fatimah membantu suaminya dengan menjual kuli untuk menyara keluarga mereka yang besar. Tuan Haji Omar bukanlah dari golongan yang berada namun beliau dihormati sebagai Tok Sidang yang serba boleh dan mempunyai pengetahuan agama yang tinggi. Tuan Haji Omar juga terkenal dengan ilmu persilatan Melayu. Selain dari itu, Tuan Haji Omar mempunyai pengetahuan dalam bidang perubatan tradisional yang turut diperturunkan kepada anak-anaknya.

Keakraban ikatan kekeluargaan di antara Dato' Seri dengan bapanya terjalin dalam suasana yang agak unik. Setiap kali mengenang pengorbanan bapanya



yang banyak memberi dorongan dan membantu beliau untuk menjadi seorang pemimpin yang berjasa kepada negara, adakalanya hampir-hampir menitiskan air mata beliau. Tidak hairanlah jika generasi tua di kampungnya menyayarkan Dato' Seri dengan bapanya, Dato' Haji Yusof Hassan yang memang terkenal di Kuala Selangor ada menceritakan bahawa, sifat kurang bercakap dan kuat bekerja Dato' Seri merupakan salah satu sifat terpuji hasil didikan Tuan Haji Omar kepada anaknya. Sejak dari kecil lagi Dato' Seri banyak menimba ketekunan dan kepimpinan melalui tunjuk ajar bapanya yang merupakan pemimpin masyarakat di Kampung Bukit Belimbing.

#### Bakat Kepimpinan

Seperti kanak-kanak lain di zamannya, Dato' Seri merupakan seorang kanak-kanak yang agak nakal semasa kecilnya. Hajjah Halimah (kakak Dato' Seri) menceritakan bahawa, Dato' Seri sering mengusik adik beradik beliau yang lain. Namun begitu, beliau tidak gemar bermain dengan kanak-kanak lain yang agak jauh dari rumahnya. Beliau lebih suka bermain sendirian. Kebetulan pula keluarganya tidak mempunyai ramai anak lelaki. Ini mengajar Dato' Seri menjadi seorang yang lebih berdirikan dan kurang bergantung kepada orang lain. Hajjah Halimah juga berpendapat bahawa Dato' Seri telah terbiasa mengurus dirinya sendiri. "Dato' Seri membantu dan melipat baju beliau sendiri," cerita Hajjah Salmah, kakaknya yang masih tinggal di Kampung Bukit Belimbing.

*Salah seorang kakak  
Dato' Seri. Hajjah Halimah*



Dari segi perhubungan awam, Dato' Seri telah dibiasakan bergaul dengan penduduk setempat yang sering datang menemui bapanya selaku Tok Sidang. Dato' Seri juga berpeluang mengenali pemimpin tempatan yang sering berbincang dengan bapanya. Secara tidak langsung, senario ini memberikan pendedahan awal kepada beliau dari aspek kepimpinan masyarakat.

Dalam keluarga yang tidak mempunyai ramai anak lelaki, tidak menghairankan jika Dato' Seri mendapat perhatian yang lebih daripada bapanya dan diberi peluang untuk bersekolah serta mendapat pendidikan tinggi. Tuan Haji Omar amat menitikberatkan pendidikan Dato' Seri dan banyak memberi nasihat kepada beliau untuk meneruskan pengajian hingga ke peringkat yang tertinggi. Tambahan pula Dato' Seri merupakan seorang anak yang taat dan tekun dalam pelajarannya. "Dato' Seri rajin membaca buku sehingga larut malam menggunakan pelita ayam sampai tertidur dan ayahlah yang selalu memadamkan pelitanya," cerita Hajjah Aminah, kakak beliau.



Ketekunan dan dorongan yang diberikan oleh Tuan Haji Omar berjaya membakar semangatnya untuk berjaya dalam bidang akademik hingga ke peringkat yang paling tinggi. Dato' Seri mula mengukir namanya sendiri dan menjadi kebanggaan Kampung Bukit Belimbing apabila menjadi anak tempatan yang pertama berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negeri. "Ini merupakan saat yang paling manis dalam keluarga ketika rombongan orang kampung menghantar Dato' Seri ke luar negeri," menurut Hajah Pesah, seorang lagi kakaknya.

Semasa belajar di luar negeri, Dato' Seri tidak pernah lupa kepada keluarga di kampung. Seperti yang telah dinyatakan, beliau sanggup berdikit-dikit menyimpan biasiswa yang diperolehinya untuk dihantar ke kampung dan bekerja sebagai posmen untuk mendapat sedikit duit simpanan bagi membiayai pelajarannya.

Setelah tamat pengajian, Dato' Seri pulang ke tanah air dengan harapan menggunakan untuk berbakti kepada negara tercinta. Sementara menunggu tawaran kerja, beliau mengambil kesempatan berbakti kepada anak-anak kampung di samping membantu menambah pendapatan keluarga dengan berkhidmat sebagai guru sementara di Kampung Kuantan, Kuala Selangor.

#### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Sejarah persekolahannya yang awal ialah ketika umurnya lima tahun di Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Belimbing lalu pada tahun 1945. Kecemerlangannya dalam bidang akademik menyerlah sedari awal apabila beliau berjaya melangkau kelas daripada darjah tiga terus ke darjah lima. Beliau menamatkan pengajian sekolah rendahnya pada tahun 1951. Dato' Haji Hashim Mahmud, salah seorang tokoh di Kuala Selangor menggambarkan Dato' Seri sebagai seorang yang mempunyai 'bintang cerah' sejak dari kecil lagi dan mempunyai bakat seorang 'pemimpin besar' suatu hari nanti. Dikatakan bahawa, guru yang paling banyak membantu dan paling

diingati Dato' Seri ialah Allahyarham Cikgu Kassim bin Makmur. Dato' Seri juga mendapat didikan agama sejak dari kecil lagi daripada Haji Fadhil, seorang guru al-Quran di kampung kelahirannya.

Kecemerlangan Dato' Seri di peringkat pengajian rendah membolehkan beliau dipilih memasuki Sekolah Tinggi Klang (*Klang High School*) pada tahun 1951. Menurut Dato' Haji Hashim juga, beliau pernah menemui Dato' Seri di Klang dan memberi galakan kepada dirinya untuk belajar dengan tekun kerana beliau berkeyakinan bahawa Dato' Seri mempunyai bakat kepimpinan yang besar suatu masa kelak. Di Klang, Dato' Seri mendapat pengawasan khusus daripada pengetua sekolah sendiri, seorang guru berbangsa India yang bertanggungjawab mengasah bakat dan kecermerlangannya dalam bidang akademik. Dikatakan

*Ketika menyambung pelajaran di peringkat ijazah Sarjana Muda di University of Hull, England, 1960.*





bahawa Dato' Seri jarang balik ke kampung ketika cuti sekolah kerana belajar di rumah pengetua berkenaan. Hasil dari ketekunan beliau, bintangnya bercahaya lagi apabila Dato' Seri ditawarkan untuk belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1958, yang dianggap sebuah institusi pengajian tinggi yang paling berprestij ketika itu.

Dato' Seri menjadi kebanggaan kampung beliau apabila berjaya meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di University of Hull, England selama tiga tahun iaitu antara tahun 1960 hingga 1963. Tiga tahun di rantau orang menjanjikan kejayaan yang manis bagi Dato' Seri. Akhirnya, beliau pulang untuk berkhidmat kepada negara dan memulakan karier beliau sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah di Kuala Langat.

Alam pekerjaan yang mencabar tidak melunturkan semangatnya untuk terus menuntut ilmu. Malah, beliau berazam untuk meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana pula. Lantas, pada tahun 1971, Dato' Seri kembali semula ke England untuk mendalami pengajiannya dalam bidang Pembangunan Kawasan dan Wilayah di universiti yang sama hingga tahun 1973. Beliau juga telah berjaya menghasilkan sebuah tesis bertajuk 'Rancangan Pembangunan Kawasan-kawasan Malaysia Barat.' Hasil kajian ini telah dibukukan sewaktu beliau berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan diterbitkan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia.

Pengetahuan dan kepakaran beliau dalam bidang geografi dan perancangan digunakan sepenuhnya dalam melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai pegawai tinggi kerajaan dan semasa menerima beberapa kementerian. Pencapaian Dato' Seri telah mendapat pengiktirafan daripada University of Hull, England dan beliau dianugerahi dengan Ijazah Kehormat Sains Kedoktoran pada bulan April, 1987.

GARAPAN

## PERKONGSIAN HIDUP

*Cinta sejati yang akhirnya membawa kepada perkongsian hidup bersama.*



Menyelak diri kehidupan berumah tangganya, Dato' Seri mempunyal resipi tersendiri dalam memimpin keluarganya yang boleh dijadikan panduan. Rahsia masam manis kehidupan beliau bersama isteri tercinta begitu unik untuk disusuri..

Dato' Seri mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Wan Noor binti Daud pada tahun 1964. Hasil perkongsian hidup selama 36 tahun, mereka telah dianugerahkan lima orang cahaya mata, iaitu tiga perempuan dan dua lelaki. Anak sulung beliau diberi nama Hasnoradiah dilikuti dengan Hasnorliza, Mohd. Hasi, Mohd. Hazali dan yang bongsu bernama Hasnorhana. Dato' Seri juga mempunyal dua orang menantu lelaki iaitu Amir dan Ariffin dari enam orang cucu, semuanya perempuan.



*Keluarga bahagia HASNOR. Datin Seri Wan Noor, Dato' Seri dan Hasnoradiah (hadapan). Mohd. Hasri, Hasnorhana, Hasnorliza dan Mohd. Hazali (belakang).*

Isteri beliau, Datin Seri Wan Noor merupakan anak kelahiran Pulau Pinang sedangkan Dato' Seri merupakan anak jati Selangor. Tiada persamaan tempat yang boleh mengaitkan pertemuan mereka. Namun ketulusan hati dan keikhlasan budi mempertemukan mereka untuk bersama-sama menempuh susah senang kehidupan.

#### **Ikan Di Laut, Asam Di Darat**

"Itulah dikatakan jodoh pertemuan di tangan Tuhan," ungkap Datin Seri Wan Noor apabila diminta menceritakan detik pertemuan beliau dengan Dato' Seri.

Kisah pertemuan mereka bermula ketika Dato' Seri berkhidmat sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Kuala Langat. Ketika itu Dato' Seri baru sahaja pulang dari luar negeri menamatkan pengajiannya. Pejabat Daerah Kuala

Langat pada masa itu masih lagi bangunan papan dan bukannya bangunan baru seperti yang ada pada hari ini.

Datin Seri pula ketika itu berkhidmat sebagai jururawat di Pusat Kesihatan Telok Datok yang merupakan satu-satunya pusat kesihatan di kawasan tersebut. Datin Seri baru dipindahkan ke Kuala Langat dari Klang kerana seorang jururawat di situ jatuh sakit. Beliau terpilih di kalangan tiga orang jururawat yang ditugaskan untuk menggantikan tempat jururawat tersebut.

Perjumpuan pertama mereka bermula secara kebetulan kerana asrama penginapan Datin Seri bertetangga dengan rumah kediaman Dato' Seri. Asrama jururawat tempat Datin Seri menginap masih lagi wujud hingga sekarang dan rumah Dato' Seri tersebut telah dijadikan sebagai pusat PUSPANITA.

"Mula-mula tu doktor di situ usik saya kata ADO tu minat betul kat saya. Saya ingat main-main aje, akhirnya betul," cerita Datin Seri yang masih menyimpan rapi surat pertama yang diberikan oleh Dato' Seri kepadanya di awal perkenalan mereka.

Maka berputiklah kemesraan dan setelah tiga bulan berkenalan mereka mengambil keputusan menuju gerbang perkahwinan membina rumah tangga.

"Ibu bapa Dato' Seri datang dan bertanyakan latar belakang saya. Rupa-rupanya mereka dalam diam-diam telah berjumpa dan memohon restu ibu bapa saya," cerita Datin Seri lagi.

Pada awal bulan Januari tahun 1964 ketika Datin Seri berusia 22 tahun, beliau telah dilajabkulkan dengan pemuda pilihan hatinya yang tampan bergaya. Beliau sama sekali tidak menjangka bahawa pemuda pilihan hatinya merupakan bakal Menteri Besar Selangor. Datin Seri menyifatkan dirinya sebagai wanita yang paling berluah kerana mempunyai suami yang penyayang dan bertanggungjawab seperti



Dato' Seri yang digambarkan oleh teman rapat Dato' Seri yang juga Setiausaha Politik beliau, Dato' Abdul Aziz Md. Noh sebagai 'a perfect gentleman.'

### Beza Membawa Ceria

Datin Seri Wan Noor yang berasal dari Pulau Pinang merupakan anak kedua daripada dua belas orang adik beradik yang terdiri daripada dua lelaki dan sepuluh perempuan. Beliau hidup dalam sebuah keluarga yang moden dan berpendidikan Inggeris di Sekolah Inggeris Convent, Butterworth.

Bapanya merupakan seorang ahli perniagaan, bahkan satu-satunya penila Melayu di sebuah pekan kecil di Pulau Pinang ketika itu. Apa yang menarik mengenai keluarga Datin Seri ialah kebolehan keluarga beliau bertutur dalam bahasa Cina.

Datin Seri amat meminati kerjaya beliau sebagai seorang jururawat dan kerjaya inilah yang menemukan beliau dengan lelaki paling istimewa dalam hidupnya.

Bagi sesiapa yang mengendali Dato' Seri dan Datin Seri pasti akan mengakui bahawa mereka adalah pasangan yang unik. Mereka mempunyai perbezaan latar belakang dan personaliti yang cukup ketara. Namun perbezaan inilah yang telah mengikat kemesraan berpanjang masa serta memberi keceriaan dan kebahagiaan dalam keluarga Dato' Seri. Ini diakui oleh adik Datin Seri sendiri, Puan Nor Zaini Daud dan suami beliau, Encik Rosli Haji Abdul Ghani.

Paling ketara, Dato' Seri adalah seorang yang pendiam dan Datin Seri seorang yang amat peramah dan rajin bercakap. Dato' Seri berlatar belakangkan kehidupan tradisi kampung sementara Datin Seri pula anak kota yang hidup dalam suasana moden dan terbuka. Dato' Seri mungkin dari segi luaran, boleh dianggap sebagai seorang yang agak konservatif dan *old fashioned* berbanding Datin Seri yang terdedah

dengan kehidupan kota yang modern. Namun hasil pertemuan dan sihat tidak membuat bertambah ketertarikannya dihadirkan oleh kepada seorang agama ketika.

Sebagaimana yang suami Dato' Seri disatakan oleh Datuk Seri sebagai seorang suami yang bersikap terbuka dan memahami. Dato' Seri memahami minat seorang yang suka bermaswakat dan selalu tidak senang meninggalkan Datuk Seri sifatnya ke mana saja selain dengan jika Datuk Seri tidak diperlukan untuk menghadiri sesuatu mahlis. Dato' Seri akan bertemu tanpa ada Datuk Seri dilempar atau tidak untuk memastikan destinasi dibawas bersama.

Datuk Seri mengaku berasa Dato' Seri cariak mengalih selau enti kehidupan untuk berbalik kepada maswakat dan negara. Melalui Dato' Seri selau mengenal maswakat dan enti kelulusan mereka. Datuk Seri juga cariak memperbaiki suasana kehidupan komuniti sebabila berkunjung ke rumah Dato' Seri di Kuantan Sungai Selimbing yang ketika itu masih lagi belum malu seperti sekarang. Melintas kesucian hidup yang didiami oleh penduduk komuniti ketika itu tentunya kaum wanita mereka, iaitu kebadilan mudah merendah di dalam hati Dato' Seri yang ini merindu Pengurus SKUKS, sebuah badan kebaikan sten-sten demimian keradaan Selangor. Datuk Seri sendiri merupakan Pengurus Rumah Kebajikan Nurul Amalan Pahiman Kuala Selangor yang diasaskan oleh Dato' Seri kerika selau menjadi Menteri Kebajikan Maswakat dan selau cariak mendaur batiti kepada anak-anak kaum dan wanita di sana.

Sebagai ketua rumah tangga, Dato' Seri juga merupakan seorang yang tegar. Istar belakang keluarga Dato' Seri yang tradisional dan berdegang kuat kepada budaya Melayu cariak mengubah Datuk Seri untuk memelihara cara keriauan budaya tradisional Melayu. Namun, Datuk Seri sanggup dapat bersama dengan Dato' Seri kerana orang dan batinan selau.



Apapun, di sebalik ketegasan itu, Dato' Seri adalah seorang suami dan ketua keluarga yang penyayang. Bagi Datin Seri, beliau tidak akan melupakan pengorbanan Dato' Seri yang pernah menemaniinya bermalam di hospital ketika mereka sedang menunggu kelahiran anak sulung mereka. Ketika itu Datin Seri masih berkhidmat sebagai jururawat. Maka kesokannya heboh satu hospital, "Staff-nurse slept with her husband in the hospital," cerita Datin Seri.

Dato' Seri juga seorang yang cukup menjaga hubungan kekeluargaan. Beliau sanggup membialai keluarga beliau dan keluarga mertuanya dan mengambil berat masalah kedua-dua belah keluarga. Datin Seri pernah menceritakan bagaimana Dato' Seri begitu mengambil berat keadaan bapanya yang sedang sakit terat. Dato' Seri telah membawa bapanya ke kediaman beliau dan meminta segala peralatan perubatan dibawa ke rumah. Datin Seri diminta menjaga bapa mertuanya sepenuh masa. Sementara Dato' Seri sendiri mendukung bapanya yang tidak mampu berjalan. Begitulah contoh tanggungjawab kekeluargaan yang ditonjolkan oleh Dato' Seri yang disifatkan oleh Encik Mohd. Yasin Yusof, salah seorang teman rapat beliau sebagai 'a family man.'

Sebagai menghargai dan menghormati pengorbanan yang ditonjolkan oleh suaminya terhadap keluarga, Datin Seri pula membalaunya dengan berkobar untuk suaminya. Pengorbanan paling besar yang diberikannya ialah sanggup meninggalkan minat dan kariernya dalam bidang kejuruteraan semata-mata menghormati permintaan Dato' Seri agar beliau menjadi suri rumah tangga sepehnuh masa.

Walaupun sibuk dengan tanggungjawab negara, Dato' Seri tidak mengabaikan tanggungjawab beliau sebagai tonggak keluarga. Beliau dianggap sebagai 'bapa' oleh saudara-saudara perempuannya yang kini semakin berusia. Ini kerana, hanya Dato' Seri sahaja satu-saturnya anak lelaki yang masih tinggal dalam keluarga mereka kini, dan mereka bergantung penuh kepada beliau setelah ketidaaan bapa mereka.

Sebagai seorang bapa juga, Dato' Seri begitu mengambil berat dan menyayangi anak-anaknya. Dato' Seri tidak membeza-bezakan di antara mereka dan yang membanggakan, semua anak-anaknya berjaya dalam pelajaran. Ini semua kerana prinsip Dato' Seri yang begitu mementingkan pelajaran anak-anak.

Dato' Seri tidak memanjakan anak-anaknya dengan kemewahan yang berlebihan. Beliau membiarkan anaknya belajar hidup sendiri dan mengalami kesusahan seperti yang dihadapi oleh orang lain. Walaupun anak-anaknya mengakui beliau seorang yang tegas tetapi Dato' Seri mempunyai cara tersendiri menegur kesilapan anak-anaknya. Sekiranya terdapat permasalahan yang timbul, beliau lebih senang bersempoa dan berbincang dengan mereka secara bersendirian. Ini merupakan kaedah yang dipelajari daripada bapanya sendiri dalam mengendalikan masalah keluarga.

Bagi anak-anak Dato' Seri pula, mereka memahami tindakan Dato' Seri yang tidak terlalu memanjakan mereka. Latar belakang bapa mereka yang pernah melalui liku-liku kehidupan yang sukar sebelum mencapai kejayaan seperti sekarang, sentiasa segar di lipatan jiwa mereka.

Sebagai seorang datuk kepada enam orang cucu pula, Dato' Seri cuba memberikan kasih sayang yang sama rata kepada mereka. "Dato' Seri tidak pernah lupa tarikh lahir cucu-cucunya dan tidak pernah ketinggalan untuk meraikan hari jadi mereka. Apabila cucu-cucunya sakit, beliau akan menghubungi mereka walaupun beliau sibuk," cerita Puan Hasnorliza, anak kedua Dato' Seri.

Untuk memastikan hubungan kekeluargaanya sentiasa rapat dan baik, Dato' Seri akan memastikan bahawa ahli keluarga beliau sentiasa bertemu. Dato' Seri tidak akan ketinggalan untuk makan tengahari di rumah bersama keluarga walaupun sibuk di pejabat. Jika beliau tidak dapat makan di rumah, beliau akan memaklumkan kepada Datin Seri. Ini bagi memastikan kesibukan beliau tidak



menjarakkan perhubungan ikatan kekeluargaan. Beliau akan mengadakan perjumpaan keluarga sebulan sekali secara bergilir-gilir di rumah anak-anaknya. Dato' Seri juga akan mengadakan majlis berbuka puasa di kampung pada setiap bulan Ramadhan bagi memastikan hubungannya dengan saudara mala di kampung masih tetap terjalin.

Peranan Dato' Seri dalam memimpin keluarganya amat besar maknanya bagi Datin Seri. Dalam satu wawancara dengan beliau, Datin Seri dengan nada terharu menyatakan, "Saya anggapkan diri saya seorang wanita bertuah yang bersuamikan seorang jejak yang banyak memberi tunjuk ajar dan kasih sayang kepada saya."

#### KUALITI DAN KEPIMPINAN

Kualiti Dato' Seri dari segi kepimpinan telah meletakkan beliau sebagai Ketua Eksekutif nombor satu di Selangor. Kaedah pengurusannya yang teratur dan sistematis merupakan kekuatan yang ditimba daripada pengalaman yang luas sebagai pegawai kerajaan. Menurut Dato' Jamaluddin Adnan, ahli politik Kuala Selangor, Dato' Seri merupakan pemimpin yang ideal kerana beliau berpengalaman dari segi eksekutif dan legislatif. Dato' Seri terlibat secara langsung dalam pentadbiran kerajaan bermula daripada peringkat daerah hingga ke peringkat antarabangsa.

Tuan Haji Ramli Othman, Pegawai Daerah Hulu Langat menerusi wawancara dengan beliau amat mengagumi pengalaman luas Dato' Seri yang dirasakan tidak dimiliki oleh calang-calang orang.

Tokoh kepimpinan seperti inilah yang diperlukan oleh rakyat Selangor, ditambah pula dengan kualiti dan keistimewaan personalitinya yang terbentuk daripada pengalaman yang ditimba selama lebih dua puluh tahun dalam kepimpinan awam.

Di samping itu, sifat kepimpinan yang diwarisi daripada bapanya sendiri bolehlah dibaraskan sebagai bapa borek anak rintik.

### Pendiam Bukan Sombong

Dari segi perwatakan, Dato' Seri dikenali sebagai seorang yang agak pendiam dan ada yang menyifatkaninya sebagai seorang yang pemalu sehingga dikatakan somborg. Namun, diam Dato' Seri tidak bermakna somborg kerana beliau sebenarnya tidak suka bercakap perkara yang tidak penting dan tidak suka ketawa dan berjenaka melampaui batasan.

"Kalau nak tengok dia ketawa susah, kalau ketawa pun tidaklah terbahak-bahak. Kalau nak berjalan dengan dia, saya sudah tahu beberapa topik yang boleh dibualakan. Biasanya saya bawa banyak majalah kerana dia akan baca semua majalah yang ada dalam kapal terbang dan jarang berbual. Kalau berbual pun perkara yang penting sahaja," cerita Dato' Abdul Aziz Md. Noh, yang mengenali beliau sejak beliau sekolah tinggi lagi.

"Kalau makan pun dia concentrate, jarang bercakap. Kalau nak bercakap ketika makan, lebih baik makan dengan ayam dan itik, itulah pesan bapanya kepada dia. Kalau saya cakap lebih-lebih dia akan jeling signal supaya berhenti," cerita Datin Seri Wan Noor menggambarkan disiplin pergaulan Dato' Seri.

Dato' Seri kurang bercakap kerana beliau kuat bekerja. Datin Seri Wan Noor sendiri pernah menyifatkan sikap suka bekerja Dato' Seri sebagai hobinya. "Kemungkinan besar ini adalah sikap yang dididik oleh bapanya yang mahukan anaknya menjadi seorang yang berguna dan mentintaskan ukiran nama di zamannya dan sedikit sebanyak sifat ini menjadi amalan dalam pentadbirannya." Demikian pula pandangan Dato' Haji Yusof Hassan, tokoh UMNO Kuala Selangor mengenai Dato' Seri.



## Disiplin dan Teratur

Dato' Seri terlatih dengan kehidupan berdisiplin sejak kecil lagi dan kebetulan perjalanan hidupnya dalam kerjaya hingga sekarang memerlukan komitmen dan disiplin yang tinggi. Justeru, disiplin sudah menjadi darah dagingnya dan sudah sebatik dalam hidup beliau. Pengalaman sebagai seorang pegawai tadbir mendidiknya bertindak mengikut peraturan dan protokol. Secara tidak langsung, keadaan ini menjadikan Dato' Seri seorang yang teliti dan tegas. Beliau begitu menghargai serta menerapti masa dan amat teliti dalam menguruskan masa harian beliau dari pagi hingga ke petang.

Sistem pentadbiran Dato' Seri dikatakan begitu sistematik dan teratur memandangkan pendidikan yang diterimanya adalah berkaitan dengan perancangan. Di samping itu, pendedahan yang luas sebagai pegawai kerajaan turut memerlukan beliau mengikut jadual protokol dan disiplin yang ketat. Malah, kehidupan sehari-hari beliau pun diatur dan dijadualkan dengan penuh sistematik hingga beliau dikatakan seorang yang 'rutin.' Sifat ini juga mencerminkan penampilan beliau sebagai seorang yang kemas dan tertib.

## Teliti dan Tekun

Sesiapa yang pernah bekerja dengan Dato' Seri pasti mengakui bahawa beliau seorang yang sangat teliti. Ketelitian ini juga adalah kerana pengalamannya sebagai seorang pegawai tadbir. Dato' Seri bercakap berdasarkan fakta dan sesuatu yang ingin diketahuinya akan dipastikan kebenarannya dan beliau tidak akan mengeluarkan sebarang pendapat sekiranya beliau belum pasti senario sesuatu itu. Sebarang tindakan yang beliau ambil juga tidak dalam keadaan terburu-buru kerana beliau banyak berfikir sebelum mengambil tindakan dan mengeluarkan pendapatnya. Ini menyebabkan Dato' Seri kelihatan tidak banyak bercakap dan agak pendiam apabila

diminta untuk mengulas sebarang isu yang tidak jelas. Dato' Seri hanya bercakap berkenaan perkara yang beliau maksudkan sahaja.

Dato' Seri juga begitu teliti mengenai segala persoalan yang dilontarkan kepadanya. Beliau akan mempersoalkan segala permasalahan yang timbul dalam mesyuarat bagi mendapatkan penjelasan sesuatu perkara dan ini menyebabkan pegawai kerajaan yang bersamanya dalam satu-satu mesyuarat sentiasa perlu bersedia setiap masa. Disiplin ketelitian ini juga menyebabkan kakitangan yang bekerja di bawah pentadbiran beliau perlu cekap dan berhati-hati untuk mengelak daripada melakukan kesilapan.

Sikap teliti beliau berjaya menyelesaikan banyak masalah dan mengelakkan beliau daripada membuat kenyataan yang boleh menimbulkan masalah dan kontroversi. Sikap teliti ini juga sering memberikan keputusan yang tepat untuk beliau pegang dan laksanakan kemudiannya. Sikap ini sudah sebatи di sanubari Puan Hajah Senayah, Pegawai Khas beliau yang menyatakan, "Apabila Dato' Seri telah memastikan bahawa sesuatu kes yang dilaporkan kepada beliau adalah kes yang genuine beliau akan bantu sehingga dapat," tegas beliau yang telah bekerja bersama Dato' Seri sejak tahun 1978 lagi.

### Tenang dan Terbuka

Sebenarnya, di sebalik wajah serius Dato' Seri, tersirat sifat tenang dan terbuka beliau untuk menerima sebarang pendapat dan kritikan. Beliau amat menghargai pendapat yang baik dan berdasar dan bersifat toleransi untuk memahami masalah dan keadaan.

"Sesuatu yang pelik pada Dato' Seri ialah sifat cool beliau. Tak pernah beliau terperanjat walau sehebat mana pun cerita yang mengejutkan sampai kepadanya.



Peristiwa yang paling memeranjatkan beliau yang saya ingat ialah ketika beliau mendapat tahu kelahiran cucunya yang pertama," cerita Encik Dasuki Karison, Setiausaha Akhbar Dato' Seri. Sifat ini juga menyebabkan beliau menjadi seorang yang pemaaf dan tidak memusuhi sesiapa walaupun lawan politik beliau.

Keterbukaan dan ketelusan Dato' Seri tidak terhad di kalangan ahli keluarganya sahaja. Di pejabat, jika timbul sesuatu masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh beliau dan memerlukan nasihat, beliau akan terus merujuk kepada individu yang berkenaan. Kakitangan bawahan beliau juga kadang kala diminta cadangan mereka dan biasanya Dato' Seri akan menerima pandangan yang diberikan oleh kakitangan beliau.

### Respect and Valuing Relationships

"Beliau begitu menghormati orang tua dan tahu mengenang jasa mereka yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada beliau," cerita Dato' Haji Hashim Mahmud, tokoh di Kuala Selangor mengenai peribadi Dato' Seri.

Di kalangan teman-teman sekuliah pula, Dato' Seri merupakan seorang yang nostalgik kerana masih mengingati rakan-rakan di sekolah dan di universiti serta ketika berkhidmat di pejabat daerah, negeri dan kementerian. Dato' Seri masih menghubungi mereka dan di antaranya ada yang telah bergelar pemimpin sama ada di dalam maupun di luar negara. Apabila ditanya rahsia beliau dalam mengekalkan hubungan sebegini, Dato' Abdul Aziz Md. Noh, memberitahu bahawa Dato' Seri mempunyai cara tersendiri dalam menjaga kawan.

"Dato' Seri menghargai pemberian orang kepadanya walaupun sekecil bola golf. Dato' Seri pasti akan membalaik dengan ucapan terima kasih melalui kad atas pemberian yang diterima. Beliau akan menjawab segala surat yang diterima sama

ada kad ucapan terima kasih, tahniah, takziah dan sebagainya," cerita Dato' Abdul Aziz.

Dato' Seri berkawan dengan semua orang dan semua bangsa sejak beliau masih menjadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah lagi. Dato' Abdul Aziz menceritakan bahawa, hingga kini Dato' Seri masih lagi berkawan dengan pemilik sebuah stesen minyak di Kajang yang beliau kenali semenjak berkhidmat sebagai Pegawai Daerah di Hulu Langat. "Setiap orang yang menjadi kawannya sejak menjadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah dulu masih lagi menjadi kawan beliau sehingga hari ini," cerita Encik Mohd. Yasin Yusof iaitu bekas Ketua Polis Daerah Kuala Langat yang merupakan teman rapat Dato' Seri sejak beliau menjadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat hingga sekarang.

Dato' Seri setia dalam berkawan dan tidak pernah melupai kawan-kawannya. Beliau mempunyai senarai nama sejumlah teman-temannya serta bila dan di mana beliau mulai mengenali mereka. Beliau juga masih mengingati nama teman-temannya walaupun sudah lama tidak berjumpa. Apabila menghantar surat jemputan kepada mereka, beliau akan memastikan nama dan jawatan mereka ditulis lengkap bagi memastikan hubungan silaturahim terus terjalin. Beliau juga mengambil berat perihal teman-teman rapatnya dan sering bertanyakan masalah yang mereka hadapi.

"Apabila beliau berkhidmat di luar negara terutama ketika menjadi Menteri Luar dahulu beliau masih mengenali kawan-kawan seuniversiti yang kini telah menjadi pemimpin negara mereka," cerita Dato' Abdul Aziz lagi.



## Adil dan Amanah

Sifat adil dan amanah telah menjadi teras dalam kehidupan Dato' Seri. Kedua-dua sifat ini dibawanya bersama dalam amalan kerjaya beliau.

"Dato' Seri sentiasa memberi ruang kepada orang bawahannya untuk menggilap bakat kepimpinan mereka," cerita Dato' Jamaluddin Adnan yang pernah menjadi Setiausaha Politiknya. Dato' Seri juga mengambil sikap proaktif dengan mengenal pasti kakitangan beliau yang amanah dan bertanggungjawab untuk diberikan peluang meningkatkan diri di masa hadapan.

Beliau tidak mudah meluluskan sebarang permohonan dan memberi sokongan kepada pemohon yang tidak mempunyai kelayakan untuk melaksanakan sesuatu tugas. Menurut setiausaha perlbadinya, Puan Hajjah Senayah, Dato' Seri pernah menolak dengan tegas permintaan pegawaiannya untuk meluluskan satu permohonan tender syarikat kerana beliau berpendirian bahawa tugas pegawai adalah untuk berkhidmat dengan kerajaan dan tidak boleh terlibat dengan perniagaan.

"Beliau pernah memberi pesan kepada anak-anaknya bahawa tugas sebagai Menteri Besar yang dipikulnya merupakan amanah dan wasiat daripada Tuhan seperti yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya," cerita Puan Hasnoradiyah, anak sulung Dato' Seri.

Bagaimanapun, dalam meneliti kelulusan permohonan, apabila beliau dapati sesuatu kes itu layak untuk diluluskan dan memerlukan bantuan, beliau tidak akan bercakap kosong, bahkan akan memberikan bantuan sehingga permohonan itu terlaksana.

Dato' Seri tidak mahu terikat dengan harapan dan budi seseorang. Justeru, beliau tidak mahu pengikutnya berkorban untuk beliau dan menyimpan hasrat untuk mendapat balasan. Ini kerana beliau bukanlah bersifat menerima sesuatu untuk mendapatkan sesuatu bagi dirinya. Beliau juga tidak mahu terikat dengan sumbangan orang untuk mengejar impian politik kerana beliau tidak mempunyai cita-cita politik yang tinggi. Apa yang beliau harapkan ialah pencapaian yang diperolehi adalah hasil kepercayaan pucuk pimpinan dan rakyat atas kewibawaan dan kepimpinan beliau.

Dalam amalan pentadbiran Dato' Seri sebagai Menteri Besar Selangor, prinsip keadilan ini dapat dilihat dalam usaha beliau yang berlandaskan sifat-sifat keadilan seperti usaha mewujudkan pembangunan seimbang, membasmikan kemiskinan dan setinggan serta pembangunan rohani dan jasmani yang sama rata.



## Kuat Ingatan



*Terserlah sifat kasih sayangnya.  
Dato' Seri bersama cucu sulung  
beliau.*

Salah satu sifat peribadi Dato' Seri yang dihormati oleh kaum keluarga dan mereka yang mengenalinya ialah daya ingatan yang tajam dan kuat.

"Barangkali inilah anugerah orang yang banyak berfikir dan kurang bercakap," menurut pandangan Encik Dasuki Karison, Setiausaha Akhbar Dato' Seri.

Di pejabat beliau, Dato' Seri sentiasa mencatat tugas-tugas yang diberikan kepada kakitangannya. Apabila tiba tempohnya beliau akan bertanya mengenai tugas-tugas yang telah diberikan. "Jadi jangan tangguhkan kerja yang beliau berikan kerana walaupun beliau tidak tanya tapi apabila sampai masa beliau ingat dan beliau akan minta," pesan Puan Hajjah Senayah.

Dato' Seri juga merupakan seorang yang tekun dan suka bekerja atau digambarkan sebagai 'workaholic' kerana bekerja merupakan hobinya. Cara

bekerjanya sangat sistematik dan beliau sentiasa mahu agar segala tugas dijalankan sebaik mungkin. Dato' Seri mengatur jadual hariannya penuh dari pagi hingga lewat malam dan sekiranya terdapat perbincangan di luar waktu pejabatnya, beliau akan mengatur perbincangan tersebut di rumahnya.

#### Suka Bekerja dan Bersikap Profesional

Sikap profesional dalam menjalankan urusan pentadbiran menyebabkan Dato' Seri disukai oleh kakitangannya. Beliau dikatakan tidak pernah meninggikan suara di atas kesilapan yang dilakukan oleh kakitangannya. Sebaliknya beliau menegur secara ringkas dan memberi tunjuk ajar. Sebarang masalah yang timbul antara beliau dan kakitangannya akan diselesaikan secara bersemuka dan beliau tidak pernah memarahi kakitangannya di khalayak ramai. Kemarahananya cuma dapat dilihat daripada perubahan air muka wajahnya daripada putih menjadi merah.

Menurut kakitangan beliau, mereka suka bekerja dengan Dato' Seri kerana beliau menghargai kerja yang mereka lakukan. Selalunya penghargaan ini dinyatakan oleh beliau dengan menyebut nama mereka. Dato' Seri juga mengharapkan kakitangannya melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka sebaik mungkin. Untuk menjadi pemimpin yang baik, seseorang itu memerlukan sifat kepengikutkan yang tinggi. Inilah prinsip Dato' Seri yang dikenali sebagai seorang yang patuh dan taat kepada pucuk pimpinan.



### Berprinsip dan Tegas

"Dalam apa saja isu yang timbul dalam pentadbiran dan politik beliau pasti akan bersama dengan pendirian yang diambil oleh pucuk pimpinannya dan sanggup tenggelam dan timbul bersama ketuanya," cerita Encik Dasuki Karison, Setiausaha Akhbarnya apabila ditanya mengenai prinsip dan semangat korban Dato' Seri.

Beliau disegani kerana ketegasan beliau. Prinsip ini tergambar dalam keperibadian beliau hingga dikatakan Dato' Seri dulu dan sekarang tidak berubah sama ada dari cara beliau berpakaian, rutin harian dan cara bekerja. Dato' Seri sentiasa menjaga penampilan beliau yang kemas dan bersih. Beliau juga tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata. Sebaliknya beliau akan melihat pada hak dan kebenaran.

"Beliau seorang yang berprinsip dan tidak mudah dipengaruhi. Oleh itu, orang-orang politik mesti sentiasa berwaspada apabila berhadapan dengan beliau. Tidak semestinya perkara yang beliau angguk itu bermakna 'ya' dan apa yang beliau geleng itu bermakna 'tidak'," cerita Dato' Abdul Samad Maharuddin, ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.

Ketegasan ini juga dapat dilihat daripada cara beliau bekerja. Sebelum ini telah dinyatakan bahawa Dato' Seri tidak mudah menerima cadangan yang tidak mempunyai asas yang memuaskan dan akan menyoal setiap cadangan yang dikemukakan kepadanya hingga beliau berpuas hati bahawa cadangan yang dikemukakan itu adalah layak untuk diluluskan.

### **Imej Sederhana**

"Dato' Seri yang sebenarnya daripada dulu hingga sekarang menjadi Menteri Besar macam itulah hidupnya. Tidak pernah terfikir untuk menukar cara hidup untuk hidup mewah kerana dia tahu masalah dan kesusahan rakyat sebab dia juga lahir dari kesusahan orang kampung," cerita Datin Seri Wan Noor.

### **Imej Bersih**

Rakyat negeri merasa bangga dengan imej beliau dan menerima kepimpinannya dengan hati terbuka. Dato' Seri tidak mengambil peluang dengan kedudukannya untuk kepentingan peribadi. Justeru, sepanjang beliau berkhidmat dalam pemerintahan kerajaan dan politik tidak pernah kedengaran isu-isu yang boleh menjatuhkan imej kepimpinannya. Imej ini merupakan manifestasi kualiti yang beliau miliki dan inilah contoh pemimpin pilihan rakyat.

### **Hobi**

Dari aspek hobi dan keagamaan, Dato' Seri seorang yang aktif dan tidak suka membiarkan masa terbuang tanpa melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Semasa berkhidmat sebagai pegawai kerajaan, Dato' Seri suka pada aktiviti menembak. Beliau juga selalu pulang ke kampung untuk menembak burung, tupai dan ayam hutan. Selain itu, Dato' Seri juga suka berkebun seperti menanam pokok buah-buahan. Beliau juga suka memelihara ikan dan burung merpati. Bidang fotografi dan mengumpul gambar merupakan antara kegemaran beliau yang masih subur hingga kini.

Kesibukannya sebagai seorang menteri menyebabkan Dato' Seri terpaksa mengorbankan kegemaran dan hobinya. Namun begitu, untuk memastikan



# GARAPAN

kesihatannya terjaga Dato' Seri beralih kepada hobi baru iaitu bermain golf. Dari segi jadual, beliau akan memperuntukkan satu hari tertentu dalam seminggu untuk bermain golf.

"Bermain golf ini kena dengan personaliti Dato' Seri yang cermat dan berpandangan jauh. Dalam bermain golf, apabila memukul bola faktor angin dan persekitaran perlu diambil kira bagi memastikan bola masuk ke dalam lubang," cerita seorang teman sepermainan golfinya.

Bekerja juga dianggap sebagai satu hobi oleh Dato' Seri. Ini kerana beliau seronok bekerja dan menguruskan tugas harian beliau. Justeru, waktu kerja Dato' Seri melampaui waktunya pejabat rasmi kerana Dato' Seri juga melakukan tugas-tugas pejabat di luar waktu pejabat dan membawa pulang kerja-kerja tersebut ke rumah.

Jadual kerja Dato' Seri bermula seawal jam lima pagi. Beliau akan bangun awal setiap pagi dan minum milo dan seterusnya masa yang ada beliau gunakan untuk menyemak fail dan kerja-kerja pejabat. Seterusnya beliau bersembahyang subuh dan bersiap diri untuk ke pejabat. Pada pukul tujuh setengah Dato' Seri akan menikmati sarapan pagi. Kemudian Dato' Seri ke pejabat melaksanakan tugas-tugas rasmi. Waktu tengahari Dato' Seri akan pulang ke rumah untuk makan tengahari bersama keluarga. Pada pukul dua petang, beliau akan kembali semula ke pejabat hingga ke petang. Selepas maghrib, Dato' Seri biasanya menikmati makan malam beliau. Jika ada majlis-majlis rasmi Dato' Seri akan terus menghadiri majlis tersebut dan jika ada ruang lapang beliau akan menyelesaikan tugasannya dengan menyemak fail-fail yang dibawa balik ke rumah sebagai persiapan untuk kesokan harinya.

"Begitulah Dato' Seri sejak dari dulu hingga sekarang," cerita Datin Seri Wan Noor melabuhkan tabir kehidupan Dato' Seri.



## BAB 3

# *MENGGILAP SEBUTIR PERMATA*







## GENGILAP SEBUTIR PERMATA

### FALSAFAH DAN PERJUANGAN

Personaliti Dato' Seri banyak membentuk cara beliau berfikir dan bertindak.



Bagi Dato' Seri, falsafah dan pemikiran beliau sebagai seorang negarawan boleh dibaca melalui pendekatan dan cara beliau yang tersendiri dalam menangani sesuatu perkara. Ramai yang beranggapan bahawa beliau adalah seorang ketua dan pemimpin yang mempunyai visi dan mampu menterjemahkan visi tersebut dalam bentuk yang praktikal. Sebagai contoh, visi beliau semasa menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah slogan "Inflasi Sifar Sasaran Kita." Melalui slogan ini, pelbagai kempen telah berjaya dilaksanakan sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri. Hasilnya, kenaikan harga barang dan pengeluaran sumber dapat dikawal tanpa menimbulkan masalah yang besar kepada masyarakat dan negara.

# GARAPAN

Sebagai seorang pentadbir kanan kerajaan dan pemimpin politik yang berwibawa serta berpengalaman, Dato' Seri mempunyai wawasan tersendiri dalam kepimpinannya. Dalam kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor, beliau telah memperkenalkan Tonggak 10 yang menjadi dasar kepada agensi kerajaan di negeri ini dalam menyempurnakan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat. Ini terkandung dalam kenyataan beliau:

*"... dijadikan dasar sebab setiap agensi kerajaan telah maklum dan mereka pegang ini sebagai satu dasar dan akan menggunakan untuk merancang pembangunan. Ini adalah polisi."*

Kini Tonggak 10 telahpun menjadi dasar rancangan pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Sebenarnya, Tonggak 10 merupakan osas kepada matlamat Selangor Maju 2005 iaitu 15 tahun ke hadapan daripada Wawasan 2020.

Di kalangan rakan-rakan rapat dan pimpinan Selangor, beliau dianggap sebagai pemimpin yang mempunyai visi dan berpandangan jauh. Perbincangan akan dilakukan di semua peringkat bagi memastikan segala permasalahan dapat diselesaikan dengan teliti dan tidak terburu-buru. Beliau boleh merancang masa depan dengan baik kerana mempunyai keazaman yang kental. Beliau berusaha membuktikan bahawa seorang ketua dan pemimpin yang baik adalah orang yang dapat menilai perubahan dan permintaan daripada masyarakat yang sentiasa berubah-ubah dan berbeza-beza.

Dalam soal perpaduan pula, Dato' Seri cuba memberikan pendekatan yang sama kepada semua orang dan semua kaum. Namun begitu, beliau tidak ragu-ragu untuk menegur rakyat ataupun kakitangan yang dirasakan oleh beliau memerlukan teguran dan panduan. Bagaimanapun, beliau sentiasa memastikan bahawa teguran yang dibuat adalah ikhlas dan menepati keadaan semasa. Track record beliau yang cemerlang di pelbagai agensi kerajaan membbolehkan beliau



berperanan lebih dalam setiap jawatan dan posisi yang diamanahkan kepada beliau.

Kepimpinan cemerlang sering merupakan isu yang diwar-warkan oleh banyak pihak. Bagi Dato' Seri, sikap tidak mudah melatah dan terburu-buru dalam membuat keputusan banyak membantu beliau dalam isu pengurusan krisis. Di samping itu, pengalaman dan pengetahuan yang beliau miliki merupakan aset penting dalam menentukan kecermerlangan diri dan pengurusan kepimpinan beliau.

Penggabungan antara falsafah dan pemikiran, serta disokong oleh kredibiliti diri juga telah membantu beliau melalui proses-proses yang sukar bermula dari bawah (*grassroot*) hingga ke peringkat paling atas. Kriteria, sikap semulajadi, perwatakan, pengalaman dan pendidikan yang beliau terima merupakan garapan yang ampuh dalam melahirkan seorang insan istimewa yang pernah dianggap oleh Dato' Haji Hashim Mahmud sebagai 'bintang terang' yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

#### MINAT DAN KESUNGGUHAN

Telah dinyatakan bahawa, di kalangan rakan dan kenalananya, Dato' Seri dikenali sebagai seorang yang begitu teliti dan berhati-hati. Di sebalik wajahnya yang serius itu, sebenarnya terserlah peribadi yang unik dan berlawanan dengan penampilannya di mata umum. Lelaki berambut putih ini kelihatan garang, serius dan mungkin ada yang beranggapan beliau agak somborg. Lelaki ini juga nampak agak sukar didekati dan tegas. Namun, bagi mereka yang mengenalinya secara rapat, beliau adalah seorang pemimpin, rakan, bapa dan suami yang mudah didekati dan tidak banyak karenah. Beliau juga mementingkan perancangan dan disiplin kerana sebagai bekas seorang Pegawai Tadbir Diplomatik, beliau mempunyai latihan khusus yang tersendiri dalam membentuk imej beliau.

# GARAPAN

Dato' Seri juga dianggap sebagai seorang pemimpin yang mempunyai prinsip yang teguh tetapi pada masa yang sama mampu bersikap telus dan terbuka. Pengalaman sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik mendidik beliau bertindak secara diplomasi tetapi mengikut disiplin serta peraturan yang sedia ada dan cuba menyesuaikan keadaan dengan keperluan semasa. Sebagai seorang Pegawai Tadbir Diplomatik yang terlatih juga, Dato' Seri merupakan seorang yang mementingkan sistem pengurusan bersistematis dan teliti. Namun, di sebalik tanggapan dan pujian sebegitu, Dato' Seri merupakan seorang yang boleh menyesuaikan diri dengan keadaan serta dihormati dan disenangi rama.

Menurut Dato' Abdul Samad Maharuddin lagi, "... beliau terus membawa gaya pengurusan dan pentadbiran yang beliau amalkan ketika dalam perkhidmatan awam apabila beliau menjadi ahli politik. Etika kerja sebagai pentadbir awam terus dipegang dan diamalkan dalam kariernya sekarang sebagai ahli politik." Pandangan ini menggambarkan bahawa Dato' Seri senang dengan status quo sekiranya ia membawa kepada elemen positif terhadap individu dan masyarakat.

Sebagai ketua kerajaan, beliau amat dan memang menggalakkan para pegawai frutamanya anggota perkhidmatan awam agar sentiasa menjalankan tugas-tugas mereka dengan cekap dan berkesan. Beliau sering mengingatkan kakitangan di bawah beliau supaya mengelakkan diri daripada sebarang penyelewengan, rasuah, kerja tidak cekap, serta amalan membazir.

Semasa dilantik sebagai Menteri Besar Selangor, beliau telah membawa bersamanya satu set strategi pembangunan fizikal dan mental untuk rakyat Selangor iaitu dalam bentuk Tonggak 10. Sejurus selepas beliau mengumumkan Tonggak 10 sebagai teras kepada pembangunan Selangor, suasana kegawatan ekonomi telah dirasai oleh semua pihak. Wawasan beliau ini dianggap sebagai satu *lucky strike* untuk beliau kerana kebanyakan perkara yang digarisinya dalam Tonggak 10



merupakan gagasan yang mantap dalam usaha menangani kegawatan ekonomi terutama di peringkat negeri.

Kesungguhan beliau meliputi bidang-bidang yang menjadi *priority areas* kerajaan negeri seperti memastikan semua pihak mempertingkatkan kesedaran pemeliharaan alam sekitar, membasmi gejala sosial, menambah bilangan golongan Kelas Menengah Melayu, meningkatkan pertumbuhan projek perumahan kos rendah di Selangor, pertumbuhan IKS dan sektor pertanian.

Minat beliau dalam keilmuan juga terpancar daripada hobi beliau. Beliau dikenali sebagai seorang yang rajin membaca dan mempunyai daya ingatan yang kuat terhadap sesuatu perkara. Selain itu, minat dan kesungguhan beliau bukan hanya terserlah dalam bidang pembangunan dan perancangan tetapi juga menular dalam bidang-bidang sampingan yang diminatinya seperti sukan menembak, sukan golf dan aktiviti bercucuk tanam. Kebolehan beliau dalam acara menembak sebenarnya banyak dipengaruhi oleh latar belakang beliau yang berasal dari kampung. Menurut isteri beliau, pada masa mudanya, semasa bercuti dan pulang ke kampung beliau, Dato' Seri pasti akan menghabiskan masa lapangnya dengan aktiviti berburu dan menembak. Beliau juga memperuntukkan waktunya dengan menanam sayur-sayuran dan bunga-bungaan di bahagian belakang dan hadapan kediaman mereka di Taman Tun Abdul Razak, Ampang Jaya.

Dalam sukan golf pula, minat dan kesungguhan beliau memang diketahui di kalangan pemimpin dan pentadbir negeri yang sering menjadi rakan beliau dalam sukan ini. Menurut salah seorang rakan rapat beliau, "Walaupun pukulan beliau agak perlahan, tetapi sentiasa lurus dan akhirnya berjaya mengenai sasaran." Beliau juga merasakan bawaan minat dan kesungguhan Dato' Seri dalam bidang-bidang yang diceburinya mampu bertahan lama dan tidak bersifat sementara.



*Bermain golf ketika perlawanan Golf Piala Sultan Selangor antara pasukan DYMM Sultan Selangor dengan pasukan Diplomat di Kelab Glenmarie, Shah Alam.*

Dato' Seri telah dilibatkan sebagai seorang yang kurang bercakap, tetapi banyak bekerja. Bangunan UMNO Kuala Selangor yang dimulakan pembinaannya pada tahun 1982 dan siap pada tahun 1984 adalah antara lambang kegigihan beliau. Di samping itu, pekan Kuala Selangor yang dahulunya dianggap sebagai terkebelakang dari segi pembangunan telah berusaha dimajukan oleh beliau sejak beliau menjawat jawatan ahli Parlimen merangkap Ketua Bahagian, UMNO Bahagian Kuala Selangor lagi. Ini tidak bermakna beliau 'melebihkan' Kuala Selangor berbanding dengan daerah-daerah yang lain di Selangor. Sebenarnya, daerah-daerah lain juga diambil perhatian berat oleh beliau, malahan mungkin lebih daripada Kuala Selangor.



# GARAPAN

Dato' Seri juga tidak kering dengan idea-idea baru dalam usaha membangunkan negeri dan sosioekonomi rakyat Selangor. Semasa bertugas di peringkat persekutuan dan sebagai menteri kabinet pun, beliau dikenali sebagai seorang pemimpin yang tegas dan berani menghadapi cabaran. Isu-isu seperti kenaikan harga barang runcit dan tindakan menyorok barang oleh sesetengah pihak ditangani beliau dengan tenang dan tegas. Sesi-sesi perbincangan dan penerangan dengan pihak-pihak terlibat sering diadakan dan beliau bersikap terbuka dalam mendengar masalah dan komen daripada mereka.

Di peringkat daerah dan negeri pula, pelbagai sektor digerakkannya untuk menjadikan Selangor pusat pelbagai kegiatan ekonomi. Penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pula merupakan usaha serius beliau dalam memastikan wujudnya satu badan yang mampu memantau dan menyahut cabaran bagi menangani era kegawatan dan pengurusan krisis ekonomi di peringkat negeri.

Sebagai seorang yang mempunyai prinsip yang kukuh dalam kepimpinan, perwatakan beliau menjadikannya disegani oleh kawan dan lawan. Dalam pelaksanaan tugas, beliau bukanlah seorang yang melakukan kerja sambil lewa. Sebaliknya beliau meneliti semua kerja secara mendalam dan terperinci. Sebolehnya beliau tidak mahu sebarang kecacatan, yakni 'zero defect.'

Ciri-ciri dan kualiti yang dimiliki oleh Dato' Seri seperti mana yang telah dinyatakan merupakan asas kepada minat dan kesungguhan beliau dalam menerajui kepimpinan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Ringkasnya, agenda pembangunan beliau telah digilap daripada awal lagi dengan kualiti dan imej diri yang positif.

## PERJALANAN KERJAYA

Kepakaran Dato' Seri adalah dalam bidang geografi dan perancangan. Kerjaya awal beliau dalam pembangunan dan perancangan wilayah bermula apabila beliau bertugas di Unit Perancangan Ekonomi (EPU), di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1969.

Namun begitu, fasa-fasa kerjaya beliau boleh dibahagikan kepada tiga peringkat dengan kombinasi antara jawatan sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) dan pimpinan politik, iaitu:

- Peringkat daerah
- Peringkat negeri
- Peringkat persekutuan

Dato' Seri telah mendapat latihan dari bawah sebagai pegawai kerajaan yang terpaksa melalui ujian dalam urusan pentadbiran daerah. Sudah tentu dalam era ini, beliau telah mengalami pelbagai pengalaman pahit dan manis semasa bertugas di negeri kelahiran beliau. Pada tahun 1963-1969 iaitu di tahun-tahun awal beliau memulakan kerjaya, daerah dan kawasan di Selangor tentulah tidak semaju sekarang. Kawasan-kawasan yang dilawati beliau mungkin masih menjadi tempat 'jin bertendang' dan kemudahan infrastruktur juga masih kurang. Daerah kelahiran beliau sendiri iaitu Kuala Selangor masih merupakan kawasan yang dianggap sebagai pedalaman di Selangor pada masa itu. Pengalaman-pengalaman yang dikuasip di peringkat awal kerjaya beliau inilah akhirnya yang menjadi asas kepada pemahaman beliau terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan masyarakat setempat.

Untuk tempoh sembilan tahun berikutnya, iaitu antara tahun-tahun 1969-1978, Dato' Seri telah mencurahkan bakinya di peringkat persekutuan iaitu di pelbagai



kementerian. Posisi dan jawatan yang dipegangnya bukan calang-calang jawatan dan tanggungjawab beliau juga agak berat.

Cabarannya yang dihadapi oleh beliau di peringkat persekutuan pula sudah tentulah lebih hebat daripada sebelumnya. Pelbagai masalah, isu dan halangan terpaksa dihadapi tanpa dapat dijangkakan. Di samping itu, banyak mesyuarat dan program besar telah dikendalikan oleh beliau dan kakitangan dengan jayanya serta mendapat pengiktirafan dunia. Sebagai contoh semasa beliau menjadi Menteri Luar Negeri, mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) telah diadakan di mana Malaysia dianggap sebagai tuan rumah terbaik bagi mesyuarat berprestij ini.

Akhirnya, Dato' Seri telah diajak kembali ke tanah kelahiran beliau menerusi jawatan Menteri Besar Selangor. Detik ini merupakan satu sejarah negara yang akan dikenang oleh generasi selanjutnya. Ini kerana, perlantikan beliau dibuat dalam suasana spekulasi yang hangat daripada pelbagai pihak setelah isu perletakan jawatan Menteri Besar Selangor yang kedua belas iaitu Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Muhammad Taib. Dengan kembalinya beliau ke Selangor, maka lengkaplah pusingan perjalanan kerjaya beliau yang melalui fasa-fasa berliku sebelum mencapai puncak kejayaan. Namun, siapalah yang dapat menjangka dengan tepat. Apa yang akan ditawarkan dan diamanahkan kepada Dato' Seri, hanya masa yang akan menentukannya.

# GARAPAN

## DARI PENTADBIR KEPADA PEMIMPIN

Sekembalinya Dato' Seri dari England selepas menamatkan pelajarannya dalam bidang Geografi pada tahun 1963, beliau berusaha untuk mencari pekerjaan bagi membela nasib keluarga. Dato' Seri menyedari beliau berasal dari keluarga yang susah dan menjadi tanggungjawabnya untuk membawa sinar dalam keluarga Tuan Haji Omar. Itulah peribadi seorang anak kampung yang berjiwa luuhur, walaupun jauh di perantauan tetapi hatinya tetap dekat dengan keluarga.

Allah SWT mengetahui apa yang terbaik buat hamba-Nya dan seperti mana yang tersurat, rupa-rupanya insan ini terpaksa berusaha lebih sedikit untuk mencari pekerjaan. Hasil daripada permohonan demi permohonan maka pada tahun 1963 Dato' Seri diterima untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam buat pertama kalinya sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat dan seterusnya sebagai Penolong Pegawai Daerah Klang sehingga tahun 1967.

Ketika berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Klang, Dato' Seri telah memperlihatkan dedikasinya apabila beliau sering meluangkan masa bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat demi untuk merealisasikan semangat dan cita-cita beliau untuk berbakti kepada tanah air tercinta. Rupanya dalam diam-diam, perilaku Dato' Seri ini sedang diperhatikan oleh pimpinan UMNO setempat.

Dengan keberkatan alam rumahtangga, rezeki dan kerjaya Dato' Seri terus meningkat. Untuk itu pada tahun 1967 Dato' Seri telah dinilaikan pangkat sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Lumpur. Peningkatan dalam kerjaya masih tidak mengubah gaya kerja beliau yang dilihat cukup komited dan bersungguh-sungguh terhadap tugas dan tanggungjawab. Gaya kerja dan sikap beliau ini menarik perhatian pihak atasaran. Maka pada tahun 1968 Dato' Seri telah dinilaikan pangkat sebagai Pegawai Daerah Hulu Langat.



# GARAPAN

Semasa bertugas sebagai Pegawai Daerah Hulu Langat, Dato' Seri dan keluarga menetap di pekan Kajang. Boleh dikatakan pada setiap kali hujung minggu, Dato' Seri mengambil kesempatan membawa keluarga pulang ke kampung menziarahi orang tuanya. Pada suatu pagi pada tahun 1969, serombongan pimpinan UMNO tempatan mengambil kesempatan berterima Dato' Seri dan menawarkan beliau bertanding sebagai ADUN Jeram. Seperti biasa apabila hendak membuat sesuatu keputusan yang membabitkan keluarga, maka isteri tersayang juga diminta memberi pandangan. Apabila Dato' Seri mengemukakan mengenai jemputan pimpinan setempat untuk beliau menjadi calon, serta merta isteri beliau menangis tidak bersetuju, apahalagi ketika itu isteri beliau sedang mengandung anak yang ketiga. Melihat situasi ini ayah Dato' Seri bertindak menterjemahkan Dato' Seri dan isteri dengan berkata, "Seandainya isteri kau tak mahu terima, tak perlulah menerima."

Selepas peristiwa itu, Dato' Seri menumpukan sepenuh tenaga beliau untuk berkhidmat kepada rakyat. Sekali lagi Dato' Seri dinattività pangkat pada tahun 1969, iaitu sebagai Ketua Penolong Setiausaha Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Dato' Seri menyandang jawatan ini sehingga tahun 1971.

Semasa dalam perkhidmatan kerajaan, Dato' Seri memegang jawatan penting dalam UMNO Bahagian iaitu sebagai Naib Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor. Hasil daripada penglibatan beliau dalam politik, Dato' Seri mendapat surat tunjuk sebab daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Surat tersebut memberi pilihan kepada Dato' Seri sama ada mahu meletakkan semua jawatan dalam politik ataupun meletakkan jawatan sebagai Pegawai Tadbir. Ini adalah disebabkan polisi jabatan kerajaan (GO) yang tidak membenarkan Pegawai Tadbir Bahagian 1 terlibat dalam parti politik secara aktif.

Berikutnya dengan surat tersebut, Dato' Seri mengadakan perjumpaan dengan pimpinan UMNO Bahagian untuk mendapatkan pandangan. Berdasarkan perbincangan tersebut, semua pimpinan UMNO Bahagian berpendapat bahawa

untuk menjaga masa depan beliau dalam perkhidmatan awam, sebaiknya beliau meletak jawatan dalam parti dan sekadar menjadi ahli biasa sahaja.

Pada masa yang sama Dato' Seri mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat Sarjana dalam bidang Pembangunan Kawasan dan Wilayah. Lantas apabila beliau menerima tawaran tersebut, beliau mengajak isterinya berbincang. Datin Seri memberi pendapat dengan berkata, "We better leave the country sebab selalu ada orang cari you untuk jadi calon." Untuk itu pada tahun 1971, sekali lagi Dato' Seri berangkat ke England bersama keluarga untuk menyambung pelajaran beliau di University of Hull. Berkat kesabaran beliau dan diriringi doa isteri, anak-anak dan restu ayahanda dan bonda, maka pada tahun 1973 Dato' Seri berjaya menylapkan kajian beliau yang bertajuk Rancangan Pembangunan Kawasan-Kawasan Malaysia Barat dan dianugerahkan Ijazah Sarjana.

Sekembalinya Dato' Seri ke tanah air pada tahun 1973, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Menteri Besar Selangor ketika itu ialah Dato' Harun Idris. Perlantikan Dato' Seri ke jawatan ini sekaligus mengundang beliau untuk bertemu dengan ramai ahli politik Selangor ketika itu. Walaupun beliau bercampur dengan mereka tetapi ini tidak mengubah cara kerja beliau yang sistematis dan beramanah. Tambahan pula, Dato' Seri memang mempunyai prinsip yang tegas dan menjadi pegangan beliau lait u tidak mudah dipengaruhi.

Pada tahun 1976, bintang kerjaya Dato' Seri terus bersinar. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dengan jawatan baru ini, maka bertambah sibuklah jadual harian Dato' Seri. Di tengah kesibukan Dato' Seri berkhidmat dalam perkhidmatan awam, Parlimen dibubarkan untuk pilihan raya tahun 1978. Sekali lagi rombongan pimpinan UMNO berkunjung ke rumah Dato' Seri menjemput beliau menjadi calon ahli Parlimen Kuala Selangor.



Sekali lagi Dato' Seri berbincang dengan isteri tersayang dan hasil daripada perbincangan tersebut beliau pun membuat keputusan dengan katanya, "Noor! Kali ini please don't stop me anymore. I think the time has come for me to serve the people." Menurut Datin Seri Wan Noor, "Saya tahu jiwanya tebal untuk menolong rakyat. Untuk itu saya pun reda dengan apa jua keputusannya." Bermula dari detik tersebut, iaitu pada tahun 1978 bermulalah era politik Dato' Seri.



Dato' Seri ketika menjadi  
Timbalan Menteri Pengangkutan.

# GARAPAN

## PENGLIBATAN DALAM POLITIK

Sebenarnya, penglibatan Dato' Seri dalam politik bermula pada tahun 1957 dengan menjadi ahli UMNO cawangan Kampung Bukit Belimbing. Penglibatan Dato' Seri dalam politik secara serius bermula apabila Dato' Jamaluddin Adnan (Ketua Pemuda UMNO Cawangan Pekan Kuala Selangor), Allahyarham Mohamad Yusof dan beberapa tokoh tempatan mencadangkan beliau sebagai Naib Ketua UMNO Bahagian. Hasil daripada cadangan tersebut dan ditambah lagi dengan faktor sokongan ahli UMNO Bahagian, akhirnya Dato' Seri terpilih sebagai Naib Ketua UMNO Bahagian dalam tahun 1975.

Pada tahun 1975, UMNO Kuala Selangor menghadapi krisis kepimpinan akibat kurangnya barisan pelapis yang menonjol bagi memimpin UMNO Bahagian. Tambahan pula, wakil rakyat kawasan tersebut adalah daripada orang luar. Suasana ini menyebabkan timbul kegelisahan di kalangan masyarakat setempat sehingga mendorong beberapa orang pemimpin UMNO Bahagian bertindak mencari pengganti Ketua Bahagian dari kalangan anak tempatan.

Krisis politik ini sebenarnya sudah bermula pada tahun 1974 lagi apabila orang luar dicalonkan sebagai ahli Parlimen Kuala Selangor dalam pilihan raya umum 1974. Disebabkan rasa tidak puas hati dengan pemilihan orang luar bertanding atas tiket Perikatan, anak tempatan iaitu Dato' Haji Hashim Mahmud mengisyiharkan dirinya sebagai calon bebas bertanding bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor. Walau bagaimanapun beliau tewas dengan majoriti 4000 undi. Sentimen masyarakat setempat ini sememangnya disedari oleh Allahyarham Tun Abdul Razak (Perdana Menteri ketika itu) dan Dato' Hormat Rafei (Menteri Besar Selangor ketika itu).

Mengimbang semula pilihan raya umum tahun 1978, Dato' Seri telah diminta untuk menjadi calon Barisan Nasional bagi Parlimen Kuala Selangor. Sebenarnya usaha tersebut dilakukan dengan arahan daripada Allahyarham Tun Hussein Onn (Perdana



# GARAPAN

Menteri ketika itu), serta Dato' Kamaruzaman dan Dato' Hormat Rafel. Kali pertama rombongan ini berjuma untuk menawarkan beliau bertanding sebagai calon bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor, beliau menolak.

Rombongan ini masih tidak berputus asa, lantas mereka bertemu dengan bapa Dato' Seri untuk mendapat restu beliau. Sungguhpun begitu, tiada jawapan positif daripada pihak Dato' Seri sendiri kerana baginya tiada kepastian dalam dunia politik.

Di kalangan masyarakat tempatan pula, mereka masih lagi tidak berpuas hati dengan langkah pemimpin Perikatan untuk terus mencalonkan orang luar bagi pilihan raya umum tahun tersebut. Keadaan ini menyebabkan sekali lagi Dato' Haji Hashim Mahmud bertindak mengisyaratkan dirinya sebagai calon bebas kawasan Kuala Selangor.

Usaha untuk menarik anak tempatan bertanding masih lagi diteruskan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Rombongan ini datang lagi untuk berjuma dengan Dato' Seri buat kali keduanya. Kini, mereka membawa bersama surat yang memberikan penggunaan lambang parti yang sekaligus merupakan pengesahan bagi pencalonan. Dato' Seri lantas bertanya kepada rombongan tersebut, "Betul ni awak tahu saya boleh menang? Kalau tak menang besok, saya malu. Gaji saya RM 5,500.00, saya ada tanggungan, hutang saya tak terbayar nanti." Ketika itu jawatan yang disandang oleh Dato' Seri ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah. Setelah meneliti surat tersebut dan berbincang dengan rombongan itu, akhirnya Dato' Seri menerima tawaran tersebut.



*Akhirnya, Dato' Seri terpaksa akur dengan permintaan masyarakat sekeliling untuk berkecimpung dalam politik*

Keputusan Dato' Seri untuk bertanding menyaksikan laju beliau untuk menang semakin mudah memandangkan calon bebas iaitu Dato' Haji Hashim Mahmud mengisyiharkan untuk tidak bertanding dan meminta penyokongnya memberi sokongan padu tanpa berbelah bahagi kepada Dato' Seri yang dikatakan sebagai 'adik' beliau. Sementara itu, nama Dato' Seri telah mula diwar-warkan sebagai calon Barisan Nasional Parlimen Kuala Selangor di akhbar-akhbar utama tempatan.

Perjalanan pilihan raya kali ini agak luar biasa kerana jentera UMNO telah digunakan untuk membantu calon bebas yang juga dikenali sebagai orang luar di kalangan masyarakat tempatan. Hakikatnya, Dato' Seri merupakan calon yang sebenarnya daripada parti UMNO. Disebabkan masalah tersebut kepimpinan Barisan Nasional Bahagian telah menubuhkan jentera Barisan Nasional untuk menggerakkan kerja-kerja pilihan raya di kawasan tersebut. Jentera Barisan Nasional yang ditubuhkan ini terpaksa bekerja dengan lebih gigih dan kuat lagi disebabkan jentera pilihan raya calon bebas berada pada keadaan yang cukup bersedia khususnya dari sudut kewangan apabila peruntukan pertama yang dihantar oleh ibu pejabat UMNO kepada UMNO Bahagian sebanyak RM 16,000 terlepas ke tangan calon bebas.



# GARAPAN

Tindakan segera yang dilakukan oleh kepimpinan Barisan Nasional Bahagian selepas pembentukan jentera pilihan raya ialah menubuhkan Bilik Gerakan. Untuk menonjolkan kesatuan dan keyakinan Barisan Nasional menghadapi calon bebas, maka Bilik Gerakan Barisan Nasional dibuka selang dua pintu daripada pejabat UMNO yang digunakan oleh calon bebas di jalan menuju ke Bukit Melawati.

Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail yang ketika itu turut bertanding sebagai ahli Dewan Undangan Permatang (juga dalam Parlimen Kuala Selangor) turut mengakui pilihan raya pada masa itu merupakan sesuatu yang dramatik disebabkan berlakunya pertembungan dengan calon bebas yang menggunakan kemudahan UMNO Bahagian. Akan tetapi cabaran tersebut mampu dihadapi oleh kepimpinan Dato' Seri dan jentera Barisan Nasional. Malah, belum melihat ketika itu Dato' Seri begitu serius dan tegas dengan gerak kerja pilihan raya, tidak seperti sesetengah orang lain yang membuat kerja sambil lewa dan kurang serius. Maka terdetik di hati kecilnya bahawa kepimpinan Dato' Seri boleh membawa kemenangan kepada kumpulan mereka walaupun di semua peringkat mereka bertentangan dengan jentera calon bebas yang menggunakan UMNO Bahagian.

Pada masa yang sama, sokongan masyarakat bukan Melayu khususnya keturunan Cina dan India memang tidak dapat disangkal lagi terhadap pencalonan Dato' Seri sebagai calon Barisan Nasional. Sokongan yang dilakukan ini adalah berdasarkan faktor peribadi Dato' Seri yang dikenali oleh semua seperti yang ditegaskan oleh Dato' N. Periasamy wakil kaum India Kuala Selangor, "Sebelum Dato' Seri masuk politik lagi saya sudah mengenal beliau kerana saya mengenal ayah Dato' Seri dan Dato' Hashim. Sejak daripada kecil lagi Dato' Seri sudah bercampur dengan masyarakat. Oleh itu, beliau sudah maklum tentang permasalahan masyarakat kampung. Sebab itu, bila beliau dicalonkan sebagai ahli Parlimen Kuala Selangor, saya yang merupakan Setiausaha MIC bersama-sama dengan masyarakat India yang lain terus sahaja menyokongnya."

Parlimen Kuala Selangor ketika itu meliputi Dewan Undangan Permatang, Assam Jawa dan Jeram. Berdasarkan keluasan kawasan pilihan raya yang ditandingi oleh Dato' Seri dan ditambah dengan faktor kali pertama bertanding serta cabaran semasa, maka Dato' Seri dan pasukannya berusaha bersungguh-sungguh berkempen untuk memenangi hati rakyat. Sewaktu berkempen, ada masanya Dato' Seri akan berfinkak melambungkan kunci kerana itu merupakan simbol yang digunakan oleh calon bebas yang bertanding melawan Dato' Seri.

Bagi Datin Seri Wan Noor apabila Dato' Seri menjadi calon, beliau begitu yakin bahawa suaminya akan mencapai kemenangan memandangkan Dato' Seri merupakan anak watan yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat setempat dan ditambah lagi dengan faktor bapa Dato' Seri yang menjadi Ketua Kampung ketika itu. Walaupun begitu, di sebalik sambutan yang diterima oleh Dato' Seri sepanjang kempen, hati kecil Datin Seri Wan Noor masih lagi dibalut perasaan bimbang dan takut seandainya suami tersayang mengalami kekalahan. Lantas beliau menyuarakan rasa hatinya kepada Dato' Seri mengenai nasib mereka dan anak-anak yang seramai lima orang ketika itu sekiranya Dato' Seri kalah. Dengan wajah tegas Dato' Seri menjawab, "Balik duduk kampung."

Begitulah sifat Dato' Seri apabila membuat keputusan. Beliau pasti akan mempertahankan keputusannya. Berkat doa dan usaha yang tidak pernah mengenal penat akhirnya Dato' Seri berjaya dengan cemerlang dalam pilihan raya tersebut dengan mendapat 16,598 undi menewaskan Norhadzi dari PAS yang mendapat 3,590 undi dan Sirman dari BEBAS yang mendapat 3,257 undi.



*Pilihan rakyat, Dato' Seri dijulang penyokongnya selepas memenangi pilihan raya bagi kerusi Parlimen Kuala Selangor, 1978.*

Hakikat kemenangan ini juga turut dikongsi oleh Datin Paduka Hajah Rakibah Abdul Manap, bekas Exco Kerajaan Negeri Selangor, dengan katanya, "Saya suka melihat cara beliau bertugas. Salah satu perkara yang menarik ialah beliau tidak membuat kerja sambil lewa. Apa yang pasti, beliau amat serius dalam mentadbir kerja dengan meneliti semua kerja secara mendalam dan terperinci. Seboleh mungkin beliau tidak mahu ada sebarang kecacatan dan beliau mahukan sesuatu tugas dilakukan dengan cara yang terbaik untuk dipersembahkan. Faktor inilah pada perkiraan saya menyumbang serba sedikit akan kemenangan Dato' Seri pada tahun 1978."

Kemenangan ini sekaligus membawa sinar yang bergemerlapan pada bintang politik Dato' Seri. Ini kerana, ekoran daripada kemenangan itu, Dato' Seri telah dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Industri. Perlantikan ini sebenarnya merupakan satu pengiktirafan bukan sekadar kepada Dato' Seri tetapi juga kepada penduduk Kuala Selangor kerana beliau adalah anak watan yang pertama memegang jawatan tersebut.

Bagaimanapun, perlantikan Dato' Seri ke jawatan tersebut, sedikit pun tidak pernah mengubah gaya kerja yang diwarisi sebelumnya. Beliau masih lagi mengekalkan sifat kerja kuatnya itu. Ini juga merupakan faktor yang mendorong Tun Hussein Onn (Perdana Menteri ketika itu) melantik Dato' Seri sebagai Timbalan Menteri Pertahanan dalam rombakan kabinet pada tahun 1980. Dilantik pada tahun 1981, Dato' Seri dilantik pula sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan.

Dalam kesibukan bekerja dan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat, rupanya pengalaman pemerintahan kerajaan Barisan Nasional sudah menghampiri lima tahun. Berdasarkan rekod perkhidmatan yang terpuji, sekali lagi Dato' Seri dicalonkan sebagai ahli Parlimen Kuala Selangor bagi pilihan raya umum 1982. Hanya jauhari mengenal manikam, begitu jugalah dengan citarasa pemilih di Parlimen Kuala Selangor. Mereka masih terus memilih Dato' Seri dan ini menyaksikan kemenangan Dato' Seri dengan undi 21,409 undi mengalahkan dua orang calon lawan iaitu Rashid Daud dari DAP (3,110 undi) dan Sayan Marbin dari PAS (2,444 undi).

Walaupun begitu, Dato' Seri masih lagi menjawat jawatan Timbalan Menteri Pengangkutan. Pada tahun 1984, Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melakukan rombakan kabinet yang turut membabitkan kedudukan Dato' Seri. Setelah memegang jawatan sebagai timbalan menteri di dua kementerian, akhirnya Dato' Seri bergelar menteri penuh di sebuah kementerian yang begitu sinonim dengan peribadi Dato' Seri yang berjaya halus itu iaitu Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Budaya kerja kuat yang menunjang keperibadian Dato' Seri, menyaksikan pemilihan beliau sebagai calon oleh kepimpinan UMNO dalam setiap pilihan raya umum sama ada dalam tahun 1986, 1990 mahupun 1995. Rentetan kemenangan ini juga, secara tidak langsung membawa Dato' Seri memegang jawatan menteri di beberapa kementerian antaranya Menteri Wilayah Persekutuan, Menteri Luar Negeri dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.



# GARAPAN

Kerjaya politik Dato' Seri sebenarnya telah ditetapkan oleh ketentuan lalai betapa suatu hari nanti beliau akan meneraju pentadbiran negeri tanah kelahirannya. Namun, tiada siapa pun yang pernah menduga, walau penganalisa politik sekali pun bahawa suatu hari nanti Dato' Seri akan menjadi Menteri Besar Selangor. Dato' Seri dan keluarga sendiri pun tidak pernah mengimplikan jawatan setinggi itu.

Menurut isteri beliau, Datin Seri Wan Noor, semasa perlantikan jawatan Tan Sri Dato' Haji Muhammad Muhd. Taib sebagai Menteri Besar Selangor, mereka sekeluarga berada di London. Sejajar dengan jawatan Dato' Seri ketika itu iaitu sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, beliau diminta oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi pandangan mengenai calon Menteri Besar yang baru. Tanpa berlengah lagi Dato Seri mengemukakan beberapa nama untuk calon tersebut. Pada masa yang sama, Perdana Menteri meminta Dato' Seri segera pulang ke tanah air. Pada perkiraan Dato' Seri mungkin Perdana Menteri hendak berbincang tentang calon Menteri Besar. Al-kisahnya, setiba beliau ke tanah air berlaku perkara sebaliknya iaitu Perdana Menteri memilih beliau sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Bagi Dato' Abdul Samad Maharuddin, pemilihan Dato' Seri sebagai Menteri Besar memang kena pada tempatnya memandangkan keadaan politik Selangor ketika itu yang sedang bergolak.

Di kalangan pihak-pihak tertentu wujud spekulasi mengenai siapa yang bakal menjadi Menteri Besar Selangor seterusnya. Oleh itu menurut Dato' Abdul Samad lagi, eloklah Dato' Seri dilantik kerana lain dari apa yang dijangkakan oleh orang ramai dan menggelakkkan calon yang disebut-sebut tersinggung. Tambahan pula, sebenarnya Dato' Seri telah lama disebut untuk menjadi pemimpin negeri iaitu ketika di zaman Allahyarham Tun Hussein Onn lagi. Bagaimanapun, ketika itu Dato' Seri masih muda dan pada masa yang sama sudsana politik di Selangor tidak mengizinkan beliau untuk dilantik menjadi pemimpin negeri.

Pemilihan Dato' Seri sebagai Menteri Besar Selangor yang kedua belas telah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu (Dato' Seri Anwar Ibrahim) pada 2 Mei 1997. Dengan pengumuman itu, Dato' Seri terpaksa melepaskan jawatan yang disandang iaitu sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga sebagai ahli Parlimen Kuala Selangor bagi membolehkan beliau bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri Kawasan Permatang yang dikosongkan oleh Dato' Jamaluddin Adnan.

Begitulah anehnya dunia politik. Bak kata pujangga, dalam dunia politik tidak ada istilah mustahil. Begitulah juga dengan pemilihan Dato' Seri. Bagaimanapun, proses Dato' Seri untuk menjadi Menteri Besar bukanlah mudah kerana beliau perlu menang dalam pilihan raya kecil Permatang. Kenyataan ini diakui oleh Dato' Jamaluddin Adnan dengan katanya, "Untuk menjadi Menteri Besar perlu ada proses pemilihan dan beliau perlu menjadi ahli Dewan Undangan Negeri. Maka beliau terpaksa berkorban meletak jawatan sebagai menteri dan dicalonkan sebagai calon ADUN Permatang dan saya telah memberikan tempat saya kepada beliau kerana beliau juga anak watan kampung ini."

Hasil kegigihan, kerja kuat dan sokongan rakyat, maka tanggal 29 Mei 1997 pilihan raya kecil N10 Permatang dan P088 Kuala Selangor mencatatkan kemenangan Dato' Seri dengan undi 9, 590 menewaskan Mohd. Maskawi Mardzuki daripada PAS yang mendapat undi 1, 810 dan sebanyak 484 undi rosak. Bagi kerusi Parlimen Kuala Selangor pula Dato' Jamaluddin Adnan mendapat 24, 019 undi menewaskan Ahmad Alang dari PAS yang mendapat 5, 677 undi dan 1, 053 undi rosak. Berikutnya dengan kemenangan ini, pada 6 Jun 1997 Dato' Seri mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor.

Sebenarnya, perlantikan Dato' Seri ke jawatan ini sekaligus mengundang harapan yang tinggi daripada masyarakat demi untuk melihat sebuah pentadbiran yang telus, cukup bertanggungjawab dan bersih. Harapan ini dizahirkan dan



dilontarkan oleh generasi pemuda yang bakal mewarisi kepimpinan pada masa akan datang iaitu Encik Jaya Kesuma Haji Rosman, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Selangor dengan katanya, "Saya mengharapkan Dato' Seri terus dengan sifat sedia ada yang dimilikinya dan tidak terikut-ikut dengan rentak orang lain kerana kepimpinan sekarang memerlukan watak seperti itu. Pada masa yang sama juga, saya harapkan beliau terus-menerus menerajui kepimpinan parti dan kerajaan."

Harapan ini juga turut dikongsi bersama oleh Dato' Haji Hashim Meon, bekas Setiausaha Kerajaan Selangor, yang kini berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dengan katanya, "Beliau datang ke Selangor sebagai ketua kerajaan dengan membawa satu set harapan, satu set strategi pembangunan fizikal dan mental untuk rakyat Selangor dalam bentuk Tonggak 10 yang mana kalau sekiranya dilaksanakan secara total, *Insya Allah* akan dapat benar-benar merealisasikan harapan Selangor untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2005."

Dato' Seri Haji Onn Ismail, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor pula ada menyatakan tentang harapan dan kehebatan perancangan besar Dato' Seri dalam membawa perubahan kepada negeri dan menggesa sokongan padu rakyat negeri dengan katanya, "Agenda YAB Dato' Seri menerajui Selangor baru bermula. Selangor akan terus berjalan seiring dan mengambil kesempatan dari projek-projek mega Kerajaan Persekutuan seperti MSC dan Putrajaya, memastikan pembangunan yang seimbang di seluruh negeri, mempertingkatkan penghayatan Islam dan melahirkan tenaga mahir sesuai dengan perkembangan teknologi. Kesungguhannya dalam memastikan semua pihak mempertingkatkan kesedaran pemeliharaan alam sekitar, membasi gejala sosial, menambah bilangan Kelas Menengah Melayu perlu terus disokong. Pertumbuhan projek perumahan negeri terus meningkat dalam usaha menjadikan Selangor bebas dari setinggan menjelang tahun 2005 dan pertumbuhan IKS dan sektor pertanian."

# GARAPAN

Malah, harapan yang sama turut dikongsi oleh Dato' Lim Thor, wakil masyarakat Cina/MCA Kuala Selangor. Beliau mengharapkan Dato' Seri akan terus memimpin Negeri Selangor memandangkan pendekatan kepimpinan Dato' Seri yang dianggap sesuai dengan persekitaran masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama.

Begitulah harapan yang telah disandarkan kepada anak kelahiran Kampung Bukit Belimbing ini.

### Cabaran Pilihan Raya Tahun 1999

Tahun 1999 sekali lagi menyaksikan rakyat Malaysia keluar membuang undi dalam pilihan raya umum bagi memilih pucuk pimpinan negara. *Alhamdulillah*, seperti tahun-tahun sebelumnya ia telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak dilihat. Bagaimanapun, tiada siapa yang dapat menafikan bahawa pilihan raya kali ini menyaksikan gelombang yang cukup kuat dan senario yang cukup berbeza dari selatan hingga ke utara tanahair. Pilihan raya yang diadakan pada tarikh 29 November, iaitu satu tarikh yang begitu hampir menjelang abad 21, dianggap agak *thrill* oleh sesetengah pihak memandangkan terdapat banyak isu yang timbul dalam tempoh beberapa bulan sebelumnya.

Dalam pilihan raya tersebut, Dato' Seri telah berjaya mengekalkan kemenangannya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permataang dengan jumlah undi sebanyak 8,621 mengalahkan calon KeADILan (ADIL), Mohd. Yahya bin Sahri dengan majoriti undi sebanyak 2,956. Ini membolehkan beliau terus menerajui kepimpinan Selangor ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kejayaan beliau disambut oleh para penyokong beliau dengan penuh kesyukuran. Kejayaan ini juga merupakan hasil usaha gigih beliau selaku Pengurus Perhubungan UMNO Negeri Selangor dalam mengatur strategi, perancangan dan tindakan-tindakan yang penting. Kebijaksanaan beliau disusuli pula dengan semangat, daya usaha dan gerak



# GARAPAN

kerja tanpa mengira waktu yang ditunjukkan oleh para penyokong UMNO demi memastikan kelangsungan kemenangan Barisan Nasional.

Meskipun di saat-saat menjelang pilihan raya pelbagai isu dan tohmannan dilemparkan oleh pihak pembangkang kepada kerajaan Barisan Nasional dan para pimpinannya, tetapi dengan kebijaksanaan Dato' Seri dan para pemimpin Barisan Nasional, beliau dapat memberikan keyakinan kepada semua lapisan masyarakat untuk terus memberi sokongan kepadanya.

Sebagai Pengurus Badan Perhubungan Negeri Selangor, beliau telah mengerahkan seluruh jentera pilihan raya negeri untuk bekerja keras bagi memastikan kemenangan UMNO dan Barisan Nasional. Tenaga kerja pemuda dan wanita digabung dan dikerah untuk melaksanakan segala tugas yang diberi termasuk menjalankan kaji selidik kecenderungan pengundi di negeri Selangor. Sistem Rangkaian Komputer UMNO turut digunakan untuk memantau kecenderungan para pengundi di mana sistem ini telah digunakan oleh UMNO di setiap negeri.

Dato' Seri sendiri telah 'turun padang' untuk menyaksikan kerja-kerja pilihan raya dilaksanakan. Beliau telah memastikan segala masalah diselesaikan terutama masalah-masalah dalaman yang berlaku di cawangan-cawangan dan bahagian-bahagian UMNO. Dato' Seri juga banyak mengadakan perbincangan dengan barisan kepimpinan UMNO negeri dalam merencana strategi. Di samping itu, Dato' Seri turut meminta nasihat, pandangan dan buah fikiran para pemimpin UMNO veteran yang pastinya sudah masak dengan ragam politik setempat seperti Dato' Haji Hashim Mahmud.

Sewaktu pilihan raya berlangsung pula, setelah menunaikan kewajipannya sebagai pengundi, Dato' Seri terus meronda ke seluruh tempat pengundian di Negeri Selangor. Setelah waktu pengundian tamat, beliau terus berada bersama-sama para penyokongnya di Kuala Selangor untuk menyaksikan keputusan pilihan raya yang

disiarkan melalui televisyen. Malah, sehingga waktu menjelang Maghrib pun, beliau masih lagi berada di situ bersama para penyokongnya. Selepas itu barulah beliau bergegas ke ibu pejabat UMNO di Shah Alam untuk bersama-sama dengan pimpinan UMNO Selangor lainnya. Demikianlah prihatin dan bersungguhnya beliau dalam mendepani pilihan raya yang lalu. Betapa komitmen, tanggungjawab dan kesetiaan beliau kepada parti dan kerajaan adalah tidak berbelah bagi.

Akhirnya, gabungan kepimpinan beliau, usaha yang gigih para penyokong UMNO dan Barisan Nasional, panduan dan nasihat para pemimpin veteran serta perancangan yang mantap telah menyaksikan kemenangan BN dalam pilihan raya yang diadakan pada 29 November 1999 yang lalu. Bagaimanapun, ibarat kata pepatah, adat bertanding, ada menang ada kalahnya, yang menang dirai bersama, yang kecundang harus diterima. Terdapat juga beberapa kawasan yang berjaya ditakluki pembangkang.


Walau kesuraman tetap dirasa, namun sebenarnya keadaan ini masih tidak dapat menggoayahkan kepimpinan Dato' Seri. Beliau memiliki tembok kekuatan tersendiri yang sukar difembusi oleh pihak lawan. Sehingga kini, pihak lawan gagal untuk mempertikalkan keperibadian kepimpinan Dato' Seri yang telah dimaklumi sebagai seorang yang cekap dan telus dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Menteri Besar Selangor. Tidak ada sebab seorang pemimpin yang ikhlas, baik dan berkaliber seperti beliau harus tersingkir hanya kerana isu-isu yang berbentuk sementara, bermusim dan hanya mewakili kepentingan individu-individu tertentu pula.



## BAB 4

# *MENJEJAKI PEMIKIRAN DAN HARAPAN*







## MENJEJAKI PEMIKIRAN DAN HARAPAN

-----

### SELANGOR MAJU DI BAWAH KEPIMPINAN BERWAWASAN

"Saya mahu menjadikan Selangor sebagai negeri maju, selimbang atau merata pembangunan fizikalnya, kukuh masyarakatnya dengan pengalaman nilai mulia dan berupaya mengeluarkan keperluan makanan yang mencukupi." (Petikan wawancara YAB Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan Hajji Omar sempena genap 100 hari sebagai Menteri Besar Selangor)

Itulah kata-kata bersemangat yang dilafazkan oleh Dato' Seri setelah genap 100 hari dilantik menjadi Menteri Besar Selangor. Pengalaman luasnya sebagai seorang pentadbir dan kemudiannya sebagai seorang pemimpin politik dijadikan panduan berharga dalam memimpin sebuah negeri yang paling terkehadapan dari segi pembangunan infrastruktur dan ekonomi di Malaysia.

Sebenarnya, tanggungjawab Dato' Seri dalam memimpin Selangor adalah begitu berat sekali, khususnya dalam merealisasikan wawasan 2005. Tambahan pula apabila tidak lama selepas beliau menerima jawatan Menteri Besar Selangor, keadaan ekonomi dunia serantau merudum sehingga Selangor turut menerima bahangnya.

**GARAPAN**

Namun cabaran yang dihadapi bukanlah sesuatu yang menggugat kepimpinan Dato' Seri. Sebaliknya, di ketika inilah segala pengalaman yang dikutip beliau ketika menjadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah hingga ke peringkat Menteri menjadikan beliau seorang tokoh pemimpin yang cukup matang dan tenang menghadapi cabaran memimpin negeri.

Kebijaksanaan Dato' Seri kemudiannya lebih terserlah apabila beliau menggariskan sepuluh bidang keutamaan yang perlu dicapai oleh Selangor yang lebih dikenali sebagai Tonggak 10. Perutusan beliau dalam buku Tonggak 10 Pemacu Selangor 2005 menyebut agenda ini sebagai berikut:

*"Jika diteliti dengan lebih halus, ia semakin memantapkan lagi proses pengembangan segala sumber tenaga, kewangan, fizikal, intelektual dan moral yang berada di negeri Selangor supaya tidak wujud percanggahan matlamat dan pendekatan. Tegasnya Tonggak 10 akan menjadi pemacu kepada pencapaian Wawasan Selangor Maju pada 2005."*

Selain itu, dalam usaha beliau mengukuhkan kembali kedudukan ekonomi negeri Selangor, Dato' Seri turut menggagaskan dasar-dasar pembangunan khusus yang baru misalnya dengan langkah menuju Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), melancarkan Budaya Murni dan Bersih (Budaya MB), merumuskan Dasar Pembangunan Teknologi Maklumat dan merancang pembangunan pelancongan Selangor. Justeru, dasar-dasar ini sebenarnya merupakan gambaran gaya pemikiran dan kematangan kepimpinan Dato' Seri dalam usaha merancakkan arus pembangunan Selangor agar terus maju ke hadapan.



## Tonggak 10

"YAB Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan merupakan seorang pemimpin yang mempunyai visi dan berpandangan jauh." Ini merupakan antara satu kenyataan tentang perwatakan Dato' Seri yang seringkali ditegaskan oleh rakan-rakan seperjuangan beliau sama ada yang berada dalam politik mahupun dalam kerajaan. Justeru, beliau sentiasa mencari pendekatan baru dalam setiap bidang yang beliau ceburi serta akan sentiasa menunjukkan sikapnya yang begitu bersungguh-sungguh dalam melakukan tugas. Malah, ketika beliau diminta untuk mengambil alih kepimpinan Selangor, beliau telah pun bersedia dengan agenda pembangunan negeri yang bertaraf *prime state* itu. Maka, lahirlah gagasan Tonggak 10, satu wawasan mantap pentadbiran Dato' Seri yang bertindak sebagai pemangkin pembangunan dan kemajuan negeri ini. Pandangan jauh beliau terseriah dalam kata-katanya:

*"Sepuluh tonggak utama yang saya gariskan sebaik-baik memegang jawatan Menteri Besar bertujuan memastikan Selangor mencapai pembangunan seimbang dalam menuju Wawasan 2005. Pada saya, tidak bermakna Selangor menjadi maju pada 2005, tetapi masih ada daerah tertentu yang ketinggalan. Tidak ada rakyat atau daerah yang terpinggir daripada mencapai kemajuan pada 2005."*

Pembahagian kemakmuran negara hendaklah sama rata kepada semua. Oleh itu, saya sudah menyenaraikan 10 sasaran yang dikenali sebagai Tonggak 10 yang akan menjadi cabaran kerjaan yang saya pimpin untuk melaksanakannya. Saya suka mengucapkan *syabas* dan *terima kasih* kepada jentera pentadbiran awam dan politik di atas tindakan cepat mereka mengadakan seminar, konvensyen untuk membincangkan dengan terperinci pelan tindakan sebagai gerak kerja melaksanakan 10 sasaran atau cabaran yang digariskan.

*Selain daripada menyemarakkan pembangunan dalam Lembah Klang serta di luarnya, pelan tindakan sudah disusun untuk melahirkan golongan menengah Melayu, mewujudkan masyarakat madani, menyemarakkan aktiviti-aktiviti IKS dan aktiviti pertanian secara komersil dengan teknologi atau pengurusan canggih.*

(Dipetik daripada akhbar Berita Harian, 18 September 1999)

Penggubalan strategi 10 bidang keutamaan atau Tonggak 10 merupakan antara perkara terawal yang dilakukan oleh Dato' Seri setelah mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor pada 6 Jun 1997. Walaupun ia sebenarnya adalah implementasi berdasarkan Wawasan 2020 dan Wawasan Selangor Maju 2005, namun terdapat banyak nilai tambah yang memperkemasan garapan idea ini. Ia merupakan idea dan falsafah baru pembangunan negeri yang digubal bertujuan untuk mencapai keseimbangan dan kesepadan pembangunan meliputi pertumbuhan ekonomi dan pengagihannya, pembangunan alam sekitar serta pembangunan fizikal dan rohani.



*Sebagai pemimpin yang prihatin terhadap pembangunan masyarakat, Dato' Seri sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan semua golongan masyarakat.*



Justeru, secara ringkasnya Tonggak 10 merupakan rangkuman idea-idea berikut:

- Memberi sokongan penuh untuk pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), Cyberjaya, Putrajaya dan lain-lain projek mega Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan di Selangor.
- Menekankan pembangunan yang seimbang antara daerah di sekitar Lembah Klang dan di luar Lembah Klang.
- Meningkatkan kefahaman dan penghayatan agama Islam.
- Meningkatkan latihan tenaga kerja mahir dan penggunaan teknologi tinggi serta moden.
- Menyusun semula institusi kerajaan tempatan supaya dapat memperlengkapkan penjagaan alam sekitar.
- Mempertingkatkan usaha dan tindakan bagi membanteras gejala sosial.
- Menambahkan bilangan Kelas Menengah Melayu (KMM).
- Meningkatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana untuk golongan berpendapatan rendah.
- Meningkatkan pembinaan dan menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil dan sederhana.
- Memodenkan sektor pertanian dan perladangan untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya dapat mengurangkan inflasi.

Begitulah harapan dan impian Dato' Seri, seorang pemimpin yang berwibawa, yang sentiasa mementingkan agenda pembangunan negeri dan bangsa. Benarlah sebagaimana yang ditegaskan oleh rakan-rakan seperjuangannya bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan mempunyai agenda yang tersendiri dalam usaha memajukan Selangor.

Hakikat ini juga diakui oleh Perdana Menteri sendiri yang menyatakan bahawa, *...sejak meneraju Kerajaan Negeri, banyak pembaharuan dan pendekatan baru*

*yang telah dibawa oleh Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan dengan baik, cekap dan berkesan.”* (Petikan kata-kata aluan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam buku ‘Koleksi Ucapan Menteri Besar Selangor’ 1997-1998 – Jilid 1).

### **Selangor dan Teknologi Maklumat (IT)**

Dari sudut pentadbiran dan pengurusan, Dato' Seri dikatakan mengamalkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang mirip Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Malahan beliau sendiri mengakui banyak mempelajari cara-cara mentadbir negara dan negeri daripada Perdana Menteri. Justeru sebagaimana Perdana Menteri, begitu jugalah Dato' Seri yang sering menitikberatkan aplikasi teknologi maklumat (IT) dalam aspek kehidupan masyarakat di Selangor. Dalam konteks ini, beliau tidak mahu Selangor sekadar merupakan penumpang, pemerhati atau pihak ketiga dalam kepesatan pembangunan teknologi yang berlaku di sekitar Lembah Klang amnya dan di MSC khususnya.

Sehubungan dengan itu, seperti mana yang digariskan dalam Tonggak 10, Dato' Seri telah memperlihatkan keutamaan, komitmen dan sokongan padu Kerajaan Negeri Selangor terhadap perlaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta beberapa projek Kerajaan Persekutuan yang lain. Malah, Selangor sendiri menjadi tuan rumah kepada projek MSC tersebut.

Keadanannya sebenarnya mendesak Selangor agar bersedia dengan aplikasi IT dalam setiap sektor sama ada pentadbiran awam, pengangkutan, perindustrian dan perkhidmatan. Justeru, langkah-langkah segera telah diambil sebagai tindakan susulan iaitu dengan menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Selangor, Pasukan Petugas Multimedia Negeri Selangor, Pasukan Petugas Y2K dan melancarkan Kempen Kesedaran IT Peringkat Negeri Selangor. Ini adalah komitmen yang ditunjukkan oleh Dato' Seri dalam menjadikan Selangor sebuah negeri yang maju dalam bidang teknologi maklumat.



Sejajar dengan perkembangan semasa itu juga, Dato' Seri mengambil pula langkah-langkah proaktif agar setiap lapisan masyarakat di Selangor menyedari tentang kepentingan IT dan terlibat secara aktif dalam bidang tersebut. Beliau sedar, penglibatan yang berkesan memerlukan setiap ahli masyarakat meningkatkan serta memantapkan kefahaman dan seterusnya menguasai kemahiran IT.



Dato' Seri teliti mendengar penerangan salah seorang petugas di majlis pelancaran Infosc Malaysia 1999.

Kini, Selangor di bawah kepimpinan Dato' Seri sedang melipatgandakan usaha untuk mencapai matlamat penubuhan Kerajaan Berelektronik (*Electronic Government*), iaitu salah satu daripada Tujuh Aplikasi Perdana MSC (*Seven Flagships*). Malah, Selangor merupakan kerajaan negeri pertama di dunia yang menggunakan sidang video (*video conferencing*) untuk melaksanakan pentadbiran kerajaan. Dalam hal ini, Dato' Seri sendiri telah menunjukkan contoh teladan yang terbaik dalam aspek penggunaan IT dalam urusan sehari-hari, di mana beliau telah menggunakan sidang video untuk berurusan dengan para pegawai beliau di pejabat-pejabat daerah.

*Satu contoh projek mega. Dato' Seri sedang melawat KLIA diiringi oleh pimpinan KLIA.*



#### Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)

Bak kata rang tua, alah bisa tegal biasa, begitulah juga dengan rencah hidup Dato' Seri. Kepimpinan dan kewibawaan Dato' Seri telah teruji sejak beliau mengambil alih pemerintahan Selangor daripada Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Muhammad Taib kerana di saat itu, negara sedang dilanda kegawatan ekonomi. Namun begitu, berkat kegigihan dan kebijaksanaan beliau, segala rintangan masih dapat diatasi dan keadaan ekonomi negeri semakin pulih.

Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil tindakan segera dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk merangka program-program pemulihan ekonomi. Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga telah diminta melakukan tindakan yang sama dengan menubuhkan majlis tindakan ekonomi peringkat negeri dan daerah. Justeru,



Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Dato' Seri tanpa berlengah-lengah lagi telah menubuhkan Majis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk menangani masalah kegawatan ekonomi negeri sekaligus menyokong usaha-usaha pemulihian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk memastikan kejayaan usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara, ia mestilah dibantu dan disokong penuh oleh semua pihak sama ada di peringkat negeri maupun daerah. Sepintas lalu tentang sejarah penubuhan MTES, ia adalah lanjutan daripada penubuhan MTEN. Secara ringkasnya, pada 7 Januari 1998, jemaah menteri telah membuat keputusan menubuhkan MTEN sebagai badan perunding [consultative body] untuk membantu kerajaan mengatasi masalah ekonomi yang sedang melanda negara. Sejajar dengan keputusan itu, semua kerajaan negeri turut diminta untuk menubuhkan majlis tindakan ekonomi di peringkat negeri masing-masing.

Susulan daripada itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan MTES pada 14 Januari 1998, dan mesyuarat pertamanya yang dipengerusikan oleh Dato' Seri sendiri telah diadakan pada 26 Januari 1998.

Ketika ia ditubuhkan, majlis ini diharapkan menggubal dasar-dasar dan melaksanakan tindakan secara teratur untuk tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Objektif-objektif yang diharap dapat dicapai oleh MTES adalah seperti berikut:

- Mengembalikan keyakinan orang ramai dan pelabur terutamanya pelabur asing tentang kestabilan ekonomi Selangor.
- Berusaha untuk mengelakkan Selangor daripada terjebak dalam kemelesetan ekonomi yang berpunca daripada penurunan nilai ringgit dan kejatuhan harga saham.
- Memulihkan perkembangan ekonomi negeri dan mencari peluang ekonomi yang kompetitif.

- Menyediakan asas ekonomi yang kukuh demi mencapai hasrat menjadi negeri yang termaju dalam pertumbuhan ekonomi di masa hadapan.

MTES juga ditubuhkan untuk sama-sama membantu Kerajaan Negeri Selangor bagi mengelakkan terjebaknya Selangor ke arah kemelesetan ekonomi. Sehubungan dengan itu, semua jabatan dan agensi kerajaan di pelbagai peringkat di Selangor diminta memberi komitmen dan sokongan yang padu bagi melaksanakan semua keputusan MTES dan memastikan keputusan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pelaksanaan program-program dalam Rangka Tindakan MTES merupakan sebahagian daripada strategi penting Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Dato' Seri dalam menyediakan diri ke alaf baru. Kesemua jawatankuasa kerja dalam MTES yang merangkumi pelbagai bidang dan sektor, memainkan peranan yang penting dalam mencapai Wawasan Selangor Maju 2005.

Di samping itu, MTES juga memainkan peranan penting dalam usaha merangka strategi bagi memulihkan perkembangan ekonomi negeri, sama ada untuk tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang. Sehubungan itu, dalam merealisasikan beberapa objektif yang telah digariskan, MTES telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kerja bagi membantunya, yang meliputi pelbagai bidang iaitu pelaburan, pertanian, harta tanah, industri kecil dan sederhana (IKS), ekonomi dan kewangan, publisiti dan kempen, sosial serta pelancongan. Selaras dengan tujuan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa kerja ini, setiap jawatankuasa telah diarahkan untuk menyediakan satu rangka tindakan (*blueprint*) berkaitan tugas-tugas MTES dan cadangan pelaksanaan program pemulihan ekonomi di Selangor.



### Budaya Murni dan Bersih (Budaya MB)

Sebagai seorang pemimpin dan pentadbir negeri, Dato' Seri menyedari bahawa kriteria akhlak dan keperibadian yang unggul amat penting wujud dalam diri setiap pimpinan. Lantaran itu beliau sentiasa berusaha memastikan pandangan dan pemikirannya jelas terhadap matlamat dan sasaran. Sikap sebeginilah yang telah meletakkan beliau sebagai pemimpin yang disegani oleh kawan dan lawan. Hakikat ini diakui sendiri oleh Mursyidul 'Am PAS, Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang pernah menyatakan, "Abu Hassan menepati kriteria calon bersih." (Petikan akhbar Utusan Malaysia, 5 Mei 1997)

Dalam kehidupan peribadinya, beliau sentiasa memikirkan bagaimana nilai-nilai murni dapat diterapkan di kalangan masyarakat terutama bagi mereka yang digelar pemimpin. Beliau amat menginsafi bahawa, mereka bukan sahaja merupakan *role model* kepada seluruh rakyat tetapi apa yang lebih penting, mereka memukul amanah yang amat berat. Atas kesedaran ini, Dato' Seri telah mengumumkan pelancaran Budaya Murni dan Bersih atau lebih dikenali sebagai Budaya MB di kalangan pentadbir dan ahli politik Negeri Selangor. Cetusan Budaya MB sebenarnya adalah lanjutan daripada pengamalan Budaya Murni yang telah dibudayakan sekitar lama oleh UMNO Bahagian Kuala Selangor.

Sebelum ini, dalam ucapan utama beliau selaku Menteri Besar merangkap Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, di majlis perasmian Wacana Budaya – Reformasi Budaya Menuju Alaf Baru, anjuran bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Selangor pada 6 Jun 1998, Dato' Seri telah menyatakan keazaman beliau untuk melaksanakan pentadbiran yang cekap, telus dan bersih.

Rentetan komitmen dan keazaman itu, beliau telah mengumumkan bahawa UMNO Bahagian Kuala Selangor telah meringkaskan slogan Budaya Murni yang telah

sekian lama menjadi budaya politik mereka kepada Budaya MB. Pengisytiharan ini mendapat sokongan yang mantap daripada semua pihak dalam UMNO Selangor. Ia turut dimantapkan lagi dengan pengamalan Budaya Aman Murni oleh UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara sejak sekian lama.

Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor yang diketuai oleh Dato' Seri juga telah menerima sepenuhnya resolusi yang telah diputuskan dalam wacana tersebut. Antara lain resolusi tersebut mencadangkan supaya program promosi amalan Budaya MB diadakan secara bersungguh-sungguh di semua Bahagian UMNO Selangor. Selain itu, resolusi juga menggesa Badan Perhubungan UMNO Selangor membentuk satu Jawatankuasa Bertindak Budaya MB untuk merangka pelan bertindak yang antara lainnya, termasuklah:

- Mengadakan program promosi Budaya MB secara *road show* ke seluruh bahagian dalam Selangor yang mungkin boleh diadakan mengikut kawasan iaitu gabungan beberapa bahagian.
- Menyediakan isi kandungan nilai-nilai murni dan bersih secara terperinci dan khusus untuk memberi keberkesanan yang maksimum dari segi ketahaman dan amalan. Dalam konteks ini, UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara diharap dapat memberi sumbangan melalui siri-siri penerbitan yang relevan ke arah usaha yang serupa.
- Mengadakan pelbagai program lain yang berkesan yang berbentuk pelengkap (*complementary*) bagi menggalakkan penghayatan amalan budaya tersebut. Sebaik-baiknya kesemua yang tersebut di atas didokumentasikan dalam bentuk buku panduan kecil.

Hasil daripada resolusi tersebut, sebuah jawatankuasa bertindak yang diketuai oleh Senator Dato' Ghazi Ramli telah dibentuk. Atas komitmen dan sokongan pelbagai



pihak, cetusan idea Dato' Seri itu telah diterbitkan dalam bentuk buku yang dikenali sebagai 'Budaya Murni dan Bersih (Budaya MB): Panduan dan Harapan'.

Sesungguhnya seluruh rakyat khususnya ahli UMNO dapat menilai kesungguhan Dato' Seri dalam memberikan nafas baru kepada perjuangan UMNO dan betapa tingginya *istiqamah* beliau terhadap elemen Islam. Beliau secara bersungguh-sungguh ingin membersihkan UMNO daripada sejarah hitam seperti politik wang, rasuah, salah guna kuasa, surat layang dan perpecahan.

Beliau menaruh harapan yang amat tinggi agar sifat murni dan bersih yang dibawa oleh Budaya MB menjadi amalan semua lapisan anggota parti di semua Bahagian dan Cawangan UMNO di Selangor dan mungkin juga di seluruh negara. Ini juga mencerminkan hasrat dan tekad semua pihak dalam UMNO di bawah kepimpinan Dato' Seri untuk merealisasikan ajaran Islam di segenap ruang kehidupan supaya matlamat *khaira ummah* dapat dihasilkan melalui pendekatan *al-qiyadah as-siyasah* (kepimpinan politik).

Dato' Seri juga merupakan satu-satunya pelopor, pencetus idea dan penggerak utama Budaya MB. Malahan keperibadian, akhlak dan tingkah laku beliau sendiri adalah merupakan penceritaan budaya tersebut. Semua pihak dalam UMNO diseru supaya menjadikan beliau sebagai contoh teladan. Sebagai pencetus idea kepada budaya ini, beliau mempunyai huraian yang tersendiri terhadap budaya MB dan kaitannya dengan kehidupan politik masa kini.

Bagi beliau, sebagai pemimpin UMNO dan juga pemimpin masyarakat, golongan ini (barisan kepimpinan UMNO) sebenarnya memikul tanggungjawab yang amat berat iaitu memegang amanah dan harapan rakyat. Bukan sekadar itu sahaja bahkan nasib anak bangsa pada masa hadapan terletak di tangan mereka. Beliau berpendapat, para pemimpin UMNO pada hari ini seharusnya menilai semula tekad dan kualiti diri masing-masing. Para pendukung UMNO perlu bermuhasabah sepanjang

masa semoga menjadi lebih mantap, kuat dan lebih berwibawa untuk menunaikan amanah sebagai seorang pemimpin. Maka Budaya MB berperanan sebagai garis panduan kepada seluruh warga UMNO baik di peringkat pimpinan mahupun ahli, dalam usaha mencapai *mardhatillah* (keredaan Allah SWT) dalam kehidupan berpolitik.

Menurut Dato' Seri juga, apa yang diketengahkan oleh Budaya MB bukanlah sesuatu yang baru atau terlalu asing. Ia hanya bertindak menggilap kekuatan yang sememangnya sudah tertanam dalam diri setiap insan secara fisiat. Hanya kini, nilai-nilai kekuatan itu dikenal pasti dan diperngatkan semula kepentingannya, dan seterusnya dihayati dengan cara yang lebih berkesan dan berkekalan. Beliau juga menjelaskan, dalam usaha mengharungi kancan politik, para pemimpin sewajarnya memiliki kekuatan bukan sahaja dari aspek fizikal dan kuantiti tetapi juga sahsiah, rohani, emosi dan mental. Jika tidak, kemampuan dan prestasi kepimpinan mereka akan tempang dan songsang. Oleh itu, Budaya MB berperanan untuk meneruskan perjuangan UMNO sekian lama iaitu mengenai konsep kepimpinan melalui teladan, dasar penerapan nilai-nilai Islam dan sahsiah Islamiah.

Budaya MB diharapkan dapat bertindak sebagai panduan akhlak dan etika kepimpinan masa kini terutama apabila berhadapan dengan situasi-situasi yang genting. Ia juga diharapkan dapat menjadi alat untuk merapatkan jurang perbezaan dan perbalahan antara anggota parti terhadap sesuatu isu. Inilah harapan daripada seorang pemimpin yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran mahupun percaturan politik. Bagi Dato' Seri, UMNO Selangor di bawah kepimpinan beliau sedang memulakan pendekatan baru yang lebih tersusun, bijaksana dan Islamik, khususnya dalam menuju alaf baru.

Justeru, sebanyak 17 buah Bahagian UMNO iaitu Ampang Jaya, Kuala Langat, Hulu Selangor, Petaling Jaya, Sabak Bernam, Kuala Selangor, Petaling Jaya Utara, Kapar, Tanjung Karang, Gombak, Klang, Subang, Serdang, Hulu Langat, Sepang, Shah Alam.



dan Selayang telah menyumbang idea untuk memilih lapan ciri terpenting bersama cadangan program pelaksanaan masing-masing. Lanjutan pemilihan ciri-ciri terpenting itu, maka disepakati lapan ciri iaitu amanah, berdisiplin, berilmu, adil, ikhlas, setia, syukur dan bersih menjadi teras dan dinobatkan sebagai nilai-nilai utama Budaya MB.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kesemua ciri tersebut adalah nilai-nilai murni yang dianjurkan oleh ajaran Islam. Nilai-nilai ini juga merupakan pegangan dan amalan Rasulullah saw bersama para sahabat, tabi' dan tabi' tabi'en serta kekal sepanjang zaman. Jelasnya, nilai-nilai atau ciri-ciri dalam Budaya MB yang merupakan sorotan idea Dato' Seri merupakan nilai-nilai murni yang sinonim dengan ajaran Islam. Ini membuktikan komitmen beliau untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam budaya politik masa kini.

#### Pembangunan Pelancongan Negeri Selangor

Dalam konteks pembangunan pelancongan pula, Selangor sebenarnya mempunyai banyak khazanah sejarah yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Di Selangor terdapat lebih daripada 51 destinasi pelancongan yang boleh diketengahkan dalam pelbagai kategori.

Inilah kekuatan negeri yang disedari oleh Dato' Seri. Justeru, beliau memandang serius potensi yang ada untuk membangunkan lagi sektor pelancongan di Selangor sebagai satu bidang industri yang memberi manfaat.

Perutusan Dato' Seri dalam buku 'Selangor Sebagai Destinasi Pelancongan' menyebut:

*"Dalam rangka Kerajaan Negeri Selangor menuju era negeri maju tahun 2005, semua bentuk industri yang ada di negeri ini perlu meningkatkan*

*prestasi masing-masing demi menyumbang ke arah merealisasikan hasrat itu, tidak ketinggalan juga industri pelancongan. Untuk itu, industri pelancongan wajar berada sebaris dengan industri-industri lain terutamanya industri pembuatan yang kelihatan begitu dominan.”*

Dato' Seri berpandangan bahawa industri pelancongan di Selangor boleh berada sebaris di hadapan seiring industri-industri lain yang berpotensi. Beliau telah mengerakkan jentera kerajaan negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membuat penyelidikan, perancangan dan memberi keutamaan kepada industri ini sebagai satu usaha membangunkan Selangor khususnya dan negara amnya.

Berdasarkan pengalamannya sebagai pentadbir, Dato' Seri tidak mahu segala kajian dan perancangan yang dibuat hanya cantik di atas kertas sahaja. Maka beliau telah mengarahkan pentadbiran di peringkat daerah menubuhkan satu jawatankuasa kerja, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dengan dianggotai oleh wakil dari Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Selangor, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia serta jabatan-jabatan kerajaan yang lain bagi melaksanakan saranan-saranan pembangunan yang terbaik di peringkat daerah.

Manakala di peringkat negeri pula Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri dibantu oleh Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Selangor pula akan memantau usaha-usaha pembangunan pelancongan. Hasilnya, pembangunan pelancongan di Selangor nampaknya semakin pesat, lengkap dengan prasarana dan kemudahan yang terbaik serta tempat-tempat pelancongan yang menarik.

Malah, ketika buku ini ditulis Selangor di bawah pimpinan Dato' Seri sedang giat mempromosikan Tahun 2000 sebagai Tahun Melawat Selangor (TMS 2000). Beliau



sendiri telah mengetua beberapa rombongan lawatan kerajaan negeri ke luar negara bagi menggiatkan promosi TMS 2000. Usaha beliau yang gigih ini menjadi bukti kesungguhan beliau membangunkan industri pelancongan sebagai industri yang boleh memberi impak positif kepada pembangunan negeri khususnya dan negara amnya.

## PEMIKIRAN DAN PENGALAMAN DI PERINGKAT PUSAT DAN ANTARABANGSA

### Memperjuangkan Hak Pengguna

Pada 15 Mac 1991, Dato' Seri telah dilantik sebagai Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menggantikan Dato' Amar Dr. Haji Sulaiman Daud yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan. Ketika inilah beliau telah memainkan peranan yang cukup besar terutama dalam membela nasib pengguna dan mewujudkan aktiviti perdagangan yang sihat di kalangan peniaga. Beliau telah berusaha mewujudkan infrastruktur dan program-program yang meningkatkan kesedaran pengguna dan memastikan hak-hak mereka terbela.

Dalam masa dua setengah tahun Dato' Seri menjadi Menteri di kementerian ini, banyak pembaharuan-pembaharuan yang telah dilakukannya dan ini termasuklah mengadakan program kesedaran dan pendidikan pengguna melalui aktiviti sambutan Hari Pengguna Sedunia dan Kuiz Pengguna. Kesinambungan pendekatan yang diambil oleh beliau telah dapat mewujudkan kesedaran kepenggunaan yang menyeluruh di Malaysia lebih cepat daripada yang sepatutnya.

Dalam membina infrastruktur hal ehwal pengguna, Dato' Seri telah menjalankan usaha memperkuatkannya kedudukan Bahagian Hal Ehwal Pengguna serta Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan, mewujudkan Majlis Hal Ehwal Pengguna (MHEP) di peringkat negeri dan daerah, menambah cawangan-cawangan Bahagian

GARAPAN

Penguatkuasa, membuat pembaharuan terhadap Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan (MPPPK) agar peranannya lebih menonjol dan mengadakan saluran untuk menerima aduan. Pada ketika itulah Peti Surat 8000 diperkenalkan bagi menerima sebarang aduan secara terus daripada pengguna.

Menjelang akhir tahun 1992 pula, dengan usaha Dato' Seri semua negeri telah menubuhkan MHEP masing-masing dengan diasmikan oleh Menteri-Menteri Besar, Ketua-ketua Menteri atau beliau sendiri. Selepas penubuhan majlis di peringkat negeri berjaya, maka usaha menubuhkan majlis yang sama di peringkat daerah diteruskan oleh kerajaan negeri masing-masing. Kesannya, isu-isu seperti pencemaran alam sekitar, penyelewengan peniaga-peniaga, kecualian kontraktor-kontraktor dan sebagainya telah dapat diatasi segera melalui majlis-majlis ini yang turut dianggotai oleh Pegawai-pegawai Daerah, tokoh-tokoh korporat tempatan dan mereka yang berpengaruh dalam masyarakat.

Dalam kesungguhan untuk menjaga kepentingan pengguna, Dato' Seri tidak pula mengabaikan kepentingan para peniaga. Beliau sentiasa berusaha mewujudkan keselarasan di antara sektor pengguna dan peniaga. Majlis-majlis dialog dan perjumpaan-perjumpaan diadakan untuk mengatasi masalah bersama sambil memupuk keharmonian sosial yang sesuai dengan slogan Perdagangan Sihat Pengguna Berkat. Melalui dialog-dialog, penerangan-penerangan serta pengeluaran garis panduan mengenai etika perdagangan, para peniaga turut mendapat kesedaran dan kefahaman terhadap keperluan para pengguna.

Komitmen Dato' Seri yang berterusan dan pendekatan beliau yang sesuai telah menjadi inspirasi kepada persatuan-persatuan pengguna untuk mempertingkatkan prestasi masing-masing. Kegigihan persatuan-persatuan pengguna mengadakan ceramah-ceramah pendidikan telah membantu meningkatkan kesedaran awam. Dato' Seri turut menghargai persatuan-persatuan pengguna yang aktif dengan turut memberi bantuan kewangan daripada pihak kerajaan sebagai tanda sokongan



terhadap usaha mereka yang selari dengan hasrat kerajaan. Justeru, jelaslah sumbangan peranan Dato' Seri dalam bidang kepenggunaan adalah begitu besar dan berkesan sekali.

### Inflasi Sifar

Sewaktu berada di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, beliau juga telah melahirkan banyak idea-idea baru yang membela hak-hak pengguna dan memastikan penilaia menjalankan operasi pemilaikan mengikut peraturan.

Kempen Inflasi Sifar turut giat dijalankan semenjak dari mula beliau memimpin kementerian tersebut. Kempen ini benar-benar berkesan dan berjaya menyedarkan kebanyakan pengguna dan peniaga hingga ke hari ini tentang kesan inflasi kepada negara. Idea untuk menurunkan kadar inflasi sehingga ke peringkat sifar tersebut sebenarnya datang daripada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Dato' Seri pula menyokong idea yang berasas ini dan menjalankan strategi dengan menjalankan kempen yang sewajarnya sebagai usaha menyedarkan masyarakat keseluruhannya. Usaha beliau terbukti berjaya dengan adanya kesedaran masyarakat Malaysia yang semakin bijak berbelanja dan berjimat.

Kepada sesetengah pihak, idea untuk mencapai inflasi sifar mungkin dianggap terlampau ideal. Namun usaha tersebut sekurang-kurangnya menetapkan matlamat yang tinggi untuk dicapai. Sebaliknya bagi Dato' Seri, penetapan matlamat yang jelas dan tinggi akan membawa kepada usaha-usaha yang lebih bersungguh-sungguh dan berhati-hati. Justeru, dalam menangani isu inflasi ini, Dato' Seri dan jentera kementeriannya telah melakukan pengawalan bekalan dan harga barang khususnya minyak petrol, gula, simen, tepung gandum, susu, beras, minyak diesel, gas petroleum, minyak tanah dan besi waja. Beliau menyedari bahawa perubahan

harga bagi barang-barang ini sangat sensitif pada harga barang lain dan juga terhadap kadar inflasi.

Dalam kes jualan murah, Dato' Seri juga meminta kementerian mengambil langkah mengawalnya. Mulai Jun 1993, di bawah peraturan-peraturan yang dipinda, peniaga-peniaga dikehendaki memohon kebenaran terlebih dahulu sebelum mengadakan jualan murah. Peniaga-peniaga juga dihad mengadakan promosi itu kepada tidak lebih daripada empat kali setahun bagi setiap premis dan setiap kali jualan murah dilakukan, ia hendaklah meliputi kira-kira 70% barang. Kesan daripada usaha ini cukup baik dan dapat menghalang pekedai-pekedai daripada menggunakan helah jualan murah untuk menarik pengguna berbelanja.

Antara usaha-usaha lain Dato' Seri pula ialah menggiatkan usaha penguatkuasaan pemeriksaan harga barang di kedai-kedai, menguatkuasakan Akta Jualan Langsung 1993 mulai 1 Jun 1993, penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Peruncit-peruncit) 1993, sijil-sijil pengiktirafan kepada kedai-kedai yang menjual harga yang berpatutan dan sebagainya.

Sesungguhnya, usaha-usaha beliau telah banyak memberi manfaat kepada pengguna hingga ke hari ini dan berjaya meletakkan Malaysia antara negara yang terendah dari segi inflasinya. Itulah cermin diri Dato' Seri yang sebenar, sekali diberi tanggungjawab, akan dilaksanakannya sesempurna mungkin, dengan segala kesungguhan diri.



### Pemikiran Mengenai Dasar Luar Malaysia

Dato' Seri juga pernah menjadi Menteri Luar Negeri bermula pada tahun 1987 hingga 1991. Ketika di kementerian tersebut beliau bertanggungjawab membantu Perdana Menteri melaksanakan segala dasar-dasar luar negara. Sesungguhnya keupayaan kepimpinan beliau benar-benar teruji kerana sebelum menjadi Menteri Luar, beliau hanya terlibat dengan urusan pentadbiran bermula di peringkat daerah, negeri dan seterusnya nasional. Pengalaman yang beliau dapat dalam menguruskan hubungan antarabangsa Malaysia ketika di kementerian ini amat berharga dalam memantapkan kredibiliti beliau sebagai pemimpin yang bermula dari bawah mendaki ke puncak.

Ketika beliau memimpin Kementerian Luar Negeri, Malaysia menerima banyak penghormatan di peringkat antarabangsa. Selain daripada kepimpinan cemerlang Perdana Menteri, usaha dan sokongan padu oleh Dato' Seri tidak boleh dinafikan. Hasilnya, Perdana Menteri telah diberi kepercayaan untuk dilantik sebagai Pengurus Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah (ICDAIT) dan menerima gelaran 'Wira Dunia Ketiga' daripada Venezuela. Malaysia juga telah diberi kepercayaan menjadi tuan rumah kepada Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) atau Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, Persidangan Kumpulan G-15, Persidangan Negara Selatan-selatan dan sebagainya.

Sesungguhnya Dato' Seri juga berjaya memimpin Wisma Putra sehingga mampu meletakkan negara di peta dunia setanding dengan negara-negara terkemuka. Beliau sentiasa tenang dan tidak suka mengheboh-hebohkan tugas-tugasnya dan berjaya membantu pimpinan menangani isu-isu antarabangsa.

Antara usaha penting Dato' Seri ketika di Kementerian Luar Negeri ialah mendapatkan Kerusi Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Malaysia pada ketika itu terpaksa bersaing untuk mendapatkan kerusi tersebut yang

dikosongkan oleh Jepun untuk penggal 1989-1990. Sebenarnya, kerusi tersebut menjadi idaman banyak negara kerana ia merupakan badan utama dalam struktur PBB yang bertanggungjawab menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa. Sehubungan itu, Dato' Seri sebagai Menteri Luar bersama-sama pegawai-pegawai Wisma Putra telah berada di New York pada musim sesi ke-43 Perhimpunan Agung PBB tahun 1988 hanya untuk memastikan Malaysia berjaya menduduki kerusi tersebut.

Selain persepsi positif masyarakat antarabangsa terhadap pencapaian dan prestasi negara dalam hal ehwal antarabangsa yang sedia tertanam, Dato' Seri terus juga berusaha mendapatkan sokongan seluruh negara-negara kumpulan Asia untuk pencalonan Malaysia. Dan akhirnya, sebagaimana janji Allah SWT, siapa berusaha, dia pasti berjaya. Pada Oktober 1988, Malaysia telah berjaya menduduki kerusi tersebut buat pertama kalinya secara persendirian.

*Komitmen Dato' Seri dalam urusan berhubung isu-isu antarabangsa amat tinggi ketika beliau di Kementerian Luar Negeri.*



Semasa Dato' Seri memimpin Kementerian Luar Negeri, Malaysia turut mengambil berat isu Palestin. Negara telah mengiktiraf PLO sebagai wakil sah tunggal rakyat Palestin. Malaysia membenarkan PLO membuka pejabat di Kuala Lumpur iaitu pejabat



pertamanya di rantau ini. Seterusnya, apabila kewujudan negara Palestin diisytiharkan oleh Presiden Yasser Arafat pada 15 November 1988, Malaysia telah menukar taraf pejabat PLO kepada kedutaan. Sememangnya Dato' Seri mengambil berat perkembangan negara tersebut.

Malah, dalam satu peristiwa pembunuhan 21 orang rakyat Palestin di perkarangan Masjid al-Haram al-Sharif di Jerusalem pada 8 Oktober 1990, negara dengan lantang mengusulkan Resolusi 672 yang mengutuk tindakan Israel itu dan meminta Setiausaha Agung PBB menyiasat kejadian sebenar dengan menghantar satu badan pemerhati. Pada tahun 1990 pula, Dato' Seri dengan beraninya telah berucap menuntut Iraq berundur daripada Kuwait disertakan dengan pengunduran Israel daripada bumi Arab.

Pada awal Jun 1990, Kuala Lumpur telah menjadi tuan rumah mesyuarat pertama kumpulan Perundingan Kerjasama Selatan-selatan. Ia merupakan lambang keyakinan negara-negara selatan terhadap kemampuan Malaysia menganjurkan mesyuarat yang sangat penting ini. Negara-negara selatan sebenarnya ialah negara-negara yang sedang membangun, telah lama mengalami pelbagai masalah ekonomi yang berpunca daripada keadaan dalam dan luar negeri berkenaan.

Sehubungan dengan perkembangan ini, Dato' Seri telah dilantik untuk menyertai Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) yang bertanggungjawab melaksanakan keputusan-keputusan mesyuarat berkenaan. Tiga cadangan telah diterima untuk dilaksanakan dan dua daripadanya datang daripada Malaysia. Sesungguhnya ketika itu Dato' Seri bersama sokongan Perdana Menteri telah berjaya mendapat kepercayaan memimpin negara-negara selatan.

Semasa di Kementerian Luar Negeri juga Dato' Seri turut terlibat membantu Perdana Menteri mewakili kerajaan di persidangan tahunan Menteri-Menteri Luar Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Beliau membantu Perdana Menteri di

persidangan kemuncak ketua-ketua negara Pertubuhan OIC yang diadakan tiga tahun sekali. Malaysia merupakan pengasas OIC yang ditubuhkan hasil daripada sidang kemuncak pertama ketua-ketua negara Islam yang diadakan di Rabat, Maghribi pada September 1969.

Selain itu, Dato' Seri juga berdiri teguh di belakang Perdana Menteri menyokong perjuangan rakyat kulit hitam Afrika Selatan menentang ketidakadilan dalam sistem apartheid. Beliau telah menyusun lawatan Perdana Menteri ke negara tersebut serta memastikan Nelson Mandela, Timbalan Presiden Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dapat melawat Malaysia. Pelbagai forum dilataran oleh Wisma Putra bagi menarik perhatian dunia terhadap dasar perbezaan warna kulit. Semasa lawatannya ke Malaysia, Mandela sendiri telah menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri, Dato' Seri sebagai Menteri Luar dan rakyat negara ini keseluruhannya kerana menyokong usaha perjuangan menentang dasar-dasar apartheid.

Dato' Seri ketika bersama Wisma Putra turut aktif menentang penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa. Melalui usaha beliau, negara telah mengambil bahagian yang aktif dalam perbahasan, persidangan, seminar, forum dan bengkel di peringkat antarabangsa termasuk menyumbangkan kertas-kertas kerja. Antara penglibatan penting Malaysia ialah menerima *Declaration Of International Conference on Drug Abuse and Illicit Trafficking* yang berlangsung di Vienna, Austria Jun 1987 dan *UN Convention Against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances* di Vienna pada Disember 1988. Berikutnya usaha aktif Dato' Seri dan Wisma Putra ini jugalah maka Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad diberi kepercayaan menjadi Presiden ICDAIT pada Jun 1987.

Seterusnya, Malaysia telah menjadi tuan rumah sidang kemuncak pertama Kumpulan 15 (G-15) pada Jun 1990. G-15 adalah Kumpulan 15 iaitu kumpulan ketua-ketua negara atau kerajaan mengenai perundungan dan kerjasama Selatan-selatan.



Penubuhan kumpulan ini telah diumumkan semasa sidang kemuncak Negeri-negeri Berkecuali (NAM) ke-9 di Belgrade berikutan perbincangan pemimpin negara-negara selatan termasuk Perdana Menteri Malaysia. Dato' Seri bersama Wisma Putra sekali lagi telah bekerja keras memastikan persidangan tersebut berjaya. Beliau sendiri telah menjadi perutusan khas Perdana Menteri menjemput Perdana Menteri India dan Presiden Nigeria.

Semasa di Wisma Putra, Dato' Seri turut mempertahankan pendirian Malaysia mengacam keras sebarang pencerobohan oleh sesebuah negara ke atas negara lain seperti yang dilakukan oleh Vietnam terhadap Kampuchea. Vietnam telah melanggar prinsip-prinsip saling menghormati kemerdekaan, keadaulatan dan keutuhan wilayah negara jiran. Beliau bersama Wisma Putra telah merumuskan dan mengesyorkan tentang dasar kerajaan dan tindakan yang perlu diambil oleh Malaysia berhubung dengan isu ini. Negara telah memainkan peranan penting bersama ASEAN dalam mencari penyelesaian. Selepas persidangan itu Malaysia telah dipilih menjadi pengerusi bersama jawatankuasa kedua yang telah ditubuhkan oleh persidangan tersebut.

Sememangnya Dato' Seri telah berjaya menaikkan nama dan memantapkan lagi kepimpinan Malaysia di peringkat antarabangsa dengan menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh melalui Kementerian Luar Negeri. Peristiwa-peristiwa yang berlaku di seluruh dunia banyak menguji kepimpinan beliau menangani dasar luar Malaysia. Sesungguhnya pemikiran dan kepimpinan Dato' Seri menangani isu-isu antarabangsa membantu Perdana Menteri benar-benar teruji semasa beliau memimpin Kementerian Luar Negeri. Namun semangatnya tidak pernah luntur malah dihormati di kalangan pemimpin negara mahupun antarabangsa.

## PETIKAN WAWANCARA

Petikan wawancara khas sempena 100 hari Dato' Seri bertugas sebagai Menteri Besar Selangor.

(Teks petikan dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar pada 15 September 1997)



*Sentiasa bersiap sedia. Dato' Seri sebelum wawancara setelah 100 hari menjadi Menteri Besar Selangor.*



1. Apakah perasaan Dato' Seri setelah genap 100 hari menerajui kerajaan negeri dan apakah perubahan/keputusan penting khusus mengenai pentadbiran kerajaan negeri yang telah dibuat dalam tempoh 100 hari tersebut?

Beberapa perubahan dan keputusan mengenai pentadbiran kerajaan negeri telah saya buat. Keputusan saya memperkemaskan dan memantapkan cara pegawai-pegawai bekerja memang telah menampakkan perubahannya. Mula-mula saya menduduki kerusi ini, saya telah membawa banyak perkara bagi dibincangkan dan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Di samping itu saya telah meminta mana-mana pihak yang mempunyai idea-idea, masalah-masalah dan cadangan-cadangan supaya membincangkannya terlebih dahulu dengan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain pegawai agar mereka dapat menghalusi dan menyelaraskan idea-idea tersebut kepada saya.

Saya tidak fikir, cara ini membanyakkan *red tape* tetapi memudahkan kerja semua pihak. Di samping itu, menyelamatkan masa juga. Kalau semua orang berjumpa dengan saya mengemukakan berbagai-bagai perkara dan memo dan berkehendakkan keputusan segera pula, sudah tentu saya tidak terlayan.

2. Adakah Dato' Seri berpuashati dengan prestasi Kerajaan Negeri Selangor? Jika tidak, bidang manakah yang boleh dipertingkatkan?

Setakat ini saya berpuashati dengan prestasi Kerajaan Negeri Selangor. Berkat dasar pragmatik pentadbiran dulu, ekonomi Selangor telah berkembang pesat. Pada tahun lalu KDNK Selangor ialah 10.8% iaitu mengatasi pertumbuhan peringkat nasional. Pada tahun ini dijangka pertumbuhan akan berada pada paras 10.4%. Mungkin kejatuhan nilai wang akan menjelaskan pertumbuhan ini, tetapi ia masih melebihi kadar pertumbuhan 10%, iaitu kadar yang diperlukan oleh Selangor untuk mencapai hasrat menjadi negeri maju pada tahun 2005.

Selangor juga selama empat tahun berturut-turut sejak 1994, telah berjaya membentangkan Belanjawan Berimbang. Pendapatan perkapita diramalkan meningkat kepada RM 10,040 pada tahun ini berbanding dengan RM 9,345 pada tahun lalu. Namun begitu kemakmuran yang dinikmati masih boleh diperbaiki lagi. Ada sektor-sektor yang perlu diberi perhatian. Sektor-sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pengangkutan, pertanian, perhubungan perlu diberi perhatian utama. Di samping itu, sektor pembangunan tenaga mahir dan IT juga akan menjadi keutamaan kerajaan negeri di masa-masa akan datang.

Kerajaan negeri telah membentuk Pasukan Petugas Khas Multimedia untuk melaksanakan pelbagai program, di antaranya Kempen Kesedaran IT kepada semua lapisan rakyat Selangor. Saya suka menyatakan ahli-ahli pentadbiran kerajaan telah dibekalkan dengan komputer dan saya yakin akan wujud suatu suasana mesta komputer. Ia akan membantu melicinkan pelaksanaan pentadbiran kerajaan untuk mencapai taraf *world class* melalui pelaksanaan ISO 9000.

3. Dato' Seri telah mengumumkan 10 sasaran utama untuk menentukan usaha menjadikan Selangor negeri maju menjelang tahun 2005. Sila jelaskan cadangan-cadangan konkret yang akan dilaksanakan demi mencapai saranan saranan tersebut.

Seperti yang saya jelaskan, 10 *priority areas* yang saya gariskan sebaik-baik memegang jawatan Menteri Besar adalah bertujuan untuk memastikan Selangor mencapai pembangunan seimbang dalam menuju wawasan 2005. Pada saya tidak bermakna Selangor menjadi maju pada tahun 2005, tapi masih ada daerah-daerah tertentu yang ketinggalan. Tidak ada rakyat atau daerah yang terpinggir daripada mencapai kemajuan pada 2005. Pembahagian kemakmuran negara hendaklah sama rata kepada semua.



Oleh itu saya telah menyenaraikan 10 sasaran yang dikenali sebagai Tonggak 10 akan menjadi cabaran kerajaan yang saya pimpin untuk melaksanakannya. Saya suka mengucapkan syabas dan terima kasih kepada jentera pentadbiran awam dan politik di atas tindakan-tindakan cepat mereka mengadakan seminar-seminar, konvensyen-konvensyen untuk membincangkan dengan terperinci pelan tindakan sebagai gerak kerja melaksanakan 10 sasaran/cabarans yang digariskan.

Selain daripada menyemarakkan pembangunan Lembah Klang dan luar Lembah Klang, pelan tindakan juga telah disusun untuk melahirkan golongan menengah melayu, masyarakat madani, menyemarakkan aktiviti-aktiviti SMI dan aktiviti-aktiviti bertaraf secara komersil dengan teknologi/pengurusan canggih. Saya mahu menjadikan Selangor sebagai negeri maju, seimbang atau merata pembangunan fizikalnya, kukuh masyarakatnya dengan pengalaman nilai-nilai mulia dan berupaya mengeluarkan keperluan-keperluan makanan yang mencukupi.

4. Dato' Seri juga berkata semua dasar dan aktiviti yang dirancang oleh kerajaan negeri sebelum ini akan dikaji atau disusun semula. Setakat manakah kerja ini akan dijalankan?

Memang saya telah mengarahkan dasar dan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh kerajaan sebelum ini dikaji semula dan diubah suai di mana perlu. Tujuannya ialah untuk memastikan projek-projek berkenaan benar-benar memberi keadilan dan faedah kepada semua pihak. Projek-projek yang berkaitan penempatan setinggan umpamanya, semestinyaalah mengutamakan setinggan, tetapi kalau orang luar yang menghuninya, tentulah ada sesuatu yang tak kena. Projek-projek sebeginilah yang kita kaji semula supaya memberi keadilan kepada semua pihak.

5. Sejak menjadi Menteri Besar, Dato' Seri sering menegaskan kepentingan membentuk sebuah kerajaan negeri yang bersih dan amanah. Adakah ini merupakan satu tugas yang amat susah untuk dilaksanakan dan apakah tindakan yang akan diambil kepada pegawai kerajaan dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang menyelengenggara ataupun melakukan rasuah pada masa hadapan?

Saya suka menegaskan bahawa saya tidak akan melindungi mana-mana pihak yang terlibat dengan rasuah. Kerajaan yang cekap, bersih dan amanah boleh berjaya kalau semua pihak sanggup menjauhi rasuah.

Kita selalu mengaitkan rasuah sebagai fenomena biasa dalam pembangunan yang pesat. Kotonnya sebagai kos yang terpaksa kita bayar. Tetapi kita hendak membentuk masyarakat madani yang beretika, dan mantap nilai budinya bukan masyarakat maju yang mengejar material sahaja. Dengan sebab rasuah bukan nilai yang mulia dan dipandang jijik oleh semua agama, maka saya tidak fikir sukar untuk mengatasinya kalau semua individu sedar bahawa rasuah bukan budaya kita dan harus diperangi habis-habisan.

6. Selaku ketua kerajaan negeri, apakah harapan yang Dato' Seri ingin daripada rakyat ?

Harapan saya semua peringkat pemimpin dan setiap rakyat Selangor menyokong penuh segala program kerajaan pimpinan kerajaan negeri. Sokongan bukan bermakna melalui ketetapan-ketetapan dan resolusi-resolusi seminar, bengkel dan janji-janji politik dan memorandum, tetapi hendaklah dituruti dengan perbuatan, bekerja kuat dan mengambil bahagian dalam semua program kerajaan.



Kepada jentera kerajaan, pengurus-pengurus badan awam/swasta yang melaksanakan segala dasar-dasar kerajaan, saya amat mengharapkan mereka semua bersiap sedia dengan mind set yang baru yang mementingkan *sense of purpose and sense of urgency*. Inilah model pemerintahan dan pengurusan saya. Model suka berpuashati atau kagum dengan pencapaian hingga menjadi puashati dan lalai hendaklah digantikan dengan *model possibility* iaitu kita berusaha dengan penuh tekad, tekun dan berilitzam untuk maju demi menegakkan maruah bangsa, agama dan negara.

7. Bagaimakah pandangan Dato' Seri mengenai perjalanan pentadbiran kerajaan negeri sekarang ?

Pada umumnya saya berpuashati dengan perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor pada masa sekarang. Apabila saya melantik Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 6 Jun 1997, saya bukan sahaja telah menambah bilangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) daripada lapan kepada sepuluh orang tetapi juga telah memperkenalkan beberapa portfolio baru dengan tujuan untuk memantapkan lagi pentadbiran kerajaan. Terdapat 25 portfolio khusus dipegang oleh semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk 5 portfolio di bawah tanggungjawab saya sendiri.

Dalam sistem pentadbiran kerajaan negeri sekarang diwujudkan sistem mesyuarat-mesyuarat susulan untuk mengambil tindakan ke atas sesuatu perkara yang diputuskan oleh kerajaan. Misalnya Mesyuarat Post EXCO diadakan khusus untuk Ketua-ketua Jabatan yang tertentu pada setiap hari Khamis bagi membincang dan mengambil tindakan susulan ke atas keputusan yang dibuat oleh mesyuarat EXCO pada setiap hari Rabu.

Perkhidmatan kerajaan negeri mempunyai motto: "Terbaik Dari Kami." Oleh itu saya berharap seluruh jentera pentadbiran kerajaan negeri baik di peringkat

pegawai atau kakitangan akan terus meningkatkan usaha dan tenaga mereka bekerja bagi membangunkan negeri baik dalam pembangunan fizikal maupun pembangunan mental.

8. Apakah tumpuan-tumpuan utama pentadbiran kerajaan negeri dalam tempoh yang terdekat ini?

Dunia pentadbiran sekarang adalah menuju *Electronic Government* yang memeringankan kemajuan dalam teknologi maklumat. *Alhamdulillah* dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kita sedang menuju ke tahap untuk mencapai taraf *Electronic Government* itu. Pentadbiran Selangor telah pun mempunyai sistem video conferencing yang mana sistem ini memudahkan lagi perjalanan jentera kerajaan dalam bidang komunikasi. Pegawai-pegawai dari daerah misalnya tidak perlu lagi membuang masa dan tenaga untuk datang bermesyuarat ke ibu pejabat Kerajaan Negeri Selangor. Sebaliknya mereka boleh mengadakan mesyuarat, perbincangan dan sebagainya dari tempat masing-masing dengan menggunakan sistem video conferencing ini. Tahap penggunaan video conferencing ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Semenjak saya memegang teraju pentadbiran negeri, saya telah memberikan penekanan kepada konsep pemerataan (*equality*) dalam pembangunan Selangor yakni mewujudkan pembangunan yang seimbang bagi semua kawasan dalam Selangor, oleh kerana beberapa daerah tertentu, khususnya yang berada dalam kawasan Lembah Klang telah mencapai tahap pembangunan yang pesat. Maka tumpuan pembangunan sekiranya haruslah ditujukan pula ke daerah-daerah yang kurang membangun seperti Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Kuala Langat. Saya sangat berharap agar semua peringkat pegawai dan pentadbir memahami matlamat pembangunan ini.




Pengemasan jentera pentadbiran kerajaan negeri di semua peringkat, ibu pejabat dan daerah-daerah serta semua jabatan dan agensi dalam Selangor perlu dilakukan terus menerus dan semua pegawai dan pentadbir tidak harus leka dengan kejayaan yang telah dicapai. Di samping itu juga, pentadbir negeri akan terus memberi sokongan kepada dasar-dasar Kerajaan Persekutuan umpamanya dasar penjimatkan yang berjalan sekarang ini. Semua pihak harus peka kepada masalah yang berlaku pada masa sekarang, khusus yang berkaitan soal kewangan. Oleh itu sikap jimat cermat dalam membelanjakan wang kerajaan perlu diterapkan di kalangan semua peringkat pegawai. Kelemahan-kelemahan yang ada di dalam pengurusan kewangan seperti membuat perbelanjaan di luar peruntukan belanjawan perlu diperbaiki.


# GARAPAN



## BAB 5

*BILA BADAI  
MENERPA*







## BILA BADAI MENERPA



Dari segi ketahanan dalam menghadapi ujian, Dato' Seri boleh diumpamakan seorang pejuang. Pejuang tulen. Dan sebagai seorang pejuang, beliau juga boleh diibaratkan seperti pelaut yang acapkali harus menepis badai yang datang menerpa. Kadang kala badai yang melanda meletihkan dan melelahkan. Namun sebagai anak yang dibesarkan bukan di atas dulang emas, badai yang menerpa harus ditangani dengan semangat yang jitu dan minda yang terbuka. Bak ibarat pantun Melayu,

Sampan kotak mengapa dikayuh  
Hendak belayar ke tanah seberang  
Patuh kepak bertongkatkan paruh  
Pantang menyerah di tengah gelanggang.

Pelbagai peristiwa pahit manis dan suka duka hidup telah dihadapinya dengan tabah. Kecemerlangan dan kejayaan pula dijadikannya teladan yang sangat berharga. Apatah lagi cabaran-cabaran semasa yang diterima dianggapnya sebagai satu proses yang tidak menimbulkan sedikit pun kekecewaan sebaliknya sebagai satu kritikan membina bertujuan memperbaiki diri.

GARAPAN

## CABARAN-CABARAN SEMASA

Sesungguhnya, kepimpinan dan kewibawaan Dato' Seri benar-benar teruji sewaktu beliau dilantik menjadi Menteri Besar Selangor. Kritikan yang beliau terima bagaikan ‘tembakau’ yang datang dari pelbagai sudut. Tidak diketahui apakah puncanya sehingga Dato' Seri yang dikenali berperwatakan lembut dan cukup berhati-hati dalam membuat keputusan harus diasak dengan pelbagai kontroversi. Suasana kegawatan ekonomi dan isu kekurangan bekalan air di Selangor merupakan antara hambatan awal yang perlu diharungi beliau sebagai Ketua Eksekutif nombor satu di Selangor.

Dato' Seri menyedari tugasnya sebagai Menteri Besar Selangor merupakan tugas yang penting. Di bahunya terpikul amanat untuk memastikan bahawa kestabilan politik dapat diwujudkan semula. Langkah pertama beliau ialah dengan mengekalkan *status quo* pimpinan UMNO Selangor. Langkah ini diambil bertujuan mengelakkan perpecahan agar setiap pimpinan di bawahnya dapat bekerja dengan selesa. Beliau juga mempertahankan semua Ketua UMNO Bahagian di Selangor supaya tidak dicabar oleh sesiapa pun juga kerana keinginan mewujudkan kestabilan politik. Pengalaman Dato' Seri di masa lalu menjadikan beliau cukup berhati-hati.

Memang lumrah manusia, seringkali mencari kesilapan dan kesalahan orang lain dan melupakan kesalahan diri sendiri. Begitulah juga nasib yang menimpa Dato' Seri. Baru sahaja beliau memegang jawatan Menteri Besar, isu pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati telah disebut-sebut oleh pelbagai pihak. Hakikatnya, rumah tersebut yang menjangkau usia 24 tahun sudah sewajarnya diperbaiki dan diubah suai bagi memastikan keselamatan penghuninya. Rumah yang sebelumnya pernah didiami oleh Dato' Hormat Rafel, Dato' Ahmad Razali dan Tan Sri Dato' Haji Muhammad Muhd. Taib memerlukan pembayaran perbelanjaan yang tinggi bukan sahaja kerana keluasan kawasannya tetapi lebih kerana keadaan fizikalnya yang uzur. Apabila lantai, dinding, atap dan silingnya dibuka,



gambaran awal yang diterima ialah keseluruhan rumah tersebut sepatutnya diubah suai daripada dahulu lagi.

Sungguhpun ada pihak yang mendakwa bahawa Dato' Seri telah melakukan pembaziran dengan perbelanjaan sebanyak RM 5 juta bagi proses pengubahsuaiannya tersebut, namun beliau tidak berasa gentar atau cemas kerana berkeyakinan bahawa beliau percaya beliau berada di pihak yang benar. Malah, beliau sanggup disiasat oleh Badan Pencegah Rasuh (BPR). Memerlukan kata-katanya dalam Utusan Malaysia, 5 Disember 1997, "...saya sanggup bertanggungjawab penuh di atas perkara ini. Saya dan keluarga saya tidak ghairah untuk berpindah. Saya datang dari keluarga miskin..."

"Ayuh, siasatlah. Tidak ada apa yang hendak kita sembunyikan. Kerajaan negeri tidak takut kerana kita tidak ada apa-apa penyelewengan dan bersedia untuk disiasat. Kami selesa di sana (Ampang Jaya) kerana dalam umur 57 tahun ini untuk berpindah bukanlah keutamaan saya tetapi protokol, tradisi dan kemudahan memaksa sesiapa yang jadi Menteri Besar tinggal di kediaman rasmi."

Dato' Seri tidak berasa gentar kerana ubah suai rumah yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 4.1 juta [penjimatan sebanyak RM 0.9 juta daripada harga asal], banyak membabitkan pengubahsuaiannya ruang untuk tugas rasmi. Berkaitan dengan isu rumah juga, pihak-pihak yang tidak menyenangi kehadiran Dato' Seri mengungkit soal penginapanannya di salah sebuah hotel di Shah Alam. Namun, toh mahan yang diberikan tidak meninggalkan bekas di hatinya. Ini kerana Dato' Seri meyakini tindakannya adalah benar. Hotel yang didudukinya pula bukanlah hotel bertaraf lima bintang dan telah dibenarkan mengikut peraturan kewangan. Memandangkan pelbagai acara rasmi terpaksa disempurnakan ditambah dengan kesesakan lalu lintas di antara Ampang dengan Shah Alam, langkah yang diambil oleh Dato' Seri sebenarnya merupakan langkah yang wajar.

Cabaran kedua adalah berkenaan dengan isu pembalakan di kawasan tadahan air di Sungai Lalang. Ia tidak dilakukan di kawasan tadahan, tetapi telah diperbesarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Manakala isu kegawatan air juga menimbulkan cabaran hebat kepada Dato' Seri sekalipun perancangan berkenaan isu air dibuat berpuluhan tahun yang lepas.

Mengikut perkiraan dalam tahun 1998, Selangor mengalami kekurangan air sebanyak 105 juta liter dan menjadi lebih terju kerana musim kemarau yang berpanjangan. Hujan yang turun juga tidak mampu meningkatkan paras air di empangan. Kawasan Lembah Klang pula merupakan kawasan yang padat dengan taburan penduduk di samping pembangunan industri dan perniagaan yang berkembang dengan begitu pesat. Sehubungan itu, permintaan air bersih di negara ini sememangnya dijangka akan meningkat melebihi pengeluaran.

Mulai tahun 1995 hingga 1998, pengeluaran air bersih daripada semua loji-loji rawatan air seluruh Selangor adalah sebanyak 2,553 juta liter setahun, manakala kuantiti air yang diperlukan oleh pengguna pada tahun 1998 adalah sebanyak 2,658 juta liter. Sungguhpun Selangor menghadapi masalah kekurangan bekalan air bersih, Dato' Seri berjaya mengatasinya dengan menggalakkan penjimatatan penggunaan air bersih. Selain itu, Dato' Seri juga percaya masalah yang dihadapi sekarang bukanlah berpunca daripada sumber air yang tidak mencukupi, tetapi sebenarnya berpunca daripada sikap dan tindakan manusia itu sendiri. Nasihat tersebut nampaknya mampu meredakan kegelisahan penduduk akibat kegawatan air.

Isu-isu sosial yang lain seperti masalah settinggan dan isu pendatang asing juga agak adalah antara masalah yang sering menjadi perhatian media dan orang ramai. Namun berkat kesungguhan dan keikhlasan, Dato' Seri serta para pegawai beliau, segala permasalahan yang timbul telah ditangani sebaik dan sebijak mungkin.



*Yakin dan bersedia. Dato' Seri tidak gentar menghadapi sebarang cabaran dan isu semasa.*

#### RIAK-RIAK KECIL DI AIR

Sebaik sahaja Dato' Ahmad Razali digugurkan daripada pencalonan tahun 1986, persoalan timbul tentang siapakah yang akan menggantikan tempat beliau sebagai Menteri Besar baru? Apabila jawatan Menteri Besar Selangor itu kosong akibat pengguguran Dato' Ahmad Razali sebagai calon dalam pilihan raya, pucuk pimpinan UMNO nampaknya sudah mencapai kata sepakat bahawa orang yang bakal menggantikannya ialah Dato' Seri. Pemilihan beliau dibuat berdasarkan beberapa faktor. Pertama, kerana kedudukannya yang kanan dalam UMNO Negeri. Beliau merupakan Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Selangor. Dari segi hirarki parti di peringkat negeri, beliau merupakan pemimpin nombor dua selepas Dato' Ahmad Razali. Dengan kedudukan tersebut, pemilihan beliau sepatutnya tidak akan menimbulkan sebarang masalah.

Selain itu dari segi pengalaman, Dato' Seri adalah 'orang lama' di kementerian. Beliau pernah menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat dan Menteri Wilayah Persekutuan.

Sebagai timbalan menteri pulak, beliau telah menyandang beberapa jawatan di peringkat pusat.

Zaman beralih, musim bertukar. Semua itu memberi manfaat untuk membantu beliau menjadi Menteri Besar yang berkesan. Pengalamannya sebagai pegawai kanan dalam perkhidmatan awam juga sebagai satu aset yang tidak dippunyai oleh orang lain. Beliau juga pernah menjadi Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekwatu Dato' Harun Idris menjadi Menteri Besar. Kepulangannya ke Shah Alam sebagai Menteri Besar adalah ibarat ikan pulang ke lubuk, sirih pulang ke gagang. Kerana itu, beliau sudah masak dengan selok-belok mentadbir negeri. Tidak timbul soal beliau akan menggunakan kedudukan Menteri Besar untuk kepentingan sendiri atau mana-mana pihak.

Bagaimanapun terdapat ura-ura yang mengatakan bahawa Dato' Seri mula merangka senarai calon pilihan raya untuk diberi tempat sebagai Yang Berhormat di peringkat negeri. Dari satu segi, tindakan beliau adalah munasabah. Oleh kerana beliau akan memimpin negeri, beliau ingin memastikan bahawa terdapat tokoh-tokoh yang boleh bekerja dengannya sebagai satu pasukan sebagai wakil rakyat. Siapa juga yang berdepan dengan situasi begitu, mungkin akan mengambil tindakan sedemikian. Kerana mahu memberi tempat kepada calon pilhannya, ada antara wakil rakyat yang sedia ada perlu digugurkan. Senarai calon pilihan Dato' Seri itu telah dikemukakan kepada pucuk pimpinan parti tetapi entah di mana silapnya, senarai itu telah dibocorkan.

Para penyokong Dato' Ahmad Razali apabila diberitahu tiga hari menjelang penamaan calon bahawa ketua mereka tidak akan bertanding, telah mengambil keputusan berkumpul di rumah Dato' Ahmad Razali pada jam satu pagi.

Keputusan dibuat untuk meminta bersemuka dengan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi menyatakan pendirian mereka iaitu mereka mahu Dato'



Ahmad Razali dikekalkan sebagai Menteri Besar dan tidak bersetuju Dato' Seri dilantik menggantikan beliau kerana bimbang perpecahan dalam parti akan berlaku.

Selain itu, senarai yang diwar-warkan itu dikhuatir akan memberi kesan kepada kedudukan mereka dalam parti. Ini membayangkan dalam mempertahankan kedudukan Dato' Ahmad Razali, sesetengah pemimpin badan perhubungan UMNO itu berjuang untuk menyelamatkan kedudukan mereka sendiri daripada turut digugurkan.

Mereka juga membayangkan sekiranya rancangan pucuk pimpinan diteruskan, mereka tidak akan memberi kerjasama untuk menjamin kemenangan UMNO di Selangor. Kesudahannya, keputusan akhir pucuk pimpinan parti ialah untuk menimbulkan semula kedudukan perkara tersebut. Kenyataan ini bagaimanapun dilihat sebagai tanda yang positif bagi para penyokong Dato' Ahmad Razali. Mereka pulang dengan gambaran bahawa Dato' Ahmad Razali akan terus diberi tempat. Akhirnya, calon yang terpilih ke jawatan Menteri Besar Selangor yang kedua belas berasih kepada Tan Sri Dato' Haji Muhammad Muhammad Taib.

Sebagai ahli parti yang setia, Dato' Seri menerima dan akur dengan keputusan pucuk pimpinan parti dengan hati yang terbuka. Beliau menyedari bahawa keutuhan dan keteguhan parti lebih penting daripada kedudukan peribadi. Malahan beliau merasakan tanpa jawatan Menteri Besar pun, khidmat dan tenaga beliau masih lagi boleh disumbangkan. Apatah lagi riak-riak kecil di air yang menunjukkan adanya unsur-unsur yang boleh merenggangkan perpaduan harus dihindari.

Dato' Seri sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor berusaha mempergiatkan usaha bagi menimbulkan semula ketenangan yang telah mula berkocak itu. Riak-riak kecil di air perlu ditenangkan sebelum ia menjadi gelombang besar yang akan menimbulkan kesulitan kepada bangsa dan agama. Biarlah harimau menyembunyikan kukunya.

## MENGHARUNGI GELOMBANG

Bak kata pepatah Melayu, lautan mana yang tidak bergelora, begitulah juga dengan kehidupan Dato' Seri. Sepanjang beliau meneruskan karier politiknya, pelbagai gelombang terpaksanya diharunginya. Setakat ini, Dato' Seri berjaya melaluiinya dengan tabah. Gelombang pertama yang dilaluinya adalah sewaktu beliau mula berjinak-jinak dengan karier politik. Beliau yang cuba memahami masalah masyarakat setempat mendapat bantahan dengan berpolitik, beliau dapat mendekatkan diri dengan mereka. Di ketika itu, Dato' Seri melihat UMNO sebagai satu platform yang sangat relevan apatah lagi bapanya juga merupakan ahli UMNO yang aktif.

Sokongan masyarakat tempatan yang memerlukan seorang pemimpin yang berkualiti, membuka ruang kepada Dato' Seri untuk dilantik sebagai Naib Ketua UMNO Bahagian pada tahun 1975. Namun kemunculan beliau dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai menggugat kedudukan mereka. Sementelahnya pula, Dato' Seri merupakan anak tempatan yang mempunyai pendidikan akademik yang cemerlang dan bapanya pula mempunyai kedudukan di kawasan beliau.

Sementara itu, disebabkan penglibatan beliau yang aktif dalam arena politik, Dato' Seri mendapat surat tunjuk sebab daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang memberi kata dua kepada Dato' Seri. Beliau diberi pilihan iaitu sama ada meletak jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan meneruskan kegiatan dalam arena politik atau melupakan karier politik dan menumpukan perhatian kepada kerjayanya. Sememangnya menjadi polisi dalam jabatan kerajaan untuk tidak membenarkan Pegawai Tadbir Bahagian 1 terlibat dengan parti politik secara aktif.

Menyedari bahawa beliau masih lagi boleh menyumbang khidmat baktinya meskipun tidak lagi terlibat secara aktif dengan politik, beliau melepaskan jawatan Naib Ketua Bahagian dan menumpukan perhatian kepada kerjayanya.



Gelombang kedua yang terpaksa dihadapi oleh Dato' Seri adalah sewaktu beliau baru memenangi pilihan raya kawasan Parlimen di Kuala Selangor. Mengikut tradisi, wakil rakyat yang mewakili UMNO dan Barisan Nasional akan menjadi Ketua UMNO Bahagian bagi kawasan tersebut. Apa yang berlaku ialah Dato' Seri telah dicabar oleh seorang Penghulu bagi jawatan Ketua UMNO Bahagian dalam tahun 1980. Namun, Dato' Seri tidak menaruh sebarang sikap berdendam atau bermusuhan kerana beliau percaya bahawa pertentangan dalam politik merupakan pertentangan yang sihat asalkan masing-masing dapat mengetahui peranan yang boleh dimainkan.

Selain daripada perjalanan politiknya yang berdepan dengan pelbagai cabaran, perjalanan Dato' Seri dalam perkembangan kerjayanya juga berhadapan dengan dugaan dan tekanan yang memerlukan beliau bertindak dengan bijaksana.



*Dato' Seri akan menerima kritikan membina kerana baginya, itu adalah salah satu rahsia kejayaan.*

# GARAPAN

Semasa Dato' Seri berkhidmat sebagai Menteri Luar, beliau menghadapi pelbagai cabaran di arena antarabangsa pula. Peristiwa-peristiwa yang sedang berlaku di Eropah, Rusia dan Telok Parsi memberikan cabaran yang hebat kepada dasar luar Malaysia. Cabaran utama kepada Malaysia amnya dan Dato' Seri khasnya ialah kesan senario ini ke atas ekonomi negara dan keselamatan serta kestabilan rantau Asia Tenggara. Untuk itu, Malaysia seharusnya mampu merumuskan serta melaksanakan dasar luar yang dapat memajukan kepentingan ekonomi dan politik negara.

Berkat kerjasama dan gaya kepimpinan Dato' Seri, serta sokongan padu daripada mentornya, Dato' Seri berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan sehingga Malaysia dikenali sebagai Wira Dunia Ketiga. Setelah melalui cabaran sebagai Menteri Luar Negeri dalam tahun 1986 sehingga tahun 1991 dapat dihadapi dengan baik, Dato' Seri telah dipindahkan ke portfolio baru sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sebagai menteri yang bertanggungjawab menjaga kepentingan pengguna, Dato' Seri tentunya menjadi perhatian di kalangan masyarakat peniaga. Sewaktu Dato' Seri menjaga kementerian ini, beliau dihadapkan dengan pelbagai permasalahan seperti inflasi, peniaga-peniaga yang tidak mematuhi arahan, kenaikan harga barang sesuka hati dan pelbagai karenan yang memerlukan perhatian serius dari beliau. Pelbagai langkah telah diperkenalkan oleh Dato' Seri seperti mengadakan pengawalan harga barang, kewujudan kedai harga patut dan mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna.

Namun begitu, dalam melindungi kepentingan pengguna, Dato' Seri sama-sekali tidak membelaikan kepentingan peniaga. Ini terbukti dengan ketegasan beliau menangani kegiatan membuat barang tiruan, mencefak rompak dan pencabulan ke atas paten. Dalam menangani permasalahan ini, Dato' Seri menggenepikan cabaran yang datang sebaliknya berusaha untuk mengharungi gelombang.



Barangkali dugaan atau gelombang paling getir yang pernah dilaluinya adalah sewaktu beliau diminta meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen Kuala Selangor dan juga sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1997. Beliau juga harus bertukar tempat dengan Dato' Jamaluddin Adnan bagi membolehkan beliau bertanding dalam pilihan raya kecil Permatang seterusnya menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Selangor ekoran perlatakan jawatan.

Dalam satu wawancara, Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya berkenaan pengganti Tan Sri Dato' Haji Muhammad Muhd. Taib menyatakan bahawa, "*I have to sacrifice my own minister.*" (Majalah Massa, Jun 1997). Menteri yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri tersebut tidak lain tidak bukan ialah Dato' Seri sendiri. Sememangnya bukanlah satu tindakan yang mudah untuk Dato' Seri menerima jawatan tersebut. Sekiranya beliau kalah dalam pilihan raya kecil yang diadakan, masa depan dan kerjaya beliau sebagai ahli politik boleh malap.

Hanya berbekalkan keyakinan bahawa tindakan mentornya merupakan tindakan yang tepat dan mempercayai kebolehan diri sendiri, akhirnya Dato' Seri memenangi pilihan raya kawasan Permatang dengan majoriti 7,780 undi mengalahkan calon parti PAS, Mohd. Masnawi Mardzuki. Ternyata Dato' Seri berjaya melepas setiap pukulan ombak yang mendatang dengan kekentalan jiwanya sebagai seorang pejuang. Pengalaman-pengalaman yang berlaku semakin mematangkan beliau dalam merangka strategi yang mantap dalam meniti kejayaan seterusnya.

## RAHSIA MENITI KEJAYAAN

Kejayaan tidak datang bergolek. Malahan untuk meraih kejayaan, ada harga mahal yang harus dibayar iaitu harga sebuah pengorbanan. Itulah yang menjadi pegangan dan motto hidup Dato' Seri iaitu, **Berkorban, Berbakti dan Berusaha**. Sepanjang karier Dato' Seri selama lebih dua puluh tahun mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat, pelbagai pengorbanan telah dilakukan. Sekalipun terdapat juga sesetengah pengorbanan yang telah dilakukan tidak dihargai, Dato' Seri tidak pernah berasa kecewa. Beliau sedar, apa yang dilakukan bukan semata-mata untuk dirinya tetapi juga untuk masyarakat dan negara.

Rakan-rakan Dato' Seri kebanyakannya menyifatkan beliau seorang yang berjaya kerana semenjak kecil telah terlatih dengan disiplin yang tinggi hasil didikan kedua ibu bapanya. Ini ditambah pula dengan pengaruh pendidikan Inggeris yang diterimanya. Dato' Seri juga dikenali kerana beliau bukanlah seorang pemimpin yang suka menabur janji manis tetapi tidak menepatinya. Beliau selalu bercakap berdasarkan fakta dan bukan seorang pemimpin yang suka bercakap kosong.

Malahan tokoh-tokoh politik Kuala Selangor seperti Dato' Haji Hashim Mahmud, Dato' Haji Yusof Hassan, Haji Osman Yusof, Dato' Lim Thor dan Dato' N. Periasamy menyifatkan Dato' Seri sebagai seorang yang teliti membuat kerja, merendah diri, tidak tergesa-gesa dan sentiasa menyerah kepada ketentuan takdir setelah puas berusaha. Haji Osman Yusof, veteran UMNO di Kuala Selangor menyatakan bahawa Dato' Seri pernah berpesan kepada beliau, "Biarlah kita lambat memberi asalkan sahaja pemberian kita ikhlas dan setelah meneliti pelbagai perkara."

Manakala dari kalangan ADUN Selangor menyuarakan pandangan bahawa Dato' Seri merupakan pemimpin yang ikhlas dan suka berterus terang. Sikap ini membantu beliau mencapai kejayaan dan ini diperkuatkan pula dengan etika pengurusan awam yang diamalkan beliau seperti berpegang kepada protokol dan sistematis.



Namun dalam sikap suka berterus-terang itu, Dato' Seri tidak pula melakukan sesuatu yang boleh mencemar nama baik seseorang. Malah, sekiranya beliau hanya menegur seseorang itu secara individu tanpa melibatkan pihak ketiga. Di samping itu, Dato' Seri juga seorang yang mudah diajak berbincang dan mudah pula menerima pandangan pihak lain sekiranya pandangan tersebut mempunyai asas dan justifikasi yang kukuh.

Mengikut pandangan Dato' N. Periasamy, wakil kaum India Kuala Selangor, rakan-rakan dari kalangan kaum bukan Burmiputra pula menyifatkan Dato' Seri sebagai seorang pemimpin yang sangat mengambil berat tentang masyarakat tanpa mengira warna kulit dan keturunan. Dato' Lim Thor, tokoh MCA Kuala Selangor turut mengakui hakikat ini. Sungguhpun semenjak menjawat jawatan Menteri Besar, Dato' Seri tidak lagi berkesempatan melawat kampung yang diwakilinya seperti dahulu, namun keperluan masyarakat desa tidak pernah diabaikan.

Dalam usaha meraih kejayaan dalam hidup, Dato' Seri sentiasa menjadikan setiap hari sebagai satu pengembalaan yang menyeronokkan. Cabaran yang datang diterima dengan hati yang terbuka.

Beliau mengambil peluang yang wujud di hadapan asalkan sahaja peluang tersebut tidak melanggar syariah dan etika. Segala yang baik diterima dan yang buruk dijadikan sempadan dalam memburu kejayaan seterusnya.

Memang menjadi lumrah insan yang bernama manusia, tidak lepas dari cabaran dan halangan. Apatah lagi apabila berhadapan dengan pelbagai masalah yang mencengkam jiwa, seringkali manusia hilang pertimbangan. Namun ada jua yang menjadikan cabaran dan pelbagai halangan lain sebagai satu langkah mencapai kejayaan. Dato' Seri antara orang yang mengambil penyelesaian kedua. Berpantang undur sebelum ajal. Beliau tidak pernah berundur daripada permasalahan yang dihadapi. Sebaliknya Dato' Seri menjadikan masalah sebagai

satu cabaran yang mencefus kejayaan. Faktor inilah yang membantu Dato' Seri untuk bertahan dan seterusnya menelusuri jejak-jejak kecemerlangan dalam karier dan kehidupannya.



*Sehati sejiwa.  
Cabaran kehidupan lebih mengertakan mereka.*




## BAB 6

# *PENUTUP TIRAI*



# MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR





## PENUTUP TIRAI



Tirai emas hampir dilabuh. Persoalannya, ke mana arah Dato' Seri selepas ini? Di kalangan penduduk Kuala Selangor, Dato' Seri dimartabatkan sebagai wira yang mempunyai keperibadian murni khususnya dalam menghormati orang yang lebih tua. Bahkan, sikap kurang bercakap yang diwarisi dari ayahnya serta serius dalam melaksanakan tugas membuatkan Dato' Seri semakin dihormati. Sesungguhnya, sikap Dato' Seri yang komited dalam menjalankan tanggungjawabnya telah berjaya menarik pucuk pimpinan UMNO untuk menyerahkan amanah kepada beliau sebagai salah seorang menteri dalam kabinet.

Memandangkan Dato' Seri bukan sahaja mendapat sokongan daripada golongan atasan bahkan juga sokongan daripada grassroot, kerjaya politik Dato' Seri dilihat sebagai sesuatu yang memberangsangkan. Tidak dapat disangkal lagi bahawa sokongan grassroot dan payung politik merupakan dua prasyarat penting untuk mendaki kejayaan dalam bidang politik dan mempertahankan kedudukan yang ada. Namun kedua-duanya bukanlah jaminan bahawa perjalanan politik seseorang pemimpin ke puncak kuasa sentiasa mudah dan licin.

Milenium ini adalah era pengetahuan dan maklumat. Ini bermakna dalam memilih pimpinan di peringkat tertinggi, *track record* dan kecermerlangan seseorang juga akan dinilai. Sekiranya individu yang diamanahkan dengan sesuatu tanggungjawab gagal melaksanakannya, atau kehadirannya menimbulkan masalah, maka masa depannya akan turut suram dan terjejas. Sebaliknya, sekiranya individu

tersebut dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan, beliau biasanya akan menapak laju ke tangga kejayaan.

Bagi diri Dato' Seri, beliau telah menunjukkan kecemerlangannya dalam melaksanakan tugas sekalipun langkah yang diambil merupakan satu tindakan yang dilihat oleh kebanyakan orang sebagai tindakan yang terlalu berhati-hati dan terlalu teliti sehingga menimbulkan karenah birokrasi. Namun jika ditinjau dengan lebih mendalam, tindakan Dato' Seri sebenarnya bertujuan untuk memadamkan kekusutan yang akan timbul sekiranya sesuatu keputusan dibuat dengan tergesa-gesa.

Apapun, cara beliau yang sistematis dan teratur akan memudahkan kerja-kerja pihak lain sesudah beliau dan hasilnya bukan hanya dinikmati untuk jangka masa tertentu sahaja. Sebaliknya ia merupakan asas yang evergreen seperti tindakan beliau menubuhkan Kedai Harga Patut sewaktu di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Begitu juga kecemerlangan yang beliau tunjukkan selaku Menteri Besar Selangor, sehingga Selangor mampu keluar dari kemelesetan ekonomi lebih awal berbanding dengan negeri-negeri lain.

Dari segi kepimpinan pula, bakat dan kemampuan beliau sememangnya sudah terbukti. Kepimpinan dan kesetiaan Dato' Seri sudah beberapa kali diuji dengan getirnya. Segala ujian tersebut semakin mematangkan lagi kepimpinannya sehingga beliau berjaya meletakkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang tenang dan tidak mudah melatah. Peribadi yang sedemikian memberikan ruang untuk Dato' Seri melangkah lebih maju ke hadapan. Malah, ditambah pula dengan rekod kerja yang begitu cemerlang, Dato' Seri sebenarnya sudah bersedia untuk memikul beban tugas yang lebih besar dan berat sekiranya diberi peluang. Semoga hari gemilang akan menyusuri setiap langkah kehidupan beliau.



*Tirai yang telah dibuka  
Kini ingin dilabuh  
Noktah yang tertinta  
Dengan kekuatan yang ampuh  
Semoga apa yang tersisa  
Tidak menggugat keyakinan yang teguh.*



Dato' Seri dan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad  
serta barisan pemimpin UMNO peringkat Negeri Selangor.

# GARAPAN



## BAB 7

# *U*CAPAN-*U*CAPAN *P*ILIHAN



SEMINAR  
STITUSI PEMERINTAH AWAM

JU





## UCAPAN-UCAPAN PILIHAN



... "Pada hakikatnya kita ibarat sebuah keluarga besar yang dibina atas asas-asas yang kukuh seperti nilai saling percaya-mempercayai antara satu sama lain, perasaan saling hormat-menghormati dan bantuan membantu demi untuk kecemerlangan. Justeru, marilah kita sama-sama mengamalkan sikap berbaik-baik dan saling tegur-menegur di antara satu sama lain. Saya ingin mengesyorkan di sekretariat ini, kita perbanyakkan ucapan salam, ucapan selamat dan senyuman mesra sesama kita untuk mengeratkan hubungan antara kita sebagai satu keluarga."...

Ucapan Dato' Seri sempena Perhimpunan Bulanan Jabatan-jabatan Kerajaan pada 11 Jun 1997.



... "Adalah menjadi wawasan kerajaan negeri ini bahawa menjelang tahun 2005, Selangor akan menjadi sebuah negeri maju dan saya mengharapkan kemajuan yang akan dicapai ini bukan sahaja dari segi ekonomi, bahkan ia akan mempunyai ciri-ciri seperti bersatu-padu, mempunyai masyarakat berkeyakinan serta menghayati nilai-nilai moral dan etika teguh, masyarakat demokratik, liberal, penyayang berlandaskan sistem keluarga yang kukuh, berdaya tahan, saksama dan

*adil serta memiliki ekonomi yang dinamik, teguh serta mampu bersaing. ...*

Ucapan Dato' Seri sempena Perhimpunan Jabatan-jabatan Kerajaan pada 9 Julai 1997.



*... "Kita mahu pembangunan negeri Selangor berdasarkan kepada acuan kita sendiri iaitu mengimbangkan antara perhubungan kerohanian dan kebendaan, perhubungan individu dan masyarakat serta perkembangan isu tempatan dengan pelbagai isu negara. Kita tidak mahu melihat ketidakseimbangan faktor-faktor pembentukan masyarakat yang dianggap moden itu, akan melahirkan pelbagai bentuk kepincangan dalam masyarakat seperti masalah penderaan anak, pembuangan bayi, penagihan dadah, anak lari dari rumah, budaya lepak, terlalu terpengaruh dengan perkembangan muzik rock, rap, kes-kesjuvana dan sebagainya." ...*

Ucapan Dato' Seri sempena Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri ke Puchong pada 28 Julai 1997.



*... "Sesungguhnya adalah menjadi amanah dan tanggungjawab saya, sebagai Menteri Besar yang baru, untuk meneruskan dan membawa negeri Selangor menuju satu era yang lebih cemerlang bagi merealisasikan wawasan yang telah digubal, dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya mengikut matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Untuk*



*memastikan kejayaan ini, saya telah menggariskan sepuluh tonggak utama yang menjadi teras pembangunan negeri Selangor.”*

Ucapan Dato' Seri sempena Lawatan Turun Ke Padang Ke Daerah Sabak Bernam Sempena Merasmikan Pesta Pembangunan dan Pelancaran Rumah Program Pemulihan Rakyat Termiskin pada 1 Ogos 1997.



*...“Pertambahan penduduk juga membantu ke arah penilaian semula usaha memajukan tanah rizab Melayu. Kesan ini lebih terasa di Sepang memandangkan ia akan menjadi tumpuan dunia apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mula beroperasi pada tahun hadapan. Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya juga akan mula beroperasi pada tahun hadapan manakala pembangunan Cyberjaya kini telah pun bermula. Sesungguhnya ini menjadikan tanah rizab Melayu di Sepang sebagai suatu kawasan yang mempunyai potensi besar untuk menyokong pembangunan ketiga-tiga projek mega tersebut.”...*

Ucapan Dato' Seri sempena Majlis Bersama Rakyat dan Pelancaran Kumpulan Hartanah Melayu Sepang Berhad pada 29 Ogos 1997.



*...“Tanpa mengira Wawasan 2020 bagi negara ataupun Wawasan 2005 bagi negeri Selangor, sudah tentu aspek paling penting yang dikehendaki ialah nilai dan kualiti setiap penduduk di mana mindanya mempunyai sikap yang terbuka dan luas serta memiliki perspektif global yang tidak terpesong oleh dogma yang sempit.”...*

Ucapan Dato' Seri sempena Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan pada 3 September 1997.



...."Sukalah saya nyatakan bahawa bukan sahaja "nilai" telah berubah tetapi yang jelas lagi adalah cara dan budaya kita turut berubah mengikut perkembangan semasa. Untuk ini, seharusnya kita bersedia menghadapi arus perubahan yang terlalu kuat ini dan arus perubahan yang positif akan dapat membangunkan kita semua sebagai masyarakat yang inginkan kemajuan mengikut acuan kita sendiri."...

Ucapan Dato' Seri sempena Pelancaran Gerakan Desa Wawasan dan Perhimpunan Rakyat Daerah Kuala Langat pada 12 September 1997.



...."Saya tidak bermaksud untuk memberi syarahan mengenai kualiti. Saya hanya ingin menarik minda tuan-tuan dan puan-puan bahawa kualiti adalah sesuatu keadaan yang cemerlang dan amat baik. Kebaikan itu tidak terhad dan tetap pada sesuatu tahap. Dalam erti kata lain, ia tidak statik. Ia bergerak sepanjang masa (moving target). Apabila kita mencapai kualiti yang kita kejar, kita dapati ada lagi kualiti yang lebih tinggi yang mesti kita kejar. Begitulah keadaannya kita terpaksa mengejar kualiti sepanjang masa."...

..."Kepimpinan organisasi menjelang abad ke-21 adalah berbeza daripada apa yang ada sekarang, khususnya dalam perkhidmatan awam. Hari ini model pengurus dan penyelia (manager and supervisor) diberi fokus, tetapi pada masa hadapan model kepimpinan di sektor awam sewajarnya lebih



dinamik dan kreatif. Walau apa pun model yang kita ambil, pokoknya kita mestilah berperanan sebagai pemimpin contoh yang terbaik atau qud wah hasanah dari segi tindakan, nilai dan etika murni yang kitajadikan amalan kerja kita dalam perkhidmatan awam. Antara Intipati Tonggak 10 yang kita dukungi bersama ialah cetusan permintaan terhadap moral, nilai dan etika yang terunggul, terutama di kalangan pemimpin-pemimpin organisasi dan masyarakat. Justeru, setiap penjawat awam perlulah mempunyai ketrampilan yang ditunjangi dengan kekuatan spiritual dan materialistik yang berteraskan nilai, etika dan moral yang tinggi serta pragmatik untuk difeladani, disanjung dan dihormati umum. Tidak ada sesiapa pun yang terlepas dalam mendokong cita-cita membina sebuah masyarakat maju yang seimbang..."

Ucapan Dato' Seri sempena Pelancaran Bulan Kualiti Peringkat Negeri Selangor pada 1 Oktober 1997.



... "Satu daripada sepuluh perkara penting yang akan menjadi keutamaan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ialah meningkatkan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Namun begitu, masih wujud golongan yang berpendapatan sederhana tetapi tidak berpeluang untuk memiliki mana-mana jenis rumah. Keadaan ini timbul kerana kekurangan bekalan rumah kos sederhana yang mampu dan layak mereka beli. Tambahan pula, mereka tergolong dalam golongan yang tidak layak membeli rumah kos rendah disebabkan oleh beberapa kriteria tertentu.

Mengambil iktibar dari permasalahan ini, kerajaan negeri telah menetapkan dasar perumahan yang memberi penekanan kepada

*pembinaan lebih banyak rumah jenis sederhana rendah yang berharga di antara RM26,000 sehingga RM60,000. Dalam hal ini, kerajaan negeri telah menetapkan sasaran 59,000 unit rumah kos sederhana rendah atau 37.6% dari keseluruhan sasaran keperluan perumahan negeri menjelang tahun 2000. Dalam tempoh yang sama pembinaan rumah kos rendah akan terus dilaksanakan oleh kerajaan negeri.”...*

Ucapan Dato' Seri sempena Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Kos Rendah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin Pusat Bandar Sungai Buloh pada 3 Oktober 1997.



*...Perkembangan dalam sektor perindustrian dan perdagangan telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada wanita. Keadaan ini telah menyukarkan wanita yang bekerja, untuk mencari pembantu rumah bagi membantu mereka untuk menjaga anak-anak semasa mereka bekerja. Tambahan pula wanita muda pada masa kini, lebih berminat dan tertarik untuk bekerja di kilang-kilang memandangkan mereka boleh bergerak bebas, berbanding dengan kerja di rumah yang menjemu serta pergerakan yang amat terbatas. Fenomena ini tentulah amat membimbangkan kerana sekiranya semua wanita mahu bekerja di luar rumah, apakah yang akan terjadi terhadap tugas untuk mendidik anak-anak dan menyediakan pelbagai keperluan rumah tangga?*

*Untuk hal yang demikian, pada hemat saya adalah satu langkah yang bijak sekiranya pihak majikan sama ada pihak swasta ataupun kerajaan negeri sendiri memikirkan dengan lebih serius terhadap pembukaan pusat-pusat asuhan kanak-kanak yang boleh mengurangkan bebanan ibu-ibu bekerja. Di samping mendapat faedah daripada tenaga kerja yang*



*ditarawarkan oleh golongan ini, pihak majikan juga dapat menyediakan kemudahan sosial untuk pekerja selain menambah keuntungan syarikat."...*

Ucapan Dato' Seri sempena Majlis Malam Sutera Biru Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor pada 14 November 1997.



*...“Satu perkara lagi yang perlu saya nyatakan di sini ialah mengenai kebersihan masjid. Kita semua tahu dan telah mendengar adanya hadis Rasulullah saw. Yang bermaksud, “kebersihan itu adalah sebahagian dari iman”. Tetapi, apa yang mendukacitakan ialah ada sebilangan kecil daripada masjid-masjid di negeri ini, didapati tidak begitu bersih. Malah ada di antaranya yang tandas-tandasnya begitu menjijikkan dan tidak sesuai digunakan sama sekali. Oleh itu, saya menyeru kepada para pegawai masjid supaya memberikan perhatian yang serius dan prihatin dalam hal kebersihan dan kecantikan masjid ini. Carilah jalan atau usaha yang boleh menjaga dan mengekalkan kebersihan dan kecantikan masjid-masjid. Bukan sahaja persekitaran, tandas, longkang masjid perlu dijaga, tetapi dalam masjid juga kadang-kadang kita lihat perabotnya tidak teratur, tidak kemas, berhabuk dan sebagainya.”...*

Ucapan Dato' Seri sempena Perhimpunan Agung Pegawai-Pegawai Masjid, Penolong Pendatтар Nikah Dan Pegawai Jabatan Agama Islam Seluruh Selangor serta Penyampaian Cek Dan Pakaian Kepada Masyarakat Islam Moro pada 28 Februari 1998.



... "Saya suka menegaskan bahawa sekiranya nilai-nilai mulia seperti amanah, jujur,ikhlas, tekun, disiplin, ketertiban dan dedikasi diamalkan setiap masa oleh setiap anggota-anggota pengurusan dan pentadbiran, maka penyeliaan sepanjang masa tidak diperlukan. Dengan demikian, akan meningkatkan lagi kecekapan dan mengurangkan kos. Sebaliknya, sekiranya nilai-nilai yang saya sebutkan tadi kurang diamalkan, maka banyaklah kerja dan masa yang perlu dihabiskan untuk menyelia dan ketua-ketua mengesahkan, mengawal dan bertindak terhadap penyelewengan yang berlaku. Sekiranya penyelia pula tidak mempunyai nilai yang murni, maka banyak lagi masa, tenaga dan wang yang perlu dihabiskan untuk menentukan agar 'pagar tidak makan padi.'..."

Ucapan Dato' Seri sempena Kolokium Kesedaran Meningkatkan Produktiviti Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Negeri Selangor pada 5 Mac 1998.



... "Misi saya ialah untuk merealisasikan wawasan negeri Selangor sebagai negeri maju menjelang tahun 2005. Ke arah pencapaian wawasan ini, agenda utama yang saya jadikan panduan ialah memastikan keselimbangan pembangunan yang wujud di negeri Selangor diagihkan supaya kemakmuran dapat dikehendaki oleh setiap lapisan masyarakat di seluruh negeri, di samping memastikan semua rakyat menikmati taraf hidup yang berkualiti melalui penyediaan kemudahan sosial dan asas yang secukupnya."...

Ucapan Dato' Seri sempena Majlis Penerimaan Anugerah Khas Fellow Kehormat Pertubuhan Perancang Malaysia pada 29 April 1998.





... "Pada hemat saya, tidak ada sesuatu yang lebih malang bagi suatu bangsa daripada kehilangan keyakinan terhadap diri sendiri dan mempercayai berita angin. Dari pengalaman sejarah, kita dapat menarik pengajaran bahawa apabila pihak musuh mahu menyerang dan menjatuhkan kita, mereka akan melancarkan serangan psikologi dan melemahkan semangat dan keyakinan kita. Sebelum merdeka, penjajah Inggeris memomokkan rakyat yang dijajah bahawa mereka tidak layak merdeka kerana bagaimanakah mereka boleh memerintah sendiri, sedangkan mereka tidak pandai apa-apa walaupun membuat sebatang jarum." ...

Pelancaran Skim Amanah Saham Wanita (ASNITA) Peringkat Negeri Selangor pada 24 Mei 1998.



... "Saya juga ingin menyeru kepada rakyat di negeri Selangor supaya memperluaskan dan mempelbagaikan pembacaan. Kajian profil membaca yang disebut di atas, mendapat bahwa ramai daripada rakyat lebih gemar membaca surat khabar, majalah dan komik. Membaca surat khabar dan majalah ada baiknya terutama untuk mendapatkan maklumat terkini. Namun demikian, untuk membentuk masyarakat yang berbudaya ilmu, perlulah rakyat membaca juga bahan-bahan ilmiah." ...

Ucapan Dato' Seri sempena Perasmian Bulan Membaca Selangor pada 8 Ogos 1998.



... "Sebagai negeri yang mempunyai dua pintu masuk yang utama bagi pelancong antarabangsa, laitu lapangan terbang KLIA di Sepang dan Pelabuhan Klang, usaha-usaha untuk mempromosikan negeri Selangor akan dipertingkatkan. Saya berharap Bahagian Pelancongan di Unit Perancang dan Pembangunan Negeri Selangor akan mengadakan perbincangan dengan LPPM bagi menggariskan beberapa tindakan yang boleh diambil untuk menggalakkan sekurang-kurangnya 30% daripada para pelancong yang memasuki Malaysia melalui Selangor, bermalam sekurang-kurangnya sehari di negeri Selangor, sebelum mengunjungi destinasi pelancongan yang lain di Malaysia. Saya yakin negeri Selangor boleh menarik pelancong-pelancong tersebut bagi memberikan manfaat kepada rakyat tempatan di Selangor yang berkecimpung dalam industri pelancongan."...

Ucapan Dato' Seri sempena Perasmian Pembangunan Papan Tanda Pelancongan Seragam serta Penyerahan Laporan Kajian Konservasi dan Pembangunan Pelancongan Sungai Selangor pada 18 Ogos 1998.



..."Saya ingin menasihatkan orang ramai tentang keperluan memelihara harta benda awam walaupun harta-harta tersebut bukan harta kita, tetapi ia perlu dijaga dan digunakan secara teratur dan tidak mengambil tindakan di luar batasan dengan merosak dan memusnahkan kemudahan tersebut untuk kepuasan sendiri. Semangat dan kesedaran perlulah dipupuk kepada remaja-remaja kita agar tidak melakukan perkara-perkara yang negatif tersebut."...

Ucapan Dato' Seri sempena Perasmian Taman Rimba Ampang pada 28 Ogos 1998.



# GARAPAN

... "Saya telah mengasaskan Tonggak 10 sebagai panduan pembangunan negeri Selangor bagi memacu ke arah matlamat Selangor Maju Tahun 2005. Seluruh jentera kerajaan negeri pada ketika ini sedang bekerja keras untuk merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan itu. Namun demikian, jentera pentadbiran kerajaan negeri semata-mata tidak akan mampu melaksanakan hasrat tersebut. Oleh yang demikian, melihat kepada kelompok belia yang begitu besar jumlahnya, maka saya menyeru kepada anda semua untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor memajukan negeri berdasarkan Tonggak 10 yang saya gagaskan itu."...

Ucapan Dato' Seri sempena Mesyuarat Agung Tahunan MAYC Negeri Selangor Ke-42 pada 12 September 1998.

... "Saya juga mengambil peluang ini untuk menyeru supaya para pemaju benar-benar memberikan nilai kepada para pembeli dan janganlah semata-mata mementingkan keuntungan. Anggaplah bahawa projek penyelapan rumah kos rendah adalah untuk rakyat dan segala usaha para pemaju adalah merupakan satu "perkongsian pintar" antara kerajaan dan pihak swasta yang akan menguntungkan semua pihak."...

Ucapan Dato' Seri sempena Perasmian Rumah Pangsa Kos Rendah Bandar Baru Klang pada 5 November 1998.

..."Kita sedar bahawa masalah kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini telah hampir 18 bulan dan ia juga telah mempengaruhi prestasi ekonomi negeri ini. Pada saya kemelesetan ekonomi ini telah banyak memberi kita peluang untuk lebih berdikari dan lebih bersemangat serta lebih berlititzam untuk mempertingkatkan produktiviti bagi membantu dan menentukan pemulihannya.

Sebagai rakyat negeri ini kita bertanggungjawab dalam memikul amanah dalam membantu serta memastikan segala ilmu, kepakaran dan pengalaman kita selama ini boleh dicari dan digembung dengan padu ke arah mempertingkatkan lagi usaha dan pencapaian yang lebih cemerlang."...

Ucapan Dato' Seri sempena Kejohanan Golf Jemputan Pusat Pelaburan Negeri Selangor 1998 pada 6 Disember 1998.



..."Budaya kerja kita serta sikap dan segala sifat yang akan mencerminkan kewibawaan kita selaku kakitangan awam perlu merupakan sesuatu yang kita boleh banggakan. Kita wajar berbesar hati dengan kekayaan sikap dan sifat mulia. Dalam masa yang sama, kita wajar malu pada diri kita sendiri jika masih lagi mempunyai sikap dan sifat yang kurang mencerminkan gagasan warga kerja yang boleh dijadikan teladan."...

Ucapan Dato' Seri sempena Majlis Perjumpaan Tertutup Dengan Pemimpin-pemimpin UMNO Tiga Peringkat pada 13 Mei 1999.





..."Kita telah merdeka dengan hasil usaha kita sendiri. Kita telah berjaya mengecapai nikmat pembangunan sehingga kini juga dengan hasil titik peluh kita. Kita telah berjaya keluar dari pelbagai kemelut dan masalah juga dengan hasil usaha kita. Inilah formula kita seterusnya di mana jika kita yakin boleh, insya Allah kita boleh berjaya.

Akan tetapi jika awal-awal lagi kita sudah bersikap bergantung pada orang lain untuk berjaya, maka sikap ini mungkin berterusan setiap kali kita hendak mencapai sesuatu matlamat dan membuat sesuatu kerja. Apa yang dikatakan bahawa mutu insan itu penting demikian mencapai kejayaan adalah benar. Ahli UMNO mestи memastikan bahawa kualiti diri mereka sentiasa dipertingkatkan. Masalah bukan bersifat 'status quo' tetapi boleh berubah bentuk dan impak. ....

Ucapan Dato' Seri sempena Majlis Perjumpaan Ter tutup Dengan Pemimpin-pemimpin UMNO Tiga Peringkat pada 13 Mei 1999.





## BAB 8

# *MENELUSURI DETIK-DETIK SEJARAH*







## MENELUSURI DETIK-DETIK SEJARAH



### PERIBADI

- 15 September 1940 : Detik yang ditunggu-tunggu telah tiba kini. Pada tarikh inilah seorang bakal negarawan dan tokoh negara, Abu Hassan bin Haji Omar dilahirkan di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor. Kelahirannya bukan sahaja memberi sinar kepada kedua ibu bapa serta keluarganya, tetapi juga penduduk kampung dan rakyat Selangor seluruhnya.
- 1945-50 : Dato' Seri menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Belimbing dan kecermerlangan beliau dalam bidang pendidikan jelas terserlah.
- 1951-57 : Dato' Seri diterima melanjutkan pelajaran peringkat menengahnya di Sekolah Tinggi Klang.
- 1958-59 : Usaha gigih Dato' Seri mengatasi segala rintangan. Beliau kemudiannya mendapat tawaran untuk menyambung pengajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK).



# GARAPAN

- 1960-63 : Seterusnya, beliau berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Geografi di University of Hull, England. Pencapaian ini begitu membanggakan kedua ibu bapa serta penduduk kampungnya memandangkan beliau merupakan anak kampung Bukit Belimbing yang pertama sekali mampu mencapai ke tahap ini.
- Januari 1964 : *Ikan di laut, asam di darat  
Dalam belanga bertemu juga.*  
*Pucuk pauh delima batu  
Anak sembilang di tapak tangan  
Seorang isteri menjadi ratu  
Wan Noor Daud menjadi pilihan.*
- Justeru, bermulalah satu ikatan perkahwinan antara Dato' Seri dengan gadis pilihan hatinya, Wan Noor Daud dan sejarah keluarga HASNOR.
- 1971-73 : Setelah berkhidmat dalam perkhidmatan awam beberapa lama serta setelah beberapa tahun mendirikan rumah tangga, Dato' Seri kembali menyambung pengajiannya iaitu di peringkat ijazah Sarjana pula. Bidang yang dipilih ialah Pembangunan Kawasan dan Wilayah, juga di universiti yang sama.



## KERJAYA

### Perkhidmatan Awam

- 1963 : Dalam bidang kerjaya, Dato' Seri telah memulakan tugasnya dalam perkhidmatan awam sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah Kuala Langat sekembalinya beliau dari England.
- 1964-67 : Seterusnya, khidmat cemerlang yang ditunjukkan membolehkan beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah Klang.
- 1967-68 : Selepas itu, beliau telah dilantik sebagai Penolong Ketua Pegawai Daerah Kuala Lumpur.
- 1968-69 : Kemudian, beliau menjawat pula jawatan Pegawai Daerah Hulu Langat.
- 1969-71 : Hari demi hari, bintangnya dalam perkhidmatan kian cerah. Kerjaya beliau semakin meningkat dengan terlantiknya beliau menjadi Ketua Penolong Setiausaha Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- 1973-76 : Sama ada di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri, kesungguhan beliau dalam menjalankan amanah yang diserahkan sentiasa terserah. Justeru, beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran Menteri Besar Selangor ketika itu, Dato' Harun Idris.

- 1976-78 : Seterusnya, beliau memegang pula jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah.

#### Kabinet

- 27 Julai 1978 -  
15 September 1980 : Di peringkat kabinet pula, Dato' Seri menaburkan jasa baktinya sebagai Setiausaha Parliment di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
- Ketika itu, kementerian tersebut adalah di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di mana banyak tunjuk ajar diperolehi daripada beliau.
- 16 September 1980 -  
16 Julai 1981 : Selanjutnya, beliau dilantik pula sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.
- 17 Julai 1981 -  
10 Ogos 1984 : Penyusunan kabinet selepas pilihan raya seterusnya menyaksikan beliau ditukarkan pula ke Kementerian Pengangkutan. Di sini, beliau masih lagi bertugas sebagai Timbalan Menteri.
- 11 Ogos 1984 -  
16 Mei 1986 : *Tuah ayam nampak di kaki  
Tuah manusia siapa yang tahu.*
- Daripada jawatan Timbalan Menteri, Dato' Seri dinaikkan jawatan ke peringkat Menteri di Kementerian Kebajikan Masyarakat.



MIS

- Di sini, beliau telah menubuhkan Rumah Tunas Harapan, sebuah rumah yang menempatkan anak-anak yatim yang tidak mempunyai tempat perlindungan.
- 20 Mei 1986 -  
14 Mei 1987 : Jawatan Menteri Wilayah Persekutuan pula disandang oleh Dato' Seri mula 20 Mei 1986 hingga 14 Mac 1991.
  - 15 Mei 1987 -  
15 Mac 1991 : Dalam masa yang hampir sama, beliau dilantik sebagai Menteri Luar Negara di Wisma Putra. Beliau memainkan peranan penting dalam pengurusan hubungan Malaysia dengan lain-lain negara di dunia dan organisasi-organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN), UNESCO, ASEAN dan OIC.
  - 16 Mac 1991 -  
30 April 1997 : Sewaktu di bawah kepimpinannya, Wisma Putra buat pertama kalinya telah berjaya menganjurkan sebuah persidangan penting peringkat antarabangsa iaitu *Commonwealth Heads of Government Meeting* atau Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM). Malah, Malaysia juga telah disifatkan sebagai tuan rumah yang terbaik pernah menganjurkan persidangan tersebut.
  - : Sewaktu menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pula, Jasanya begitu banyak sekali khususnya dalam melaksanakan kempen inflasi sifar.

- 6 Jun 1997 - kini : Ibarat sirih pulang ke gagang, itulah yang boleh dikiaskan tentang kepulangan Dato' Seri ke pangkuhan Selangor setelah sekian lama berkhidmat di peringkat persekutuan. Justeru, pada hari ini diadakan majlis Mengangkat Sumpah sebagai Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Dato' Haji Muhammad Muhd. Taib. Perlantikan beliau merupakan sesuatu yang luar biasa dan mengejutkan kerana ia bukan sahaja tidak pernah diadakan di Selangor, malah di seluruh negara juga. Dato' Seri yang sebelum ini memegang jawatan Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama-sama dengan Dato' Jamaluddin Adnan meletakkan jawatan masing-masing sebagai ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri dan bertukar ganti kawasan untuk bertanding dalam pilihan raya kecil.

#### Penglibatan dalam Politik

- 1957 : Pada tahun ini, Dato' Seri mula menyertai politik dengan menjadi ahli biasa UMNO cawangan Bukit Belimbing, Kuala Selangor.
- 1978 : Seterusnya, dengan doa dan restu keluarganya, Dato' Seri telah bertanding buat pertama kalinya dalam pilihan raya sebagai Ahli Parlimen Kuala Selangor dan telah menang dengan begitu cemerlang sekali.



Beliau juga telah berjaya mengelakkan kerusi parlimen tersebut selama lima penggal berturut-turut hingga Pilihanraya Umum 1995.

- |             |                                                                                                                                                                                                  |
|-------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1980 - kini | : Bermula daripada tahun 1980 hingga kini, beliau diberi mandat oleh para perwakilan Mesyuarat Perwakilan Tahunan UMNO Bahagian Kuala Selangor untuk menjadi Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor. |
| 1982        | : Pilihan raya kedua diadakan pada dalam tahun 1982 dan sekali lagi kemenangan memihak kepada beliau. Justeru, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor.       |
| 1984 - kini | : Beliau diberi kepercayaan oleh perwakilan UMNO seluruh negara sehingga dilantik sebagai salah seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan jawatan ini masih dipegang sehingga kini.                 |
| 1986        | : Sehubungan dengan itu, beliau diamanahkan untuk menguruskan Konvensyen UMNO Selangor selaku Pengerusi Jawatankuasa bermula daripada konvensyen kelima hingga konvensyen kelapan.               |
|             | : Lima tahun berlalu. Kini, pilihan raya tiba lagi. Dalam pilihan raya umum tahun 1986 ini, beliau sekali lagi mencatat kemenangan besar dengan mendapat 17,523 undi mengalahkan calon NASMA.    |

- 1990 : Dalam pilihan raya umum kali ini pula, beliau telah menang dengan majoriti sebanyak 9 500 undi mengalahkan calon Semangat 46.
- 1995 : Pilihan raya kali ini adalah dalam tahun 1995. Dalam pilihan raya ini, sekali lagi pencabar terdekat beliau adalah daripada parti S46. Bagaimanapun, ternyata pengaruh Dato' Seri tidak dapat ditandingi oleh sesiapa. Beliau menang lagi.
- 1 Mei 1997 : Keajaiban berlaku di mana-mana dan seringkali ia berlaku tanpa disangka-sangka. Pada tarikh ini, Dato' Seri meletakkan jawatan-jawatan beliau sebagai ahli Parlimen P089 Kuala Selangor dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bagi membolehkan beliau bertanding dalam pilihan raya kecil N10 Permatang.
- Kemenangan beliau dalam pilihan raya kecil ini akhirnya telah membolehkan beliau menjadi Menteri Besar Selangor yang ketiga belas.
- 2 Mei 1997 : Dato' Seri mula mengambil alih jawatan Pengerusi UMNO Selangor dan mempengerusikan mesyuarat UMNO Selangor buat pertama kalinya.
- Beliau telah menuhubkan Unit Perancang Strategik UMNO Selangor yang bertanggungjawab tentang pembangunan geo-politik orang Melayu di Selangor.



Selain itu, beliau juga telah mengumumkan skim perkhidmatan baru semua jawatan Setiausaha Kerja UMNO Bahagian dan mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Perancang Strategik UMNO Selangor bagi membantu kakitangan unit tersebut.

- |                  |                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7 Disember 1997  | : Selangor di bawah kepimpinan beliau telah mendahului negeri-negeri lain menyokong cadangan Majlis Tertinggi UMNO pada 9 Jun 1997 supaya tiada pertandingan dalam pemilihan pimpinan UMNO bahagian seluruh negara.                                                |
| 16 Februari 1998 | : UMNO Selangor yang diterajui oleh Dato' Seri juga menyokong keputusan Majlis Tertinggi agar Ketua UMNO Bahagian dan Ketua UMNO Bahagian dari kalangan ahli MT tidak dicabar.                                                                                     |
|                  | Sehubungan dengan hal ini juga, sepuluh UMNO Bahagian di Selangor mengekalkan Ketua UMNO Bahagian masing-masing tanpa bertanding iaitu Bahagian Kuala Selangor, Gombak, Ampang Jaya, Hulu Langat, Petaling Jaya Utara, Subang, Shah Alam, Kuala Langat dan Sepang. |
| 4 September 1998 | : Dato' Seri dalam satu perjumpaan tertutup dengan Presiden UMNO telah mengulangi kenyataan sokongan terbukanya terhadap Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Beliau bersama tujuh belas lagi UMNO bahagian di Selangor akan mencalonkan Dato Seri Dr. Mahathir         |

Mohamad sebagai Presiden UMNO dalam pemilihan UMNO tahun 2000.

Melalui peristiwa ini, sifat kesetiaan beliau kepada pemimpin tidak perlu diragui lagi.

- 29 November 1999 : Pilihan raya umum terakhir abad ke-20 menjelang ju. Dalam pilihan raya ini, bukti sokongan rakyat terhadap Dato' Seri terserlah lagi. Beliau yang bertanding dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang telah berjaya menewaskan calon KeADILan, Mohd Yahya Sahri dengan majoriti undi sebanyak 2956.

# B i o g r a f i



## Sarjana

Kenangan bersama isteri ketika menerima ijazah Sarjana di University of Hull, 1973.



## Gandingan Mantap

Usia semakin mengerakkan mereka.



## Keluarga Harmoni

Bersama cucu-cucu kesayangan ...



## Rakaman Zaman

Dato' Seri bersama rakan-rakannya berpeluang merakam detik mereka bersama ketika melanjutkan pelajaran di England.



## Kenangan Cinta

Di sinilah berputiknya cinta pandang pertama. Asrama jururawat yang menjadi kediaman Datin Wan Noor sebelum berumahtangga.



## Tinggal Kenangan

Rumah Dato' Seri ketika menjadi ADK Daerah Kuala Langat kini merupakan Pusat Puspanita Selangor.



## Tidak Disangka

Datin Seri Wan Noor tidak pernah menjangka akan menjadi isteri kepada pemimpin yang disegani.

# B i o g r a f i

## Pilihan raya 1978

Terselar kepimpinan ...  
Dikelilingi penyokong-penyokongnya sebelum pilihan raya 1978.



## 4/6/1990

Sempat mengunjungi Perdana Menteri India di Shangri La Hotel semasa menjadi Menteri Luar.



## 10/12/1990

Ketika menyambut ketibaan Perdana Menteri Cina, U Peng ke Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.



## Bantuan

Dato' Seri sedang menyampaikan hadiah dan bantuan kepada orang-orang cacat di Kedah semasa bella menjam Menteri Kebajikan Masyarakat.



## Kempen

Tidak menjadi halangan ... Walaupun tidak punya pengalaman, Dato' Seri tetap memberanikan diri untuk berkempen, 1978.



## UMNO Selangor

Pemimpin berjaya rakyat. Dato' Seri ketika perasmian Bangunan UMNO Selangor.



## Amanah

Bersama jentera kerajaan turun padang menyelesaikan masalah.



## Ambil alih Tugas

Mengambil alih tugas Menteri Kebajikan Am daripada Datin Paduka Aishah Ghani di Wisma Shen, Kuala Lumpur, 19/7/1984.



**23/8/1988**

Sedang berbual dengan Presiden Nouru sebelum berlepas pulang.



## Angkat Sumpah

Sebelum mengangkat sumpah menjadi Timbalan Menteri Pertahanan di Istana Negara, 23/9/1980.



**26/9/1980**

Tabik hormat oleh Perdana Menteri Tun Hussein Onn ketika mengadakan lawatan ke MINDEF, Jalan Gurney Kuala Lumpur.



**12/2/1985**

Dato' Seri ketika merangkap Menteri Pengangkutan menandatangan perjanjian antara Malaysia dengan Luxembourg Economic Union di Wisma Perdana, Kuala Lumpur.



**9/9/1980**

Ketika menyambut ketibaan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian Jepun, En. Rokusuke Tanaka di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

**6/8/1988**

Dato' Seri mengiringi ketibaan Pn. Margaret Thatcher Perdana Menteri British di Lapangan Terbang Subang.

# B i o g r a f i

## Perasmian

Dato' Seri semasa perasmian buku Budaya MB sambil diperhatikan oleh YB Senator Dato' Ghazi Ramli.



## MTES

MTES yang berpusat di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menjadi salah satu tonggak ke arah pemuliharaan ekonomi Negeri Selangor.



*Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar*

## Prihatin

Permimpin prihatin ...  
Dato' Seri sempat membantu salah seorang pengundi di hari pengundian.



## Budaya MB

Sempat menjenguk di ruang pameran buku selepas majlis perasmian buku Budaya MB.



## Tanggung jawab

Dato' Seri dan Datin Seri sedang melaksanakan tanggung jawab mereka mengundi dalam pilihan raya 1999.



## TMS 2000

Komitmen Dato' Seri dalam memajukan sektor pelancongan tidak dinilaikan. Kelebihan Dato' Seri semasa perasmian Tahun Melawat Selangor 2000.



## Pemimpin Contoh

Tercetusnya Budaya MB membuktikan kesungguhan beliau dalam mengamalkan pemerintahan yang berteraskan amanah kepada rakyat.



## Krisis Air

Teliti mendengar penjelasan Dato' Seri ketika membuat lawatan ke salah satu loji simpanan air ketika krisis air.



## Teliti

Dato' Seri amat berhati-hati dan teliti dalam membuat sebarang keputusan terutama dalam hal melibatkan pemerintahan negeri. Kelebihan Dato' Seri sedang bersiap sedia untuk bermesyuarat.

## Sektor Pertanian

Sektor pertanian adalah antara sektor yang mendapat perhatian untuk memulihkan ekonomi Negeri Selangor. Dato' Seri sedang menanam pokok kelapa di Majlis Pelancaran program pembangunan tanaman kelapa di daerah Kuala Selangor.

# B i o g r a f i



**Barisan Exco Selangor**

Dato' Seri dan DYMM Tengku Idris Shah ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj serta barisan Exco peringkat Negeri Selangor.



## Gaya Pemimpin

Gaya seorang pemimpin berpandangan jauh. Agenda pembangunan yang diperkenalkan di Negeri Selangor telah banyak memberi kesejahteraan kepada rakyatnya.



## Teknologi dan Industri

Dato' Seri sedang meneliti beberapa jenis produk industri yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan.

## Hobi

Hobi yang menonjolkan karakter Dato' Seri.

## Wataniah

Menyemarakkan semangat kesetiaan kepada negara melalui pertahanan awam.



## Bicara Memukau

Kesungguhan Datin Seri Wan Noor berbicara memukau perhatian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.



## Penghayatan Islam

Sentiasa bersedia menerima nasihat daripada ulama dan cendekiawan Muslim.



## Ulang tahun Perkahwinan

Tetap bahagia ... Di majlis ulangtahun perkahwinan ke-26 pada Januari 1989.



## Tidak lupa

Tidak dilupakan ... Dato' Seri tidak pernah lupa mengadakan sambutan hari lahir setiap cucu-cucunya.



## Pendidik

Watak Dato' Seri sebagai pendidik masih terserlah walaupun beliau telah menerajui pemerintahan negeri.



## Mesra

Kemesraan yang terjalin menyertahkan kesederhanaan dan kasih sayang Dato' Seri terhadap golongan pelajar.



## Pembangunan Seimbang

Ambil berat ... meninjau tapak projek pembangunan.

GARAPAN

MISI



# LAMPIRAN





## JAWATAN-JAWATAN YANG PERNAH DISANDANG

1. Ketua UMNO Cawangan Pekan
2. Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor
3. Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Bahagian Barisan Nasional Kuala Selangor
4. Pengerusi Biro Konvensyen UMNO Selangor
5. Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia semenjak 1984
6. Pengerusi Biro Pengguna UMNO Malaysia
7. Ahli Biro Ekonomi Majlis Biro Tertinggi UMNO
8. Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Institut Perkembangan Minda (INMIND)
9. Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Kempen Anti Inflasi Barisan Nasional Kebangsaan
10. Yang Dipertua Persatuan Murid-Murid Tua Sekolah Tinggi Klang
11. Pengerusi Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor

GARAPAN

12. Penasihat Persatuan Bola Tampar Selangor
13. Penaung Tetap Pakatan Khairat dan Kebajikan Pekerja-Pekerja Angkatan Tentera Malaysia, Johor Bharu
14. Naib Presiden Persatuan Tinju Amatur Malaysia 1982/1983
15. Penaung dan Penasihat bagi beberapa Persatuan dan Badan Sukarelawan peringkat negeri dan daerah Kuala Selangor



## ANUGERAH DAN PINGAT YANG DITERIMA

- ¶ Anugerah Setia Mahkota Selangor (S.M.S) 1976.
- ¶ Pingat Ibrahim Sultan (P.I.S) 1977.
- ¶ Setia Mahkota Terengganu (S.M.T) 1978.
- ¶ Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) 1981.
- ¶ Fellowship of the Chartered Institute of Transport London, (F.C.I.T) 1983.
- ¶ Ijazah Kehormat Sains Kedoktoran dari University of Hull, England, Julai 1987.
- ¶ Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S) 1988.
- ¶ Knight Grand Cross of the Most Exalted Order of the White Elephant oleh SPB Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand, Julai 1988.
- ¶ Ganghwa Medal – Order of Diplomatic Service Merit Award oleh Presiden Korea Selatan, Oktober 1988.
- ¶ Order of the Sun of Peru (Grand Cross) oleh Kerajaan Peru, 26 Jun 1989.

GARAPAN



# BIBLIOGRAFI





## BIBLIOGRAFI

---

### Bahan Bercetak

Abdul Munit Kasmin, Aidit Ghazali, Aziah Kamaruddin (1998). *Selangor dan Teknologi Maklumat*. Shah Alam: Unit Perancang dan Pembangunan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Azman Anuar. "20 Soalan Buat Abu Hassan" dlm Massa, hlm. 12-16, 6-12 Jun 1998.

Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor (1999). *Budaya Murni dan Bersih (Budaya MB) : Panduan dan Harapan*. Shah Alam: Badan Perhubungan UMNO Selangor.

Chamil Wariya (1993). *Tan Sri Muhammad Muhammad Taib: Dari Penduduk Kepada Pemimpin*. Utusan Publication.

Halim Mahmood. "Abu Hassan: Penerus Pembangunan Selangor" dlm Wawancara, hlm. 86-92, Mei 1998.

JAYS (Tiada Tarikh). *Perdagangan Sihat Pengguna Berkat*. Kuala Selangor: Maju Jaya Enterprise.

Jauhara Harun (1990). *Malaysia dan Politik Dunia*. Kuala Lumpur : Maju Jaya Enterprise.

Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor (1999). *Koleksi Ucapan Menteri Besar Selangor (1997-1998) Jilid 1*. Shah Alam: Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor.

Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor (Tiada Tarikh), *Koleksi Ucapan Menteri Besar Selangor*. Shah Alam: Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor (Tidak Diterbitkan).

Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor (15 September 1997), "Teks Petikan Wawancara Khas Sempena 100 hari Dato' Seri [Dr.] Hj. Abu Hassan bin Hj. Omar Sebagai Menteri Besar Selangor." Shah Alam: Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor (Tidak Diterbitkan).

Unit Perancang dan Pembangunan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (1998). *Rangka Tindakan Program-program Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) Fasa 1*. Shah Alam: Urusetia MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Unit Perancang dan Pembangunan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (1998). *Rangka Tindakan Program-program Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) Fasa 2*. Shah Alam: Urusetia MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

Yusof Hassan (Tiada Tarikh), *Sejarah Ringkas UMNO Bahagian Kuala Selangor*. Kuala Selangor: UMNO Bahagian Kuala Selangor (Tidak Diterbitkan).

Yusof Hassan (Tiada Tarikh), *Wira*. (Tidak Diterbitkan).



Zainal Abidin bin Sakom *et al.* (1996), *Jejak Pejuang: Harimau Mati Meninggalkan Belang*. Kuala Lumpur: NADA (Suara UMNO Selangor).

Zulkhairi Jalaluddin (1999), *Detik... Kepimpinan UMNO Selangor 1953-99*. Kuala Selangor: Badan Perhubungan UMNO Selangor.

#### Wawancara

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Encik Jakiran Jacomah selaku Pegawai Khas 11 kepada Menteri Besar Selangor di pejabatnya di Bangunan UMNO Kuala Selangor pada 27 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Hasnoradiah selaku anak kepada YAB Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar di rumahnya di Ampang pada 27 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' Lim Thor selaku wakil MCA Bahagian Kuala Selangor di Bangunan UMNO Kuala Selangor pada 27 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' N. Periasamy selaku wakil MIC Bahagian Kuala Selangor di Bangunan UMNO Kuala Selangor pada 27 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' Jamaluddin Adnan selaku bekas ahli Parlimen Kuala Selangor di Rumah Rehat Bukit Malawati, Kuala Selangor pada 27 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Tuan Haji Othman Yusof selaku bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor di pejabatnya di Bangunan UMNO Kuala Selangor pada 27 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Aminah Haji Omar di rumahnya di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor pada 28 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Salmah Haji Omar di rumahnya di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor pada 28 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Pesah Haji Omar di rumahnya di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor pada 28 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Encik Jaya Kesuma Haji Rosman selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Selangor di pejabatnya di Bangunan UMNO Selangor pada 28 Julai 1999.

Wawancara secara bertulis antara para penulis dengan YB Dato' Seri Haji Onn Ismail selaku Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor pada 28 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' Haji Hashim Mahmud selaku bekas Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Selangor di Bangunan UMNO Kuala Selangor pada 30 Julai 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YB Dato' Abd. Samad Maharuddin selaku ahli Dewan Undangan Negeri Selangor di pejabatnya di Bangunan Muzium Selangor pada 2 Ogos 1999.



Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YB Datin Paduka Hajah Rakibah Haji Abd. Manap selaku bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di pejabatnya di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 3 Ogos 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Halimah Haji Omar di rumahnya di Ampang pada 8 Ogos 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' Haji Yusof Hassan selaku veteren UMNO Bahagian Kuala Selangor di pejabatnya di Kuala Selangor pada 12 Ogos 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Hasnorliza selaku anak kepada YAB Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar di rumahnya di Shah Alam pada 17 Ogos 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' Haji Hashim Meon selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia di pejabatnya di Kementeh pada 7 September 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YB Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail selaku anggota Majlis Tertinggi UMNO Selangor di pejabatnya di Wisma Bunga Raya, Kuala Lumpur pada 7 September 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YABhg. Datin Seri Wan Noor Daud selaku isteri kepada YAB Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar di Istana Mestika, Bukit Megawati pada 8 September 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Encik Rosli Haji Abdul Ghani dan Puan Nor Zaini Daud di kediaman mereka di Subang Jaya pada 25 September 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Encik Yasin Yusof dan Puan Ros Abdullah di rumahnya di Shah Alam 29 September 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Encik Dasuki Karison selaku Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Selangor di pejabatnya di Pejabat Menteri Besar pada 7 Oktober 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Dato' Abd. Aziz Md. Noh selaku Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Selangor di pejabatnya di Pejabat Menteri Besar Selangor pada 7 Oktober 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Puan Hajjah Senayah Mohamad Naam selaku Pegawai Khas kepada Menteri Besar Selangor di pejabatnya di Pejabat Menteri Besar Selangor pada 7 Oktober 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Tuan Haji Ramli Othman selaku Pegawai Daerah Hulu Langat di pejabatnya di Pejabat Daerah Hulu Langat, Bangi pada 22 Oktober 1999.

Wawancara secara rakaman antara para penulis dengan YBhg. Tuan Haji Fadzil Mohd. Taib selaku Setiausaha Kerja UMNO Bahagian Kuala Selangor di pejabatnya di Bangunan UMNO Kuala Selangor pada 23 Februari 2000.

GARAPAN  
MISI



# PENGHARGAAN





## PENGHARGAAN

YAB Dato' Seri (Dr.) Hj. Abu Hassan Hj. Omar  
Menteri Besar Selangor Darul Ehsan

YABhg. Datin Seri Wan Noor Daud  
Isteri Menteri Besar Selangor  
Merangkap Pengerusi BALKIS

YB Dato' Seri Hj. Onn Ismail  
Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor

YBhg. Dato' Hj. Hashim Meon  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia

YB Datin Paduka Hjh. Zaleha Ismail  
Anggota Majlis Tertinggi UMNO Selangor  
Ahli Parlimen Gombak

YB Dato' Hj. Abd. Samad Maharuddin  
Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor

YBhg. Datin Paduka Hjh. Rakibah Abd. Manap  
Bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

YBhg. Dato' Jamaluddin Adnan  
Bekas Ahli Parlimen Kuala Selangor

GARAPAN

YBhg. Tuan Haji Ramli Othman  
*Pegawai Daerah Hulu Langat*

YBhg. En. Yusof Md. Judin  
*Pegawai Daerah Kuala Langat*

YBhg. Dato' Abd. Aziz Md. Noh  
*Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor*

YBhg. Encik Dasuki Karlison  
*Setiausaha Akhbar Menteri Besar Selangor*

YBhg. Puan Hjh. Senayah Mohamad Naam  
*Pegawai Khas kepada Menteri Besar Selangor*

YBhg. Encik Jakiran Jacomah  
*Pegawai Khas II kepada Menteri Besar Selangor*

YBhg. En. Jaya Kesuma Haji Rosman  
*Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Selangor*

YBhg. Dato' Hj. Hashim Mahmud  
*Bekas Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Selangor*

YBhg. Tuan Haji Fadzil Mohd. Taib  
*Setiausaha Kerja UMNO Bahagian Kuala Selangor*

YBhg. Dato' Lim Thor  
*Wakil MCA Bahagian Kuala Selangor*



YBhg. Dato' N. Periasamy  
Wakil MIC Bahagian Kuala Selangor

YBhg. Tuan Hj. Othman Yusof  
Bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor

YBhg. Dato' Hj. Yusof Hassan

YBhg. Puan Hasnoradiah Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan dan keluarga

YBhg. Puan Hasnorliza Dato' Seri (Dr.) Haji Abu Hassan dan keluarga

YBhg. Puan Hjh. Halimah Hj. Omar dan keluarga

YBhg. Puan Hjh. Salmah Hj. Omar dan keluarga

YBhg. Puan Hjh. Pesah Hj. Omar dan keluarga

YBhg. Puan Hjh. Aminah Hj. Omar dan keluarga

YBhg. Puan Hjh. Ainon Hj. Omar dan keluarga

YBhg. Encik Rosli Hj. Abd. Ghani dan Pn. Nor Zaini Daud

YBhg. Encik Yasin Yusof dan Puan Ros Abdullah

Pejabat Menteri Besar Selangor

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

GARAPAN

Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor

Jabatan Penerangan Malaysia

Pejabat Daerah Hulu Langat

Pejabat Daerah Kuala Langat

Pejabat Perhubungan UMNO Selangor

Pejabat UMNO Bahagian Kuala Selangor

Klinik Kesihatan Telok Datok

PUSPANITA Selangor

Warga Institut Perkembangan Minda (INMIND)

... dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini ...